Profesor Dr. Merza Abbas

Pusat Usahasama Kecemerlangan Rekabentuk Mikroelektronik

Profesor Dr. Mohd. Zaid Abdullah

Sains@USM

Profesor Dr. Abdul Rahman Mohamed

Bahagian Pembangunan Institusi

Profesor Dr. Rozman Hj. Din

Dewan Budaya USM

Profesor Madya Mohamad Omar Bidin

Hospital Universiti Sains Malaysia

Dato' Dr. Zaidun Kamari

Jabatan Pembangunan

Sr Hj. Aziz Che Jusoh

Muzium & Galeri Tuanku Fauziah

Encik Zolkurnian Hassan

Pejabat Perhubungan Antarabangsa

Profesor Madya Dr. Anees Janee Ali @ Hamid

Pusat Pembangunan Perniagaan, Keusahawanan & Pengurusan Risiko

Datin Dr. Joriah Muhammad

Pusat Rancangan Kokurikulum (Kampus Induk)

Profesor Madya Dr. Ahmad Tajuddin Othman

Penerbit USM

Encik Akhbar Salleh

Pusat Inovasi & Produktiviti Pentadbiran Awam

Dr. Haji Musa Ali

Pusat Islam

Profesor Dato' Dr. Muhammad Idris Saleh

Pusat Kualiti

Profesor Madya Dr. Ahmad Hj. Mohamad

Pejabat Perhubungan Awam

Encik Mohamad Abdullah

Pusat Sejahtera

Dr. Normala Abdul Wahid

Pejabat Komunikasi Strategik

Profesor Madya Dr. Azizi Bahauddin

Pusat Sukan dan Rekreasi

Tuan Hj. Muhamad Mohd. Hanif

Pusat Transformasi Insan

Dato' Al-Ustaz Haji Elias Zakaria

Jabatan Keselamatan

Profesor Madya Dr. P. Sundramoorthy

Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi

Encik Zulham Hamdan

PENYELARAS

Bahagian Kualiti & Akreditasi (Kampus Kejuruteraan)

Profesor Madya Sr. Dr. Mohd. Sanusi S. Ahamad

Pusat Kepakaran Serantau ESD Penang@USM

Profesor Dr. Munirah Ghazali

Pusat Rancangan Kokurikulum (Kampus Kejuruteraan)

Dr. Mohd Salman Abu Mansor

Pusat Rancangan Kokurikulum (Kampus Kesihatan)

Encik Nor Azmi Zainal

Unit Penyelidikan Ilmu Falak & Sains Atmosfera

Profesor Madya Nasirun Hj. Mohd. Saleh

Unit Penyelidikan Kawalan Vektor

Dr. Hamdan Ahmad

Unit Penyelidikan & Pendidikan untuk Perdamaian

Profesor Madya Dr. Intan Hashimah Mohd. Hashim

Unit Penyelidikan Pendidikan Asas

Profesor Madya Dr. Abdul Ghani Kanesan Abdullah

Unit Kemudahan Akademik & Sokongan Teknikal (Kampus Kesihatan)

Profesor Madya Dr. Md. Salzihan Md. Salleh

Taman Rekreasi Universiti

LAr. Nor A'zam Shuib

Kampus Sejahtera

Encik Mohammad Shafiq Abdul Aziz

PENGGAWA

Desasiswa Aman Damai

Encik Nazru Hj. Ismail

Desasiswa Bakti Permai

Tuan Haji Abd Hadi Ahmad- Pemangku

Desasiswa Cahaya Gemilang

Encik Mohd. Shafie Ariffin

Desasiswa Fajar Harapan

Dr. Nik Haslinda Nik Hussain

Desasiswa Indah Kembara

Tuan Hj. Mohd Zain Dollah

Desasiswa Jaya

Dr. Mohamad Hekarl Uzir

Desasiswa Lembaran

Dr. Mohd Hazizan Mohd Hashim

Desasiswa Murni

Dr. Raja Azman Raja Awang

Desasiswa Nurani

Tuan Haji Yusoff Abdullah

Desasiswa Restu

Profesor Madya Dr. Rahimah A. Hamid

Desasiswa Saujana

Profesor Madya Dr. Mahmud Sabri Haron

Desasiswa Tekun

Dr. Nazarudin Zainun

Desasiswa Utama

Dr. Norazharuddin Shah Abdullah

PETAS (Pelajar Tanpa Asrama)

Profesor Madya Dr. Anees Janee Ali @ Hamid



LAPORAN NAIB CANSOLOR

LAPORAN NAIB CANSOLOR

BERSAMA-SAMA UNTUK KECEMERLANGAN UNIVERSITI: KETERANGKUMAN, KELESTARIAN & KECEMERLANGAN



Universiti Sains Malaysia (USM) mencapai pelbagai kejayaan dalam penyelidikan dan inovasi, kreativiti dan kualiti, melahirkan penyelidik dan personaliti yang hebat "eminence" dan "prominence" serta pelbagai kejayaan lain yang boleh dibanggakan. Keupayaan kita untuk terus memantapkan pengurusan dan pentadbiran berteraskan tadbir urus yang baik terserlah dalam memastikan USM melaksanakan dan memperkasakan pengurusan yang berintegriti dan berakauntabiliti tinggi.

2014 menyaksikan gandingan kerjasama yang mantap dalam kalangan warga Universiti pada pelbagai peringkat, dengan semangat untuk mencapai kecemerlangan berteraskan aspek keterangkuman, kelestarian dan kecemerlangan. Universiti berusaha menterjemahkan makna sebenar Program Pemacuan Untuk Kecemerlangan (APEX) dengan menggembelng kekuatan pemikiran bersama-sama untuk melakukan perubahan, bersama-sama bekerja dalam ekosfera yang menggunakan hati nurani dan kalbu untuk mentransformasikan pengajian tinggi untuk kelestarian hari esok.

Universiti menzahirkan maksud memacu kecemerlangan APEX melalui pelbagai mekanisme penyelidikan, inovasi, reka cipta dan kreativiti, kelestarian dana dan kewangan, pembangunan insan,

pengupayaan dan pemerksaan setiap sumber dan pembangunan bakat yang berterusan. APEX bermakna memanfaatkan setiap sumber dan menggunakan segenap upaya dalam mencapai matlamat, misi dan visi bersama bertunjangan motto Kami Memimpin, dengan memberikan sepenuh komitmen dalam melonjakkan nama USM dalam semangat kesatuan 1USM, secara sukarela pula membantu mereka yang memerlukan, mereka yang terpinggir dan melibat sama komuniti untuk kesejahteraan dan kelangsungan masa hadapan.

USM mengambil pelbagai inisiatif dengan melipatgandakan pencapaian daripada ahli akademik dan penyelidik, menghakupayakan dan memperkasakan pusat-pusat pengajian, pusat dan sumber-sumber serta turut menghakupayakan bakat pelajar dan akademianya serta mentransformasikan minda pentadbir dan staf untuk menjadi lebih produktif untuk terus kekal dengan momentum bagi mencapai kecemerlangan.

Program-program khusus juga telah dibuat bagi menerajui aspek kelestarian dan membangunkan kepimpinan transformasi, yang membawa perubahan dalam landskap ilmu secara holistik. Perkembangan dan kejayaan yang dicapai dalam Universiti pula digunakan bagi mentransformasikan dan memindahkan ilmu pengetahuan dan teknologi kepada masyarakat.

USM juga telah memperkukuh segala inisiatif memulakan program-program baharu untuk pelajar ijazah pertama dan ijazah tinggi, keusahawanan dan kesukarelawan, APEX Scholar, program pelajar berminda global dan pelbagai lagi. Begitu juga pengukuhan dalam pelbagai program yang berteraskan kelestarian, pelbagai jaringan utama dunia, libat sama komuniti malah program-program pemindahan ilmu, kearifan tempatan, penyelidikan dan pengkomersilan dan pelbagai lagi berteraskan merakyatkan ilmu demi masyarakat, negara dan dunia.

Hasrat USM untuk merealisasikan kecemerlangan dengan kelestarian dan keterangkuman juga telah sedaya upaya diterjemahkan melalui pelbagai usaha, dalam peningkatan kualiti dan bakat yang ada melalui tadbir urus yang sistematik. Prinsip-prinsip keterangkuman, kelestarian dan kecemerlangan berkait rapat dengan usaha-usaha yang melibatkan sembilan teras utama APEX sebagai senarai semakan untuk memastikan USM berada pada landasan yang betul termasuk pembudayaan penyelidikan, pengukuhan akademik, pengukuhan jaringan, ketenangan individu, kestabilan institusi, kestabilan persekitaran, pembudayaan kelestarian, pembudayaan kesejahteraan dan pembudayaan perhubungan.

Prestasi USM dalam QS Subjek Ranking menunjukkan 12 mata pelajaran berada dalam 200 teratas dunia dalam subjek-subjek tertentu, dengan yang paling konsisten di tempat ke-28 dunia ialah Sains Persekitaran. Subjek farmasi dan kejuruteraan dan teknologi pula berada pada kedudukan 100 terbaik. Di samping itu, Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-ubatan (PPDU) bergerak maju dalam teras penyelidikan dan REDAC baru-baru ini dalam teras perkhidmatan, di samping dua lagi pusat yang baharu diluluskan penubuhan iaitu Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) dan Institut Penyelidikan dan Teknologi Nano Opto Elektronik (Institute of Nano Opto Electronics Research and Technology atau INOR). Prestasi Pusat Inovasi dan Produktiviti Pentadbiran Awam (PIPPA) yang baru sahaja beroperasi juga amatlah memberangsangkan.

Bakat yang digilap juga kini menjadi tersohor di persada dunia. Profesor Dr. Abdul Latif Ahmad, penerima Anugerah Merdeka, satu anugerah paling berprestij yang dinobatkan pada tokoh-tokoh negara telah disenaraikan sebagai salah seorang World Most Influential Scientist oleh Thomson Reuters, bersama seorang lagi

pensyarah, Profesor Dr. Bassim Hameed. Profesor Madya Dr. Lim Jit Kang mendapat Anugerah Saintis Muda oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

USM memperluas jaringan pintar ke merata pelosok dunia dengan menyaksikan rangkaian penyelidikan dengan beberapa institusi terkemuka termasuk RIKEN Institute di Jepun, Yale di Amerika Syarikat dan Cambridge University di United Kingdom serta di Perancis dan Jerman. Dalam hubungan industri pula memperlihatkan penubuhan kluster untuk memenuhi keperluan industri dan sektor korporat melalui nic tertentu misalnya kluster SME-Assist. USM juga mengukuhkan hubungan strategik jangka panjang dengan industri, misalnya dengan Toray, CIMB, Fuji dan Altera.

Dalam kolaborasi antarabangsa, USM telah menandatangani 227 Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) yang melibatkan pelbagai institusi di lebih 60 buah negara.


Dari segi kualiti graduan pula, USM mencapai 80.9% peratusan graduan yang bekerja, 16.1% peratusan graduan yang bekerja dengan syarikat-syarikat multinasional dunia (MNCs) dengan hampir 5% graduan antarabangsa bekerja di luar negara yang melibatkan 1,720 jumlah graduan sarjana dan 583 jumlah graduan Ijazah Kedoktoran.

Dari aspek pelajar pula, USM yang kini mempunyai lebih 30,000 pelajar terus cemerlang dan terlibat aktif dalam pelbagai aktiviti yang dilaksanakan oleh universiti mahupun aktiviti yang dianjurkan oleh pelajar sendiri. Penglibatan pelajar dalam kor kesukarelawanan dan kampus sejahtera juga amat memberangsangkan. Kor Sukarelawan USM kini dianggotai oleh seramai 2,000 mahasiswa yang turut bergiat aktif di luar kampus. Manakala sukarelawan Kampus Sejahtera mengumpulkan penglibatan 10,108 pelajar dalam kampus yang bergiat aktif membudayakan pelbagai aktiviti yang bertunjangkan aspek kelestarian.

2014 telah memberikan satu penanda aras yang tinggi dalam memimpin program kesukarelawanan. Pada peristiwa bersejarah banjir besar di Kelantan penghujung 2014, USM telah menggerakkan pelbagai inisiatif termasuk membuka bilik gerakan dan War Room Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan operasinya sebahagian besar dikawal selia oleh pihak Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP). Keupayaan ini membuktikan konsep Saya Sayang USM yang diperkenalkan tidak sampai dua tahun telah meresap dalam nadi setiap yang bergelar warga USM.

Secara keseluruhannya, USM sentiasa memposisikan kedudukan untuk menggerakkan segala sumber dalam usaha memimpin kelestarian dan memacu dunia ilmu dalam acuan yang diinginkan. Kepada semua warga Universiti, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan di atas segala keringat dan kerjasama yang diberikan sebagai satu pasukan untuk memupuk komuniti kampus yang sayang akan menara ilmu. Pelbagai pencapaian dilakukan oleh pelbagai pihak seharusnya diberi penghargaan yang tinggi kerana ia selama ini menjadi nadi dan jiwa USM dan semestinya ia terus disuburkan bagi merealisasikan misi Kami Memimpin, Memacu Kecemerlangan.

**LAPORAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL AKADEMIK & ANTARABANGSA)**



LAPORAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL AKADEMIK & ANTARABANGSA)

Pengenalan

Universiti telah melalui proses penilaian semula semua program akademik yang ditawarkan oleh Pusat Kualiti bersama penilai yang dilantik untuk memainkan peranan dalam pengauditan program secara dalaman. Pusat Kecemerlangan Akademik dan Penasihatannya dan Pembangunan Pelajar telah memberikan tumpuan terhadap kecemerlangan penyampaian program akademik melalui peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Semua program akademik USM telah melalui proses Semakan Kurikulum dengan menepati keperluan Malaysian Qualifications Framework (MQF) serta badan profesional berkaitan.

Pembangunan dan Kecemerlangan Akademik

a. USM telah mengorak langkah dan membangunkan Platform OER@USM

Open Educational Resources (OER) merupakan bahan pembelajaran berasaskan internet yang boleh diakses secara terbuka. Pembangunan OER menyokong konsep pendidikan percuma untuk semua lapisan masyarakat. Platform OER@USM telah lengkap dibangunkan dan boleh diakses di URL: ocw.usm.my. Beberapa aktiviti telah dijalankan untuk tujuan penjenamaan USM dengan meletakkan kursus-kursus OER@USM pada konsortium dan platform pembelajaran antarabangsa. Platform OER@USM telah dilancarkan pada 20 Ogos 2014 dan setakat ini, sebanyak 333 video pengajaran yang merangkumi 28 kursus telah dimuat naik ke platform ini dan juga ke YouTube untuk diakses oleh pelajar dan masyarakat luar.

Pembangunan OER juga menyokong agenda nasional dalam aspek pembelajaran sepanjang hayat, masyarakat berilmu dan pendemokrasian pendidikan (bottom billion), dalam masa yang sama, melonjakkan nama USM ke peringkat global. USM telah diterima menjadi ahli **Open Education Consortium**. Konsortium ini ialah konsortium antarabangsa yang dianggotai oleh institusi pendidikan antarabangsa yang terkenal di dunia. USM telah pun memasang **Auto Lecture Capture** Sistem dalam tiga dewan kulliah dan sistem ini membolehkan rakaman dimuat naik terus ke dalam platform eLearn@USM. Kesan positif yang diperolehi daripada projek OER ini ialah:

- i. Peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran.
- ii. Peningkatan bilangan *e-content* USM secara ketara.
- iii. Akses pendidikan USM dibuka kepada pelajar sepanjang hayat.
- iv. Penjenamaan USM pada peringkat global.
- v. Memperkenalkan *niche area* USM ke peringkat antarabangsa.

b. Peningkatan Bilangan Graduan Ph.D. Tertinggi pada 2014

Bilangan graduan PhD adalah tertinggi pada tahun 2014. Seramai 555 pelajar ijazah tinggi peringkat PhD berijazah tahun ini. Prestasi pelajar PhD mengikut tempoh masa berijazah terdapat pada jadual di bawah :

< 30 bulan	30-35 bulan	36-42 bulan	43-48 bulan	>48 bulan	Jumlah PhD
4	21	62	91	377	555

Daripada jumlah ini seramai 259 graduan ialah pelajar tempatan manakala 296 graduan ialah pelajar antarabangsa. Peningkatan graduan mod penyelidikan secara tidak langsung turut menyumbang peningkatan bilangan graduan GOT (Graduate On Time).

Statistik GOT PhD. Mod Penyelidikan

TAHUN	JUMLAH
2012	50
2013	76
2014	87
JUMLAH	213

Penawaran Program Baharu

Program akademik baharu yang diluluskan oleh Senat dan Lembaga Gabenor Universiti pada tahun 2014 adalah seperti berikut :

- i. Sarjana Amalan Pembangunan Lestari [Masters in Sustainable Development Practice]
- ii. Sarjana Sains (Kejuruteraan Internet) [Master of Science (Internet Engineering)]
- iii. Sarjana Sains (Bioperubatan) [Master of Science (Biomedicine)]
- iv. Sarjana Sains (Teknologi Bangunan) [Master of Science (Building Technology)]

Program Co-tutelle PhD dengan France

Kerjasama akademik dengan Universite de Lorraine (UL) dan Pusat Pengajian Sains Kimia telah menghasilkan calon Co-tutelle PhD yang keenam bagi USM memulakan PhDnya di UL, Nancy pada September 2014. MoA antara UL dengan USM diperbaharu bagi kali ketiga di pejabat Presiden UL, Nancy pada 16 September 2014 dan USM mendapat geran sejumlah RM 20,000 daripada Kedutaan Perancis untuk menampung aktiviti USM-UL.



Program Ijazah Sarjana Antarabangsa dengan Negara Jerman

Kerjasama akademik ini telah dimulakan oleh Pusat Pengajian Sains Fizik. Program Ijazah Sarjana antarabangsa yang baru ini menawarkan peluang untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Kejuruteraan (M.Eng) yang diiktiraf dari Eastern Bavarian University of Technology (OTH Regensburg) dari negara Jerman dan Ijazah Sarjana Sains (M.Sc) dari USM (Malaysia) sekali gus.

Penawaran program Ijazah Sarjana Antarabangsa [(Kejuruteraan Elektrik dan Sistem Mikro) dan (Fizik Keadaan Pepejal) melalui mod campuran secara penuh masa oleh Pusat Pengajian Sains Fizik, Universiti Sains Malaysia dan Eastern Bavarian University of Technology (OTH - Ostbayerische Technische Hochschule) telah diusul pada awal 2014 dan telah diluluskan pada peringkat LGU pada 29 Ogos 2014. Program ini akan ditawarkan bermula pada sidang 2015/16 yang akan datang dengan pengambilan dua orang pelajar dari Jerman seperti yang diunjurkan.



Lawatan daripada Presiden OTH (Ostbayerische Technische Hochschule), Profesor Wolfgang Baier dan Penasihat Akademik Program di OTH, Profesor Rupert Schreiner ke Pusat Pengajian Sains Fizik

IPS USM@KL (Institut Pengajian Siswazah USM di Kuala Lumpur)

IPS USM@KL memainkan peranan sebagai pusat penawaran program ijazah tinggi USM di Kuala Lumpur dalam usaha meneroka pasaran baharu dan menyediakan program-program latihan untuk pasaran peringkat antarabangsa. Tiga program ijazah tinggi ditawarkan di IPS USM@KL iaitu :

- Program Sarjana Komunikasi (Komunikasi Pemasaran Bersepadu) telah mula ditawarkan di IPS USM@KL pada tahun 2012 dan seramai 42 pelajar telah pun berijazah.
- Sarjana Amalan Pembangunan Lestari bermula pada September 2014
- Sarjana Sastera (Pengajian Penterjemahan) bermula pada September 2014

Program Doktor Perubatan USM- KLE University, India

Pada tahun 2014, pelajar perubatan dari tahun 1 hingga tahun 5 (iaitu 471 pelajar) sedang mengikuti pengajian Program Doktor Perubatan Antarabangsa melalui kerjasama USM dengan *Karnataka Lingayat Education Society (KLE)* dengan pengambilan kumpulan pertama seramai 43 pelajar pada tahun 2010 yang kini sedang mengikuti pengajian tahun akhir (tahun 5). Kumpulan pelajar ini dijangka berijazah pada konvokesyen ke-52 USM pada tahun 2015.

Program JENESYS (*Japan-East Asia Network of Exchange for Students and Youths*)

Pada bulan Mei 2014, USM telah menghantar 129 pelajar untuk mengambil bahagian dalam program ini di Tokyo, Yokohama, Gunma, Sendai dan Fukuoka. Program ini mensasarkan pelajar dalam jurusan Sains dan Teknologi dan telah melibatkan pelajar dari 18 buah pusat pengajian di USM. Program ini bertujuan memulihkan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi Jepun, meningkatkan jumlah pengunjung ke Jepun, dan pada masa yang sama, menggalakkan persefahaman global terhadap nilai-nilai adat dan budaya Jepun.




Pelajar USM sedang belajar seni menyediakan sushi dengan komuniti di Sendai, Jepun

Program Akademik dengan Gustavus Adolphus College, Amerika Syarikat – “Semester in Malaysia (*Living Diversity*)”

Program perintis akademik satu semester ini merupakan program baru dan kali pertama dijalankan pada tahun 2014. Para pelajar yang terlibat dalam program ini telah mengambil 4 buah modul yang dirangka khas melalui beberapa perbincangan yang melibatkan pegawai USM dan pensyarah daripada 4 buah pusat pengajian USM seperti berikut:

- i. Modul 1 : *Tropical Ecology*
- ii. Modul 2 : *Malay Language and Culture*
- iii. Modul 3 : *Religious Experiences in Malaysia*
- iv. Modul 4 : *Living Diversity*

Empat modul ini telah mendapat pengiktirafan dari Gustavus Adolphus College, Amerika Syarikat dan semua pelajar dalam program ini mendapat kredit penuh bagi empat modul ini yang telah disediakan khas oleh pensyarah USM.



Para pelajar Program Gustavus semasa lawatan ke Wadda Gurdwara Sahib di Georgetown Pulau Pinang sempena Hari Vasakhi.

Pencapaian dalam Aspek Pengurusan Kualiti Akademik

Semua Program Akademik USM (Prasiswazah, Pascasiswazah dan Pendidikan Jarak Jauh) telah mencapai pematuhan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) dan keperluan badan-badan profesional.

Semua lokasi penawaran program akademik USM di luar Kampus Induk telah lulus dan memenuhi keperluan audit premis/lokasi JPA/MQA. Sebanyak 12 lokasi di seluruh negara telah diaudit oleh MQA termasuklah cawangan Institut Pengajian Siswazah USM di Kuala Lumpur. Dengan itu, semua program akademik yang ditawarkan di lokasi-lokasi berkenaan dikira sebagai sah dan boleh diberi perakuan akreditasi.

Sistem Pengauditan Program Akademik Peringkat Prasiswazah dan Pascasiswazah telah dimantapkan dengan Sistem Proses Kerja Piawai dan kumpulan panel auditor terlatih sekitar 100 orang.

Usaha Untuk Mendapatkan Akreditasi Antarabangsa

Pusat Pengajian Teknologi Industri dan Pusat pengajian Sains Kimia sedang berusaha untuk mendapat pengiktirafan antarabangsa untuk program-program akademik seperti berikut :

- i. Pengiktirafan dari *Institute of Food Technologist (IFT)*, Amerika Syarikat untuk Program Sarjana Muda Teknologi Makanan di PP Teknologi Industri
- ii. Pengiktirafan dari *Royal Chemical Society, United Kingdom* untuk Program Sarjana Muda Sains Kimia, PP Sains Kimia

Program Pembangunan Profesional & Peribadi Siswazah

Institut Pengajian Siswazah telah menyediakan Program Pembangunan Profesional dan Peribadi yang memberikan fokus terhadap peningkatan pengetahuan, kemahiran insaniah, keupayaan dan kredibiliti pelajar. Salah satu aspek yang dititikberatkan ialah pembangunan modul bagi setiap tajuk bengkel yang terlibat. Setiap bengkel yang hendak ditawarkan perlu mempunyai modul yang menepati garis panduan yang telah ditetapkan. Sebanyak 161 bengkel telah dijalankan pada tahun 2014 dan sehingga tahun 2014, sebanyak 44 modul telah pun dibangunkan untuk membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran sendiri yang lengkap dan terancang.

Program Usahasama Akademik

Dalam usaha melebarkan peluang pendidikan tinggi, USM telah meneruskan kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Kolej Pengurusan ASTIN dan Kolej KDU dengan menawarkan program Sarjana Muda Pengurusan.

Seramai 126 pelajar mengikuti pengajian di bawah program usaha sama akademik pada 2014.

Syaraham Umum

Sepanjang tahun 2014 sebanyak 11 Syarahan Umum Pelantikan Profesor dan dua Syarahan Umum Peringkat Antarabangsa telah diadakan di USM, seperti berikut:

Syaraham Umum Pelantikan Profesor

Bil.	Nama /Pusat Pengajian	Tajuk	Tarikh
1	Prof. Dr. Ab Aziz Al Safi Ismail PP Sains Perubatan	Bekam dan Amalan Sunnah Mencegah Penyakit Kronik	29 Jan. 2014
2	Prof. Dr. Siti Amrah Sulaiman PP Sains Perubatan	Madu Lebah Penawar Penyakit Sepanjang Zaman	29 Jan. 2014
3	Prof. Dr. Rokiah Hashim PP Teknologi Industri	Bahan Semula Jadi daripada Biosumber Pokok dalam Pembuatan Bod Komposit	16 Mei 2014
4	Prof. Dr. Adnan Hussein PP Komunikasi	Daripada bab Edh – Dhra ke Perkampungan Sejagat: Kepelbagaian, <i>Dinamisme</i> dan Cabaran Pengajian Komunikasi Kini	24 Mei 2014
5	Prof. Dr. Dato' Ishak Ismail PP Pengurusan	<i>Ethical Leadership Towards Sustainable SMEs</i>	3 Okt. 2014
6.	Prof. Dr. Lim Chap Sam PP Ilmu Pendidikan	Imej Matematik, Kualiti Guru	14 Okt. 2014
7	Prof. Dr. Munirah Ghazali PP Ilmu Pendidikan	<i>A Research to Assess Children's Number Sense a Means of Mathematical Thinking</i>	14 Okt. 2014
8	Prof. Dr. Farook Adam PP Sains Kimia	Mungkin untuk Tindak Balas Serba Hijau Pengestaran dan Penggunaan Silika daripada Sekam Padi	31 Okt. 2014
9	Prof. Dr. Mohd Asri Mohd Nawi PP Sains Kimia	Idea-idea Novel dalam Pembangunan Teknologi Hijau Foto Pemangkinan TiO ₂	31 Okt. 2014
10	Prof. Dr. Khoo Boon Chong PP Sains Matematik	Carta- carta Kawalan Kualiti Berstatistik dalam Penambahbaikan Kualiti	23 Dis. 2014
11	Prof. Dr. Ahmad Izani Md. Ismail PP Sains Matematik	Persamaan Pembezaan Separa: Penyelesaian dan Aplikasi	23 Dis. 2014

Syaraham Umum Antarabangsa

Bil.	Nama	Tajuk	Tarikh
1.	Prof. Emeritus Harold Ramkissoon, <i>Department of Mathematics & Statistics, University of the West Indies, Trinidad.</i>	<i>Reflections of a Reseacher</i>	15 Sept. 2014
2.	Dr. Paul Dear, <i>MRC Laboratory of Molecular Biology, Cambridge.</i>	<i>Recruitment for Reseacher Excellence: Experience of MRC</i>	2 Dis. 2014

Program Pertukaran Pelajar

Pada 2014 seramai 235 orang pelajar dari universiti luar negara telah mengikuti Program Pertukaran Pelajar di USM. Sementara itu, seramai 86 orang pelajar USM telah mengikuti Program Pertukaran Pelajar di luar negara. Perinciannya adalah seperti berikut:

Program Pertukaran Pelajar Universiti Luar Negara di USM

Bil.	Negara	Nama Universiti	Bilangan Pelajar	Jumlah
1	Australia	The University of Adelaide	1	1
2	Austria	University of Applied Sciences, Kufstein	1	8
		FH Kufstein Tirol	7	
3	Belgium	Universite Saint-Louis	4	4
4	Brunei	Universiti Brunei Darussalam	22	22
5	Canada	University of Guelph	3	7
		The University of British Columbia	1	
		University of Lethbridge	2	
		Memorial University of Newfoundland	1	
6	China	City University of Hong Kong	2	2
7	Czech Republic	Czech Technical University in Prague	2	2
8	Denmark	Copenhagen Business School	2	2
9	Finland	HAMK University of Applied Sciences	2	30
		Helsinki Metropolia University of Applied Sciences	4	
		Lappeenranta University of Technology	2	
		Satakunta University of Applied Sciences	3	
		Tampere University of Applied Sciences	3	
		Tampere University of Technology	9	
		University of Tampere	3	
Saimaa University of Applied Sciences	4			
10	Perancis	Universite de la Rochele	1	6
		Institut d'Etudes Politiques	1	
		INSA de Toulouse	3	
		Neoma Business School	1	
11	Jerman	Technische Hochschule Nuernberg Georg Simon Ohm	7	34
		Fh Aachen University of Applied Sciences	7	
		Allianz Deutschland AG	1	
		Karlsruhe University of Applied Sciences	1	
		Hochschule Konstanz University of Applied Sciences	3	
		Humboldt University zu Berlin	1	
		Fern Universitat in Hagen	1	
		Technische Universität Braunschweig	1	
		Technische Universität Hamburg-Harburg	1	
		TU Clausthal	9	
		University of Applied Sciences Bremen	1	
University of Applied Sciences Regensburg	1			

12	Indonesia	Universitas Indonesia	1	27
		Binus University	2	
		Bogor Agricultural Universities	1	
		Maranatha Christian University	4	
		Universitas Mercu Buana	4	
		Universitas Muhammadiyah Yogyakarta	9	
		Universitas Surabaya	1	
		University Brawijaya	5	
13	Jepun	Akita International University	2	12
		Doshisha University	2	
		Kansai Gaidai University	1	
		Meiji University	1	
		Ritsumeikan University	3	
		Soka University	1	
		Tokyo University of Foreign Studies	2	
14	Korea	Chonnam National University	6	22
		Hankuk University of Foreign Studies	5	
		Sungkonghoe University	3	
		Hannam University	4	
		Kyonggi University	2	
		Seoul National University of Science and Technology	2	
15	Morocco	ISCAE Group	5	5
16	Norway	University of Stavanger	1	1
17	Pakistan	Lahore University of Management Sciences	3	3
18	Spain	Universidad Pontificia Comillas	1	1
19	Sweden	Uppsala University	3	11
		Linkoping University	7	
		Helsinki Metropolia University of Applied Sciences	1	
20	Switzerland	FHS St. Gallen	4	6
		University of St. Gallen	2	
21	Taiwan	Tzu Chi University	1	1
22	Thailand	Hatyai University	11	13
		Prince of Songkhla University	1	
		Chiang Mai University	1	
23	Belanda	Avans University of Applied sciences	6	13
		Utrecht University	6	
		Hogeschool van Amsterdam	1	
24	Amerika Syarikat	Pacific Northwest College of Art	1	2
		West Texas A & M University	1	
JUMLAH BESAR				235

Pelajar Pertukaran USM di Universiti Luar Negara

Bil.	Negara	Jumlah Pelajar 2014
1	Australia	18
2	Belanda	1
3	Finland	1
4	Greece	1
5	Hong Kong	2
6	India	1
7	Indonesia	13
8	Ireland	1
9	Jepun	6
10	Jerman	13
11	Kanada	4
12	Korea	2
13	Poland	2
14	Sweden	2
15	Taiwan	8
16	Thailand	11
Jumlah		86

Rumusan

Universiti sentiasa memberikan tumpuan terhadap kecemerlangan dan kualiti akademik yang ditawarkan. Program pengajian yang ditawarkan melalui proses akreditasi yang ketat dan dinilai oleh penilai luar sama ada daripada ahli akademik tempatan ataupun antarabangsa dan pihak-pihak yang berkepentingan seperti industri dan badan profesional. Secara keseluruhan pencapaian akademik pelajar USM adalah baik dengan mengambil kira bilangan graduan PhD yang tertinggi pada tahun 2014.



**LAPORAN TIMBALAN NAIB CANCELOR
(PENYELIDIKAN & INOVASI)**

LAPORAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)

PENGENALAN

Bahagian Penyelidikan & Inovasi bertanggungjawab menguruskan geran penyelidikan, kolaborasi penyelidikan, persidangan luar negara dan aspek inovasi dan pengkomersialan. Laporan pencapaian Bahagian ini adalah seperti di bawah:

GERAN PENYELIDIKAN

Jumlah peruntukan geran yang diterima daripada sumber luar dan dalam sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:-

Sumber Luar

Secara perbandingan jumlah projek baharu daripada sumber luar yang diterima pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 adalah seperti berikut:

Jenis Geran Sumber Luar	2013			2014		
	Projek Aktif Dalam Tempoh	PROJEK BAHARU		Projek Aktif Dalam Tempoh	PROJEK BAHARU	
		Bil. Projek	Peruntukan Keseluruhan (RM)		Bil. Projek	Peruntukan Keseluruhan (RM)
Agensi Luar	278	76	6,953,599.71	271	68	8,645,351.49
Kerajaan	90	27	3,048,691.58	74	20	5,394,655.99
Swasta	77	28	2,508,761.93	89	27	1,837,797.81
Antarabangsa	111	21	1,396,146.20	108	21	1,412,897.69
FRGS	329	143	20,064,006.00	380	147	16,238,467.00
ERGS	140	47	5,067,000.00	122	-	-
PRGS-KPT	18	9	1,812,500.00	20	4	562,860.00
LRGS	8	3	379,063.00	8	0	0.00
TRGS	-	-	-	4	4	704,626.00
Science Fund	45	9	2,149,793.00	50	12	2,104,908.00
JUMLAH	818	287	36,425,961.71	855	235	28,256,212.49

Secara keseluruhan berlaku penurunan bilangan projek bagi geran agensi luar tahun 2014 berbanding 2013 adalah kerana penyelidik memberikan tumpuan yang lebih banyak untuk mendapatkan geran daripada kementerian berbanding memohon geran daripada industri dan antarabangsa.

Prestasi pada tahun 2014 bagi geran dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meningkat dari segi bilangan geran/projek yang diluluskan iaitu peningkatan sebanyak lapan peratus. Walau bagaimanapun, peruntukan yang diluluskan telah menurun sebanyak 33 peratus kerana pemansuhan beberapa skim geran penyelidikan seperti *ERGS*, tiada tawaran *LRGS* dan *PRGS*. Bagi Skim Geran Penyelidikan Fundamental (*FRGS*), sebanyak 245 daripada 396 permohonan telah dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2013. Jumlah yang diluluskan ialah 143 projek dengan peruntukan RM20,064,006.00. Pada tahun 2014, sebanyak 289 permohonan telah dikemukakan kepada KPM daripada 362 permohonan. Jumlah yang diluluskan oleh kementerian ialah sebanyak 147 projek dengan peruntukan RM16,238,467.00. Peningkatan geran *FRGS* pada tahun 2014 adalah kerana penyelidik muda turut mengambil kesempatan untuk memohon geran ini. Penurunan peruntukan diterima pula adalah kerana pada peringkat Kementerian telah mengurangkan siling peruntukan per projek.

Sumber Dalam

Secara perbandingan, pada 2013 peruntukan untuk projek baharu bernilai RM15,017,220.19 meningkat kepada RM37,642,979.52 pada 2014 dan perinciannya seperti berikut:

Jenis Geran Sumber Dalam	2013			2014		
	Projek Aktif Dalam Tempoh	PROJEK BAHARU		Projek Aktif Dalam Tempoh	PROJEK BAHARU	
		Bil. Projek	Peruntukan Keseluruhan (RM)		Bil. Projek	Peruntukan Keseluruhan (RM)
Insentif	155	6	30,000.00	12	-	-
IReC	12	12	2,812,415.04	12	-	-
USM Jangka Pendek	659	86	3,180,167.85	716	318	11,622,125.60
RUI	554	102	17,511,719.51	554	120	17,138,830.08
RUT	21	7	5,445,055.90	21	-	-
RUC	6	-	-	6	-	-
RU TOP-DOWN	6	1	1,000,000.00	23	17	7,723,200.00
DE	42	4	147,777.50	42	-	-
Dana Inovasi Awal	19	14	690,571.60	38	24	1,158,823.84
JUMLAH	1474	232	15,017,220.19	1424	479	37,642,979.52

Secara umum, peruntukan untuk geran penyelidikan daripada sumber dalaman diperoleh daripada peruntukan universiti penyelidikan. Peruntukan universiti penyelidikan telah berkurangan dan tumpuan peruntukan hanyalah untuk membiayai geran penyelidikan jangka pendek, geran penyelidikan individu dan geran universiti penyelidikan "top-down". Tumpuan juga diberikan untuk menggalakkan mereka yang belum mempunyai sebarang geran penyelidikan dan penyelidik yang baharu kembali bertugas ke USM. Di samping itu, tumpuan untuk menggalakkan pengkomersialan diadakan dengan memperuntukkan geran Dana Inovasi Awal.

Secara keseluruhannya, jumlah projek baharu di bawah peruntukan geran penyelidikan jangka pendek bagi tahun 2013 ialah sebanyak 86 projek dengan peruntukan sebanyak RM 3,180,167.85 dan bagi tahun 2014 sebanyak 318 projek dengan peruntukan sebanyak RM11,622,125.60.

Pada tahun 2013, sebanyak 102 Geran RUI telah diperakukan oleh Universiti dengan jumlah RM17,511,719.51 manakala pada tahun 2014 pula sebanyak 120 telah diperakukan dibawah Geran RUI dengan jumlah RM17,138,830.08. Kuantiti projek yang diperakukan telah meningkat memandangkan siling untuk setiap projek telah dikurangkan kepada RM200,000 (sebelum ini siling projek ialah RM250,000). Hal ini dapat memberikan peluang lebih banyak kepada penyelidik USM untuk memegang geran Universiti Penyelidikan.



Seorang pelajar sedang menjalankan ujikaji.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

The World's Most Influential Scientific Minds 2014

Dua orang penyelidik USM telah tersenarai dalam Thomson Reuter sebagai *World's Best and Brightest Scientific Minds* melalui laporan *The World's Most Influential Scientific Minds 2014*. Mereka ialah Prof. Dr. Abdul Latif Ahmad dan Prof. Dr. Bassim H. Hemeed. Kedua-duanya dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia.

Anugerah Merdeka Award 2014

Prof. Dr. Abdul Latif Ahmad dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia telah menerima anugerah *Merdeka Award 2014* sebagai *Outstanding Scholastic Achievement* yang mengiktiraf sumbangan besar beliau dalam bidang sains polimer, rawatan air kumbahan dan teknologi pengasingan membran.



Prof. Dr. Abdul Latif Ahmad

Anugerah Felo Akademi Sains Malaysia

Prof. Dr. Abdul Rahman Mohamed dari Pusat Kolaboratif Industri telah menerima Anugerah Felo Akademi Sains Malaysia yang mengiktiraf pencapaian luar biasa, komitmen, kesungguhan dan kreativiti penerima dalam satu daripada enam bidang, iaitu: Perubatan dan Sains Kesihatan; Kejuruteraan dan Sains Komputer, Biologi, Pertanian dan Sains Alam Sekitar, Matematik, Fizik dan Sains Bumi, Sains Kimia, Sains dan Teknologi Pembangunan dan Industri.

Top Research Scientists of Malaysia

Seramai empat orang penyelidik dari USM juga telah menerima anugerah 2014 *Top Research Scientists of Malaysia*. Mereka ialah Prof. Datuk Dr. Abdul Khalil Shawkataly (Pusat Pengajian Teknologi Industri), Prof. Dr. Ahmad Zuhairi Abdullah (Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia), Prof. Dr. Hazizan Md. Akil (Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral) dan Prof. Dr. Mariatti Jaffar @ Mustapha (Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral).

Anugerah Saintis Muda Negara

Prof. Madya Dr. Lim Jit Kang dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia telah menerima Anugerah Saintis Muda Negara 2014 daripada Kerajaan Malaysia di bawah kelolaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia. Anugerah ini adalah sebagai penghormatan dan pengiktirafan terhadap sumbangan dan pencapaian mereka dalam penyelidikan dan pembangunan sains, teknologi dan inovasi.



Prof. Dr. Bassim H. Hemeed (duduk di hadapan) bersama Felo Penyelidik

PERSIDANGAN LUAR NEGARA

Pembiayaan menghadiri persidangan luar negara sebagai pembentang kertas kerja dibiayai sama ada daripada geran penyelidikan para penyelidik, Tabung Persidangan Luar Negara (TPLN) ataupun peruntukan Universiti Penyelidikan (Peruntukan Pusat). Secara asasnya, peruntukan dari TPLN adalah untuk para penyelidik baharu yang tidak mempunyai geran penyelidikan untuk membiayai kehadiran mereka dalam persidangan atau bagi penyelidik yang belum pernah dibiayai untuk persidangan sepanjang perkhidmatan mereka. Universiti menggalakkan penyelidik senior mencari pembiayaan dari luar untuk membiayai perbelanjaan persidangan mereka dan tidak bergantung pada peruntukan TPLN sahaja.

Pada tahun 2014, sebanyak RM250,000 peruntukan dari TPLN dan peruntukan ini telah habis dibelanjakan untuk membiayai 29 orang pembentang dalam pelbagai persidangan di pelbagai negara. Manakala sumber peruntukan Universiti Penyelidikan, sebanyak RM512,644.00 telah dibelanjakan untuk membiayai 55 penyelidik menghadiri persidangan luar negara.


INOVASI & PENGKOMERSILAN

Pencapaian universiti dalam usaha menjana pendapatan melalui pengkomersialan adalah sangat memberangsangkan. Sejumlah lebih kurang 300 harta intelek telah dihasilkan pada peringkat universiti dengan 92 produk bertemakan kelestarian. Melalui program usaha sama *Symbiosis*, sebanyak Sembilan teknologi USM telah diambil untuk pelaburan bernilai RM16,135,500.00 oleh pihak MTDC. Pada tahun 2014, sebanyak tiga daripada teknologi ini telah dipasarkan iaitu *Nutrimush*, *Banana Plantles* dan Teknik Propagasi Mikro Misai Kucing.

Jalinan Kerjasama Dan Kolaborasi

Pada tahun 2014, universiti telah bekerjasama dengan pelbagai pihak melalui jalinan kerjasama dan potensi kolaborasi yang dimeterai dengan perjanjian-perjanjian dan perundingan. Rajah dibawah menunjukkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan bersama-sama organisasi yang terlibat dalam jalinan usaha sama yang dimeterai melalui memorandum persefahaman dan perjanjian.


Jalinan Usahasama Pengkomersialan Bersama Pelbagai Organisasi



Penjanaan Kewangan

Kejayaan universiti dalam penjanaan pendapatan dapat diukur dari segi penjanaan kewangan harta intelek berdasarkan jumlah produk yang dikomersialkan, perundingan, kontrak penyelidikan, kursus dan latihan serta pengujian dan analisis. Jadual di bawah menunjukkan keberhasilan aktiviti inovasi dan pengkomersialan harta intelek universiti.

Penjanaan Pendapatan dari Harta Intelek



Paten

Pencapaian diukur dari sudut paten yang dianugerahkan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa, pemfailan paten pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa, perundingan pengkomersialan dengan syarikat atau industri berkaitan, penubuhan syarikat-syarikat baharu (*start-up company*), Usahasama (*JV*) dan penubuhan anak syarikat atau subsidiari di bawah cabang komersial Universiti iaitu *USAINS Holdings Sdn. Bhd.* Jadual di bawah menunjukkan pencapaian berdasarkan bilangan keberhasilan ini secara kumulatif pada tahun 2014 berbanding tahun 2013.

Perbandingan Keberhasilan Teknologi dan Harta Intelek

Perkara	Bilangan	
	2013	2014
Paten Yang Dianugerahkan (Kebangsaan dan Antarabangsa)	36	67
Paten Yang Difailkan (Kebangsaan dan Antarabangsa)	295	380
Perundingan Pengkomersialan	52	64
Penubuhan <i>start-up company</i> (Melalui Program IEDP – <i>Symbiosis</i> anjuran MTDC)	9	9
Penubuhan Syarikat di bawah <i>USAINS Holding Sdn. Bhd.</i>	5	7

Pada tahun 2014, terdapat 12 paten yang telah berjaya memperoleh status penganugerahan iaitu:

- Empat paten oleh Institut Penyelidikan Perubatan Molekul
- Dua paten oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia
- Dua paten oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral
- Masing-masing satu dari Pusat Pengajian Sains Kimia, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Pusat Pengajian Sains Fizik dan Pusat Pengajian Sains Pergigian.

Daripada senarai tersebut, tujuh daripadanya telah dipatenkan di Malaysia, dua di Australia dan masing-masing satu di negara Jepun dan Amerika Syarikat.

Bagi kategori pemfailan paten, pada tahun 2014 sejumlah 20 paten yang masih tersenarai dalam kategori "file & pending". Institut Penyelidikan Perubatan Molekul telah berjaya memfailkan jumlah sembilan paten baharu pada tahun 2014 dan sekali gus merupakan PTJ yang terbanyak dalam penghasilan paten. Tiga daripadanya telah dipatenkan dalam negara dan selebihnya di luar negara seperti di negara Brazil, Mexico, Colombia, India, Vietnam dan Afrika Selatan. Manakala Pusat Pengajian Sains Kimia berjaya memfailkan dua paten baharu. Selain itu, Pusat Pengajian Sains Komputer juga berjaya memperoleh dua paten yang tersenarai dalam kategori "file & pending". Untuk Instituti Perubatan & Pergigian Termaju, Pusat Pengajian Sains Pergigian, Sains Kajihayat, Kejuruteraan Kimia, Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral serta Sains Kimia, masing-masing telah berjaya memfailkan satu paten baharu di Malaysia.

Secara keseluruhannya, terdapat 20 paten baharu yang berjaya difailkan di dalam dan luar negara daripada 10 pusat pengajian. .

Bagi kategori cap dagangan, sebanyak empat telah difailkan pada 2014 dan satu reka bentuk industri juga telah difailkan.

Pameran Penyelidikan

Penyelidik USM telah menyertai pameran penyelidikan dan perdagangan di dalam dan di luar negara bagi tujuan penilaian sesuatu harta intelek di pasaran sebelum dinilai untuk potensi pengkomersialan. Antara teknologi dan produk yang telah dipamer dan dipertandingkan di dalam dan luar negara terutamanya di pasaran Eropah yang mendapat perhatian dan minat adalah G-Coat. Teknologi dan produk ini telah menarik minat institusi-institusi, syarikat, industri dan pelabur di Denmark dan Jerman.

Selain itu, *carbon nanotube technology* dan USlopeM juga telah menarik minat pelbagai pihak dari institusi-institusi pengajian tinggi, industri dan syarikat di Jerman dan United Kingdom. Sebanyak 59 produk dan teknologi yang dihasilkan oleh para penyelidik USM dan dipertandingkan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang telah mendapat anugerah. Sebanyak 46 harta intelek mendapat penganugerahan pada peringkat kebangsaan manakala 13 pada peringkat antarabangsa.

Seramai 59 orang penyelidik telah menyertai pertandingan penyelidikan meliputi 13 orang peringkat antarabangsa dan 46 orang peringkat kebangsaan.



Pusat Penyelidikan Arkeologi Global menyediakan khidmat konsultansi kepada agensi kerajaan dan swasta.

LAPORAN PUSAT INISIATIF PENYELIDIKAN

Pusat Inisiatif Penyelidikan - Sains Hayat

Pusat Inisiatif Penyelidikan - Sains Hayat telah memulakan beberapa program penyelidikan pada 2014, antaranya:

1. *Sustainability and Productivity of Mangrove Ecosystem* yang melibatkan kerjasama dengan lima buah pusat pengajian USM, Langkawi Development Authority (LADA) dan University of Griffith, Australia. Penyelidikan ini merupakan kajian diversiti hutan paya bakau di Pulau Pinang dan Sungai Merbok.
2. *Ensuring the Sustainability of the Lower Mekong River Basin Inland Fisheries through Genetic Approaches* yang melibatkan kolaborasi dengan Negara di Lembah Mekong di bawah program CMLV (Cambodia, Myanmar, Laos dan Vietnam) dan universiti tempatan. Penyelidikan ini merangkumi kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Terengganu, Can Tho University, Vietnam, Living Aquatic Resources Research Center, Laos, Mekong River Commission dan Inland Fisheries Research and Development Institute, Cambodia.

Penyelidikan ini juga bertujuan memberikan latihan dan pendedahan kepada institusi di Negara CMLV untuk menjalankan teknik pengumpulan, analisis makmal dan statistik bahan genetik sebagai satu pendekatan pemuliharaan di rantau utama biodiversiti dunia.

Sebagai satu pusat di bawah Bahagian Penyelidikan dan Inovasi. Pusat Inisiatif Penyelidikan - Sains Hayat juga telah turut terlibat dalam beberapa aktiviti Bahagian Penyelidikan dan Inovasi dan Pusat Pengajian Sains Kajihayat.

Bil.	Aktiviti	Lokasi	Tarikh	Tujuan
1.	Lawatan Perdana Menteri ke Pulau Banding dan Hutan Di Raja Belum	Pulau Banding Research Centre, Pulau Banding, Perak	9 Mei 2014	Turut serta bersama PPSKH atas jemputan Pulau Banding Research Centre (PBRC), Pulau Banding, Perak bagi menonjolkan penyelidikan yang telah dijalankan di Pulau Banding dan Hutan Di Raja Belum kepada YAB Perdana Menteri.
2.	RU Carnival @USM	Sains@USM, Bukit Jambul, Universiti Sains Malaysia	13 – 14 Jun 2014	Pusat Inisiatif Penyelidikan - Sains Hayat telah dipertanggungjawabkan untuk menonjolkan kedudukan USM (di tempat ke-28) dalam "QS World University Ranking" bagi bidang sains persekitaran (<i>environmental science</i>).
3.	Kunjungan Nobel Laureate – Sir Richard Roberts	Kampus Induk USM & Pusat Penyelidikan Samudera dan Pantai (CEMACS) USM.	2 – 4 September 2014	Perbincangan bersama Sir Richard Roberts (<i>Nobel Laureate</i>) telah membuahkan beberapa potensi projek penyelidikan termasuk kerjasama dan jaringan antarabangsa bersama CRI Sains Hayat, CEMACS dan OGL (Ocean Genome Legacy), Northeastern University, United States.

Untuk meningkatkan jaringan penyelidikan kebangsaan dan antarabangsa, dua bengkel telah dijalankan di Pusat Inisiatif Penyelidikan - Sains Hayat.

Bil.	Aktiviti/ Bengkel	Tarikh	Institusi yang Terlibat	Tujuan
1.	Mesyuarat dan Perbincangan projek Ikan kelah, <i>Tor</i> dan ikan terubuk, <i>Tenualosa toli</i>	21 – 22 Mei 2014	USM, UPM, UiTM, dan Jabatan Pertanian Sarawak	Membincangkan hala tuju penyelidikan dan kolaborasi kebangsaan dalam pemuliharaan kedua-dua kumpulan ikan yang terancam, ikan kelah dan ikan terubuk.
2.	Bengkel Inisiatif Paya Bakau	18 Disember 2014	Penyelidik PPSKH, CEMACS dan Pusat Komputer, USM	Membincangkan hala tuju penyelidikan hutan paya bakau. Fasilitator ialah Prof. Ong Jin Eong seorang penyelidik paya bakau yang terkemuka.

Pusat Inisiatif Penyelidikan - Sains Hayat juga telah menerima lawatan daripada Dr. John Benzie dan Dr. Curtis Lindt dari *WorldFish Centre* pada 13 November 2014. Pihak *WorldFish* berhasrat untuk bekerjasama dengan penyelidik USM dalam beberapa bidang tertentu khususnya dalam bidang ekologi air tawar. Di samping itu, Prof. Jane Hughes dari University of Griffith telah dilantik sebagai Profesor Kunjungan pada bulan September 2014.

Pusat Inisiatif Penyelidikan - Sains Hayat juga telah dipertanggungjawabkan untuk menjadi koordinator pelarasan peralatan dan hala tuju Inkubator Inovasi Universiti bagi memastikan pembangunan inkubator komersial dapat direalisasikan.

Sebagai langkah untuk terus memacukan kajian paya bakau di Malaysia pada peringkat global, Pusat Inisiatif Penyelidikan - Sains Hayat sedang merancang untuk mengutarakan cadangan meningkatkan Sungai Merbok sebagai sebuah UNESCO Biosphere Reserve kepada pihak-pihak yang relevan.

Pusat Inisiatif Penyelidikan: Sains Semulajadi

Geran Penyelidikan Universiti

Generasi baharu teknologi pencahayaan keadaan pepejal (*solid state lighting - SSL*) dapat dimanfaatkan daripada teknologi-teknologi baharu yang muncul iaitu *GaN-on-GaN LED*, pencahayaan berasaskan laser dan diod pemancar cahaya organik (OLED) dengan kecerahan tinggi. Justeru, Pusat Inisiatif Penyelidikan Sains Semulajadi telah melaksanakan program penyelidikan khusus yang bertajuk "*LED Technology Research Cluster (LEDTREC) for Development of Next Generation Solid State Lighting Based on GaN-on-GaN and OLED*". Pelaksanaan program ini akan turut melibatkan kolaborasi penyelidikan antara Universiti Sains Malaysia (USM) dengan *University of California Santa Barbara (UCSB)* serta *CREST, NCIA* dan beberapa universiti dan industri lain termasuk Universiti Malaya (UM), ItraMAS, Osram dan Penchem. Perkembangan teknologi yang ingin dicapai bersama merangkumi epitaksi *GaN-on-GaN*, diod laser, fabrikasi wafer, pencirian dan pembungkusan. Kerjasama dengan UCSB tidak sahaja merangkumi teknologi-teknologi tersebut, malah melibatkan teknologi pembuatan substrat pukal *GaN* dan aplikasi *GaN-on-GaN* dalam bidang power electronics. Perancangan lima tahun yang melibatkan bimbingan dan pemindahan teknologi akan membantu fasiliti epitaksi di Malaysia supaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan dan membolehkan Malaysia menerajui pasaran teknologi baharu dalam SSL.

Impak dan hasil yang diharapkan daripada program penyelidikan ini adalah untuk meningkatkan kepakaran Malaysia dalam bidang *front end processing* dan memberikan peluang kepada syarikat-

syarikat kecil dan sederhana di Malaysia untuk mengambil bahagian dalam penyelidikan berkaitan teknologi *LED/OLED*, mewujudkan ekosistem *LED/OLED* di Malaysia dan meningkatkan pasaran global SSL di Malaysia daripada 10% pada tahun 2013 kepada 15% pada tahun 2020.

Agensi Luar – Projek Penyelidikan dalam Bidang Sains Bahan

Perjanjian kolaborasi penyelidikan ini telah dimeterai antara Universiti Sains Malaysia dengan pihak penaja iaitu CygnetWorks, Inc dalam pembangunan bahan penjimatan tenaga yang bertajuk "*Development of A Strategy for The Production of Thermochromic Energy Saving Materials for Use In Roofing and Other Applications*". Pusat Inisiatif Penyelidikan selaku ketua perunding dalam menjalankan penyelidikan terhadap penyediaan dan pencirian bahan yang memenuhi spesifikasi yang dikehendaki.

Impak penyelidikan ini secara tidak langsung akan dapat meningkatkan kerjasama penyelidikan dan juga pembiayaan dari luar (geran industri/swasta), pemindahan teknologi dan pengkomersialan, peningkatan IPR, keutamaan penyelidikan antarabangsa dalam bidang tumpuan dan peningkatan kecemerlangan pada peringkat global dalam bidang sains bahan.

Penjanaaan Pendapatan

Geran Penyelidikan

Jenis Geran	Tajuk	Tempoh	Jumlah (RM)
Agensi luar	<i>A Strategy for The Production of Thermochromic Energy Saving Materials for Use in Roofing and Other Applications</i>	21 Bulan	100,000.00
RU Top Down	<i>LED Technology Research Cluster (LEDTREC) for development of Next Generation Solid State Lighting Based on GaN-on-GaN</i>	12 Bulan	1,000,000.00
		Jumlah	1,100,000.00

Pusat Inisiatif Penyelidikan : Sastera Liberal & Sains Sosial

Pusat Inisiatif Penyelidikan Sastera Liberal & Sains Sosial telah menganjurkan beberapa aktiviti sepanjang tahun 2014, antaranya:-

Bil	Tarikh	Aktiviti
1	27/3/2014	Sesi Perbincangan Hala Tuju Penyelidikan bagi Bidang Sastera Liberal dan Sains Sosial 2014
2	31/3/2014	Bengkel Pembentangan <i>Niche</i> dan Pemantapan Hala Tuju CRI
3	10/4/2014	Sesi Perbincangan <i>Niche</i> Bagi Bidang Sastera Liberal dan Sains Sosial
4	29/5/2014	Sesi Perbincangan <i>Proposal CRIME</i>
5	16/6/2014	Sesi Perbincangan <i>Research CRIME</i> kali ke-2

6	11/7/2014	Mesyuarat Berkaitan Pameran dan kolaborasi Penyelidikan Antarabangsa
7	11/7/2014	Sesi Penilaian Program/Inisiatif USM
8	17/7/2014	Sesi Penilaian Program /Inisiatif USM
9	6/8/2014	Bengkel Geran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam
10	6/8/2014	Sesi Penilaian Program /Inisiatif USM
11	20/8/2014	Sesi Penilaian Program/Inisiatif USM
12	26/8/2014	Mesyuarat Berkaitan Pameran dan Kolaborasi Penyelidikan Antarabangsa
13	23/9/2014	Sesi Penilaian Program/Inisiatif USM
14	4/9/2014	Mesyuarat Penyelarasan Research CRIME kali ke-3
15	2/10/2014	Mesyuarat Penyelarasan IWLC 2014
16	17/12/2014	Post-Mortem PSU-USM-NSRTU 2014

Persidangan

Pada tahun 2014, persidangan yang dianjurkan oleh Pusat Inisiatif Penyelidikan : Sastera Liberal Dan Sains Sosial adalah seperti berikut:

Bil	Persidangan	Tarikh	Tempat
1	<i>5th Global Islamic Marketing 2014</i>	22-23/4/2014	Seri Pacific Hotel , Kuala Lumpur
2	<i>USM-POTO International Conference on Liberal Arts And Sosial Sciences 2014</i>	25-29/4/2014	Melia Hotel Hanoi & Ha Long Bay ,Vietnam
3	<i>3rd PSU-USM-NSRTU International Conference on Arts And Sciences 2014</i>	2-3/6/2014	Hansa JB Hotel,Hat Yai, Thailand
4	<i>Int. Workshop On Livable Cities 2014</i>	9-11/12/2014	Kompleks Tabung Haji, Alor Setar, Kedah

Pusat Inisiatif Penyelidikan: Sains Klinikal Dan Kesihatan (CRI-CHS)

Pembentukan Kluster Nic Penyelidikan

a. *Cerebral Palsy Research Cluster (CPRC)*

Perbincangan hala tuju CRI-CHS bagi tahun 2014 diadakan pada 17 Mac 2014. Fokus utama adalah untuk mengenal pasti kluster penyelidikan yang berpotensi untuk dipupuk di bawah CRI-CHS dalam usaha pembentukan pusat kecemerlangan dalam bidang perubatan dan kesihatan. Perbincangan ini melibatkan penyelidik-penyelidik dari Pusat-pusat Pengajian Sains Perubatan, Sains Pergigian, Sains Kesihatan, Sains Farmasi, Sains Kemasyarakatan, Seni dan Ilmu Pendidikan serta Pusat Racun Negara. Antara aktiviti yang dijalankan pada 2014

- i. Seminar *Basics on Cerebral Palsy* diadakan pada 20 Julai 2014 di USM Kampus Kesihatan dengan kerjasama Jabatan Pediatrik, PP Sains Perubatan. Seminar ini memberikan pendedahan dan

perkembangan terkini berkaitan CP untuk pengamal perubatan profesional di USM dan Hospital Raja Perempuan Zainab 2, Kota Bharu, dan juga kepada ahli CPRC khususnya. Seminar ini juga membolehkan penyelidik CPRC mengenal pasti peluang penyelidikan dalam penjagaan dan pengurusan CP. Seminar telah dihadiri seramai 106 peserta terdiri daripada pengamal perubatan pelbagai bidang.

- ii. Seminar *Towards High-Quality Disease Mapping and Modeling using Spatial Data for Chronic Disease in Malaysia* dianjurkan pada 3 September 2014, di USM Kampus Kesihatan. Seminar ini berjaya mengumpul penyelidik berpengalaman dalam bidang pemetaan penyakit (*disease mapping*) di Malaysia dan mengenal pasti sumber tempatan dan *stake-holders* untuk maklumat *spatial*, cabaran menganalisis data *spatial* dan infrastruktur diperlukan dalam pembangunan pendaftaran maklumat *spatial* yang lestari. Seminar ini juga ditaja sebahagiannya oleh Spatialworks Sdn. Bhd. dan Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.
- iii. Bengkel *A Preliminary Consultation with Stake Holder Workshop; What Don't We Know and What Need to be Done* telah diadakan pada 8 – 9 Disember 2014, di USM Kampus Kesihatan. Bengkel yang dihadiri seramai 60 peserta yang mewakili Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, Majlis Intervensi Awal Kanak-kanak Kebangsaan, Persatuan Malaysian Advocates for Cerebral Palsy (MyCP), Yayasan Orang Kurang Upaya Kelantan (YOKUK), Pusat Komuniti CP Taiping dan Persatuan Spastik Pulau Pinang ini penting bagi membincangkan pelbagai masalah berkaitan pesakit CP, penjagaan serta sistem sokongan untuk CP. Hasil perbincangan termasuk pengenalan bidang kajian yang mampan dan bermakna untuk komuniti sasaran dan badan-badan profesional berkaitan, serta pembentukan jaringan dengan agensi-agensi berkaitan. Secara keseluruhannya, usaha CPRC mendapat perhatian dan sokongan daripada semua peserta yang sedia berkerjasama dalam menyokong usaha penyelidikan kluster ini.
- iv. Jalinan antarabangsa dibentuk dengan International Centre for Evidence in Disability, London School of Hygiene and Tropical Medicine (LSHTM), United Kingdom melalui lawatan dan perjumpaan Profesor Madya Dr. Kamarul Imran Musa (ahli CPRC) bersama Profesor Hannah Kuper dan Maria Zuurmond, kedua-duanya penyelidik CP di LSHTM, pada 15 Disember 2014.

b. Advanced Designer Antibody Platform Technology (ADAPT)

- i. Satu lagi penyelidikan yang dikenal pasti untuk CRI-CHS adalah dalam bidang Teknologi Antibodi Rekombinan di bawah kluster ADAPT. Teknologi terkini ini dapat memacu pembangunan dan penghasilan antibodi manusia yang berkualiti untuk tujuan imunoterapi, diagnostik serta penghantaran drug (*drug delivery*) dengan lebih spesifik.
- ii. Bengkel *Antibody Phage Display* telah diadakan di INFORMM, Pulau Pinang, pada 10–12 September 2014 dengan anjuran bersama CRI-CHS dan INFORMM (HiCOE). Dr. Michael Hust dari Institute for Biochemistry, Biotechnology and Bioinformatics, Department of Biotechnology, Spielmannstr. Braunschweig, Jerman, telah dijemput untuk mengendalikan latihan dalam bengkel ini dan perbincangan bersama ahli ADAPT. Fokus utama bengkel adalah untuk berkongsi pengetahuan dan memberikan pendedahan kepada penyelidik-penyelidik di USM tentang teknologi semasa bidang kejuruteraan antibodi dan potensi penggunaannya. Peserta bengkel terdiri daripada pensyarah daripada beberapa PTJ di USM termasuk pelajar sarjana daripada UPM dan INFORMM.
- iii. Satu manuskrip berkaitan teknologi antibodi bertajuk *Principles and Applications of Antibody Libraries for Infectious Diseases* telah diterbitkan dalam jurnal antarabangsa *Biotechnology Letters* pada September 2014 oleh ADAPT dengan kerjasama beberapa penyelidik di INFORMM.

Di samping itu, kluster ADAPT telah memperoleh satu geran FRGS baharu bernilai RM 199,200.00 bertajuk *Mechanism of Antibody Processing in Tuberculosis: VDJ Recombination and Somatic Hypermutation of TB Antigen Specific Antibodies*.

Program Next Generation Researchers (NGR)

CRI-CHS telah memulakan program memupuk dan membimbing penyelidik muda dalam bidang perubatan dan kesihatan. Pada masa ini, fokus diberikan kepada penyelidikan kanser memandangkan terdapat ramai pensyarah muda (berkhidmat kurang daripada tiga tahun di USM) yang berkecimpung dalam bidang penyelidikan ini. Simposium *Next Generation Researchers: Cancer Symposium 2014* telah dilaksanakan pada 19 November 2014 di USM Kampus Kesihatan. CRI-CHS mengambil inisiatif ini untuk mengumpul penyelidik daripada pelbagai latar belakang kepakaran untuk berinteraksi dan berkongsi pengalaman dalam pelbagai aspek penyelidikan kanser di samping dapat membentuk jalinan kerjasama interdisiplinari. Seramai 66 penyelidik muda telah menyertai seminar ini dengan beberapa pensyarah kanan yang dijemput untuk berkongsi pengalaman. Simposium ini melibatkan 16 pembentangan penyelidikan oleh pensyarah muda dari Pusat Pengajian Sains Perubatan, Sains Farmasi dan Sains Kesihatan, Institut Penyelidikan & Perubatan Molekul dan Institut Perubatan Pergigian Termaju. Penyelidik juga diberikan maklumat berkenaan geran-geran penyelidikan dalam dan luar USM (termasuk geran antarabangsa) serta diberikan motivasi dan penerangan berkaitan peranan penyelidik dalam institusi akademik.

First International Colloquium between School of Medical Sciences, USM and Faculty of Medical Mahasarakham University (MSU)

Lawatan kerjasama ke Mahasarakham University (MSU), Thailand pada 27 hingga 30 April 2014 telah dilaksanakan dengan delegasi yang terdiri daripada penyelidik Pusat Pengajian Sains Perubatan dan Pengarah CRI-CHS. Agenda lawatan termasuk *First International Colloquium between School of Medical Sciences, USM and Faculty of Medical Mahasarakham University (MSU)* yang melibatkan pembentangan penyelidikan daripada kedua-dua universiti. Lawatan ini bertujuan memupuk kerjasama penyelidikan antara kedua-dua universiti.

Second International Colloquium: Mahasarakham University (MSU), Thailand and Universiti Sains Malaysia

Second International Colloquium: Mahasarakham University (MSU), Thailand and Universiti Sains Malaysia (USM) telah diadakan pada 23 hingga 26 Jun 2014 di Kampus Kesihatan. Kolokium ini ialah susulan daripada lawatan ke MSU pada bulan April lalu. Kolokium anjuran bersama CRI-CHS dan PP Sains Perubatan ini telah dihadiri oleh penyelidik, staf akademik dan pelajar sarjana dan seramai 6 delegasi dari MSU termasuk Timbalan Dekan Klinikal, Pensyarah Bahagian Pengajian Siswazah dan Ketua Bahagian Pentadbiran. Antara objektif kolokium ini adalah sebagai medium untuk pertukaran idea bagi penyelidik dalam negara dan luar negara, membuka peluang penyelidik muda menambah jaringan kerjasama untuk kolaborasi serta mengetengahkan penyelidik berkongsi penemuan terkini dalam pembangunan penyelidikan semasa.

Pusat Inisiatif Penyelidikan: Kejuruteraan Dan Teknologi

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan pada 2014 adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Aktiviti
1	24 Mac 2014	<i>Scientific Writing with Elsevier</i>
2	19 – 20 Mei 2014	<i>Acculturation of Research Workshop</i>
3	16 – 17 Jun 2014	<i>Workshop on Materials Science Sample Preparation & Ultramicrotomy</i>
4	25 – 26 Jun 2014	<i>Seminar on Advanced Raman Spectroscopy</i>

5	10 Sept 2014	Taklimat <i>Matching Grant Collaborative Research In Engineering, Science And Technology Center (CREST)</i>
6	23 – 26 Sept 2014	<i>Practical Workshop on High Resolution Transmission Electron Microscopy (HRTEM)- Hand-on Practice for Nano Material</i>
7	2 – 3 Disember 2014	<i>Seminar on Spectroscopy & Chromatography Analysis</i>
8	9 – 11 Disember 2014	<i>Workshop on X-Ray Photoelectron Spectroscopy (XPS) & Data Interpretation (Deconvulation)</i>
9	11 Mac 2014	Kesedaran Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S)
10	23 April 2014	Kesedaran Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S)
11	5 Mei 2014	Kursus Keselamatan Kimia Bahagian I
12	2 Sept 2014	Kursus Keselamatan Kimia Bahagian II

CENTRE FOR HERBAL STANDARDIZATION (CHEST)

Projek Penyelidikan

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 28 projek penyelidikan dan perkhidmatan dari universiti dan badan kerajaan telah dijalankan. Keuntungan kasar yang diperoleh ialah sebanyak RM261,421.94.

Geran

Peruntukan geran dari Kementerian Pertanian dan Asas Tani sebanyak RM360,000.00 untuk pembangunan 'Malaysian Herbal Monograph' (MHM) 2014 bagi 6 herba yang telah dikenal pasti termasuk mahkota dewa dan ubi jaga.

Pameran

CHEST telah mengambil bahagian dalam pameran 'Penang International Halal Expo & Conference 2014' (17-19 Januari 2014), Pameran Herba Malaysia (23-25 Mei 2014) dan 'International Traditional and Complementary Medicine 2014' (30 Oktober – 2 November 2014). Pameran ini bertujuan mempromosikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh CHEST khasnya *Chemical fingerprinting/profiling, identification and isolation of marker compounds* daripada herba. CHEST juga mempromosikan perkhidmatan penentuan *adulterant* dan kajian stabiliti produk herba serta perkhidmatan analitikal yang lain.

Bengkel Yang Telah Dianjurkan

- i. *JAI Recycling Preparative HPLC Workshop (18 Jun 2014)*. Seramai 15 orang peserta dari USM dan industri telah menyertai bengkel sehari ini. Penjelasan mengenai teknologi yang terkini dalam arena sains kromatografi telah diberikan.
- ii. *FTIR Workshop (16-17 Disember 2014)*. Seramai 20 orang peserta terdiri daripada pelajar, pensyarah dan warga industri dari dalam dan luar negara telah menyertai bengkel ini. Tujuan bengkel ini adalah untuk memberikan pendedahan secara *hands-on* berkenaan dengan teknik FTIR.

Penglibatan Dalam SOP MAQIS

Pada 18 Jun 2014, CHEST dijemput oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) untuk menyertai bengkel penyediaan *standard operating procedure* (SOP) pengeluaran permit, atau lesen MAQIS bagi larangan eksport bahan mentah herba yang telah dikenal pasti.

Pada 20 Ogos 2014, CHEST juga telah menerima jemputan dari MAQIS untuk membincangkan SOP pengeluaran *Certificate of Analysis (CoA)* bagi pengesahan ketulenan herba. CHEST juga telah menghadiri Bengkel 'Transformation of Monograph to Pharmacopoeia and *Materia Medica 2014*' dan bengkel *hands-on 'High Performance Thin Layer Chromatography'* (25-26 Oktober 2014) yang dianjurkan oleh sekretariat *Malaysian Herbal Monograph*.

Rangkaian Antarabangsa


Pada 18 November 2014, wakil dari Eurofins Panlabs, Taiwan telah mengadakan lawatan ke makmal CHEST untuk berbincang tentang potensi kerjasama.

Kunjungan Pelawat

CHEST telah menerima kunjungan daripada YB Encik P. Kamalanathan A/L Panchanathan, Timbalan Menteri Pendidikan II, Kementerian Pendidikan Malaysia (20 Januari 2014), *Moroccan Trade Delegation* (16 April 2014) dan juga daripada Sir Richard Roberts, penerima hadiah Nobel dalam Fisiologi dan Perubatan (4 September 2014) untuk melihat fasiliti makmal yang terdapat di CHEST.


Rumusan

Usaha-usaha terus dilakukan untuk memperkasakan penyelidikan di USM sebagai sebuah Universiti Penyelidikan yang terbaik. Kejayaan beberapa orang penyelidik telah meletakkan nama USM sebagai sebuah Universiti yang disegani. Bahagian ini juga sentiasa berusaha memperbaiki tadbir urusnya supaya sentiasa relevan dengan perubahan semasa.



Pelajar- pelajar sedang menjalankan ujikaji.

**LAPORAN TIMBALAN NAIB CASELOR
(HAL EHWAL & PEMBANGUNAN PELAJAR)**



LAPORAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL & PEMBANGUNAN PELAJAR)


PENGENALAN

Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP) berperanan sebagai pemangkin terhadap usaha melahirkan modal insan yang boleh mencapai visi dan misi Universiti yang berstatus APEX dan seterusnya aspirasi negara. Bagi memastikan peranan ini dilaksanakan dengan lebih efektif dan komprehensif, BHEPP telah menfokuskan dua bahagian iaitu Perkhidmatan Pelajar dan Pembangunan Pelajar.

Antara aspek utama yang diberikan penekanan dalam konteks Perkhidmatan Pelajar adalah kebajikan, penginapan, kewangan, kaunseling, penasihat kerjaya, pengangkutan, premis perniagaan dan keselamatan. Manakala aspek pembangunan pelajar pula meliputi aktiviti/program keusahawanan, kepimpinan, debat dan pidato, sukan dan rekreasi, kebudayaan dan keagamaan, khidmat masyarakat, reka cipta dan inovasi serta kesukarelawan. Aktiviti/program tersebut dilaksanakan melalui inisiatif BHEPP dan 107 kelab/pertubuhan pelajar yang aktif dan berdaftar dengan Universiti.

Berdasarkan data *My Continuous Student Development (MyCSD)* sepanjang tahun 2014, didapati bahawa sejumlah 1,543 projek/aktiviti/program pembangunan sahsiah telah dilaksanakan melibatkan 117,137 penyertaan/penglibatan pelajar dari ketiga-tiga kampus. Penyertaan/penglibatan pelajar berdasarkan 8 teras MyCSD adalah seperti berikut:-

Statistik Penyertaan dan Penglibatan Pelajar




PROJEK *FLAGSHIP* BHEPP

Projek *Flagship* BHEPP merujuk aktiviti-aktiviti yang mempunyai signifikan dan mampu menghasilkan impak yang tinggi dan jelas. Program atau aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di bawah projek *Flagship* BHEPP adalah seperti berikut:-

PROGRAM PIMPIN SISWA

Program Insentif Meningkatkan Pengupayaan Siswa (PIMPIN Siswa) ialah program pembangunan pelajar yang melibatkan aktiviti perkhemahan yang melatih kepimpinan dan ketahanan diri pelajar. Selain keterlibatan pelajar dalam program ini sebagai peserta, terdapat juga pelajar yang terlibat sebagai Tenaga Penggerak.

Statistik Penglibatan Pelajar sebagai Peserta dan Tenaga Penggerak



Seramai 4,127 pelajar baharu telah terlibat sebagai peserta dan 178 pelajar sebagai tenaga penggerak dalam Program PIMPIN Siswa sepanjang tahun 2014. Program PIMPIN Siswa telah berjaya mendidik dan menerapkan beberapa teras utama dalam pembangunan sahsiah pelajar. Teras utama tersebut ialah :

- Semangat atau sikap "cinta akan universiti"
- Semangat cinta akan negara/ patriotisme/menghormati negara
- Pembentukan jati diri yang kukuh
- Melatih ketahanan diri
- Membudayakan konsep kelestarian
- Mengenal pasti dan mengasah kemahiran insaniah
- Memupuk kerohanian
- Meningkatkan keupayaan intelektual



Pelajar-pelajar yang menyertai Program Pimpin Siswa

DEWAN PERUNDINGAN PELAJAR

Penubuhan Dewan Perundingan Pelajar (DPP) atau Parlimen Pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) berlandaskan aspirasi menggabungkan suara pelajar pada semua peringkat kepimpinan yang mewakili keseluruhan pelajar USM.

DPP dianggotai seramai 68 orang ahli yang terdiri daripada 45 orang Ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang dipilih secara automatik mengikut Perlembagaan Universiti Seksyen 64 dan 23 orang ahli (separuh daripada jumlah MPP) dipilih melalui pemilihan (undian tertutup) dalam kalangan wakil persatuan, kelab, sekretariat dan sebagainya yang mewakili Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan. Seramai 50 orang pemerhati juga turut dipilih mewakili ketiga-tiga kampus. Keanggotaan DPP adalah seperti berikut:

Kampus	Keanggotaan DPP USM		
	Ahli (68 Orang)		Pemerhati
	MPP	Persatuan	
Induk	30	15	36
Kejuruteraan	8	4	7
Kesihatan	7	4	7
Jumlah	45	23	50

Setiap pelajar USM boleh mengusulkan sebarang usul kepada Setiausaha DPP dalam tempoh 14 hari sebelum mesyuarat. Usul-usul yang diberikan meliputi aspek kebajikan pelajar, isu-isu setempat, isu-isu semasa, isu-isu pada peringkat kebangsaan dan isu-isu berkaitan dengan antarabangsa. Usul yang diberikan hendaklah relevan serta tidak mengandungi unsur menggugat ketenteraman universiti dan sensitiviti kaum. Seramai 11 orang Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Khas Usul akan menilai setiap usul yang diterima daripada semua pelajar untuk disaring sebelum diluluskan untuk dibawa ke dalam Mesyuarat DPP. Jumlah Usul DPP yang diterima pada 2014 adalah seperti berikut:

Jumlah Usul Dewan Perundingan Pelajar USM Tahun 2014	
Usul	Jumlah
Diterima daripada pelajar	59
Diluluskan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Usul	39
Diluluskan Ahli Dewan	26
Ditolak Ahli Dewan	13

Usul-usul yang telah diselesaikan oleh mana-mana pihak atau usul yang mempunyai unsur-unsur sensitiviti tidak akan dibawa untuk dibahaskan di dalam dewan. Setiap usul yang telah dibahas dan diluluskan di dalam dewan akan dihantar kepada setiap pihak yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya dan pihak tersebut perlu memberikan respons dalam tempoh 14 hari selepas menerima surat daripada Yang Dipertua MPP mengenai usul berkenaan. Mesyuarat telah diadakan pada 24 Mei 2014 dan 20 Disember 2014.

NOVEL RESEARCH AND INNOVATION COMPETITION (NRIC)

Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi ataupun Novel Research and Innovation Competition (NRIC) merupakan pertandingan projek-projek penyelidikan dan inovasi pelajar ijazah pertama bagi tahun akhir IPTA/IPTS seluruh Malaysia dan negara-negara ASEAN.

Jumlah penyertaan projek penyelidikan dalam pertandingan NRIC 2014 adalah seperti berikut:

	Pertandingan	Ipta	Ipts	Luar Negara (Thailand & Indonesia)	Jumlah Keseluruhan
1	<i>Novel Research & Innovation Competition (NRIC) 2014</i>	58	35	15	108
2	<i>Community Research & Innovation Competition 2014 (CoRIC)</i>	9	3	-	12
3	<i>Innovation Pitch Challenge 2014 (IPC)</i>	Penyertaan Sekolah sekitar Pulau Pinang			

Kategori yang telah dipertandingkan dalam NRIC 2014 adalah seperti berikut:

- a. Kategori Sains Hayat
- b. Kategori Sains Kesihatan dan Perubatan
- c. Kategori Sains Fundamental
- d. Kategori Kejuruteraan & Teknologi
- e. Kategori Teknologi Maklumat & Komunikasi
- f. Kategori Transformasi Sosial & Seni Kreatif

Pencapaian USM dalam NRIC 2014 adalah seperti berikut:

	Anugerah	Pemenang
1	<i>NRIC Best Award</i>	Saudara Vjayan A/L Thrumakunasagran (Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia)
2	<i>Best Presenter</i>	
3	<i>Creativity Award</i>	Saudara Mohd Remy Rozainy Bin Mohd Arif Zainol (Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia)
	Pingat dimenangi USM	Jumlah
1	Pingat Emas	5 pingat
2	Pingat Perak	2 pingat
3	Pingat Gangsa	3 pingat

PESTA KONVOKESYEN USM 2014 (CONVEX'14)

CONVEX ialah akronim daripada Convocation Expo. Aktiviti ini dilaksanakan melalui sebuah sekretariat yang diterajui oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Ia telah pun dijenamakan semula semenjak 10 tahun lepas dan akhirnya sekretariat ini berdiri dengan kukuh hasil lebih daripada 200 pelajar secara sukarela menjayakan setiap kali acara ini dilangsungkan.

Pesta Konvokesyen kali ini disambut dengan penuh gilang gemilang kerana ia sempena sambutan Jubli Emas yang ke-50.

Pada tahun 2014, CONVEX'14 telah membawa konsep untuk mengetengahkan USM sebagai tonggak bersama dalam pembangunan masyarakat dengan membawa tema "USM Nadi Masyarakat". Tema ini menekankan peranan semua warga USM yang terdiri daripada pelajar, staf dan pentadbir dalam agenda pembangunan masyarakat selari dengan hasrat universiti untuk memasyarakatkan ilmu dan merakyatkan pendidikan. Konsep ini juga dapat mewujudkan nilai penghargaan terhadap kemanusiaan dengan menjadi sumber inspirasi, sumber rujukan, pemudah cara dan barisan hadapan dalam mengetengahkan isu masyarakat.

Sekretariat CONVEX'14 ini digerakkan secara keseluruhannya oleh jawatankuasa pelajar yang dilantik khas melalui sesi temu duga dan mereka telah merancang gerak kerja ini selama 4 bulan sebelum tarikh sebenar berlangsung. Permulaan gerak kerja mereka disusun dengan rapi dan telah berjaya menjana keuntungan melalui program-program yang dirancang.

EKSPEN KERJAYA DAN PENDIDIKAN 2014 (EKSPEN)

Program EKSPEN telah dilaksanakan pada 28-29 Mac 2014 bertempat di Dewan Utama Pelajar Universiti Sains Malaysia, Kampus Induk. Aktiviti dan penglibatan pelajar seperti berikut:

Bil	Aktiviti	Tarikh	Tempat	Penyertaan	
				Pelajar	Syarikat
1	Pameran Kerjaya	28 - 29 Mac 2014	Dewan Utama Pelajar	2,500	48
2	Temu Duga Terbuka			120	22
3	Ceramah Kerjaya			1,650	14
4	Klinik Kaunseling Kerjaya			79	
5	Klinik Resume			80	
Jumlah				4429	84

EKSPEN 2014 telah membawa 48 buah syarikat dalam pameran kerjaya, 22 buah syarikat untuk menjalankan temu duga terbuka dan 14 syarikat mengambil bahagian dalam ceramah kerjaya.

PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN SISWA

Objektif utama Program Pembangunan Keusahawanan Siswa adalah untuk melahirkan seramai mungkin usahawan dalam kalangan pelajar Universiti Sains Malaysia. Bagi mencapai tujuan tersebut, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Sahsiah Pelajar, telah melaksanakan pelbagai program, latihan, bengkel keusahawanan dan penyediaan fasiliti ruang perniagaan pelajar di dalam kampus bagi menyediakan landasan kepada usahawan siswa membina dan memulakan perniagaan mereka dengan bimbingan felo pembangunan keusahawanan. Sasaran dan pencapaian pembangunan keusahawanan siswa USM bagi tahun 2014.

Bil	Objektif	KPI CAPS KPM*	Sasaran	Pencapaian
			2014	2014
1	Melahirkan siswazah dan lepasan IPT yang menceburi bidang keusahawanan perniagaan	Bilangan siswazah / lulusan IPT menceburi bidang perniagaan selepas tamat pengajian	100	105
2	Menyediakan ekosistem yang kondusif merangkumi suasana, infrastruktur dan sistem sokongan pendidikan keusahawanan yang holistik	Bilangan pelajar ijazah pertama dan diploma sepenuh masa (tidak termasuk pelajar pascasiswazah) terlibat dalam aktiviti pendedahan/ pembudayaan keusahawanan selain kurikulum	11,000	11,289

* CAPS KPM - Program Kritikal Agenda (Critical Agenda Program, CAP) Kementerian Pendidikan Malaysia

Bagi mencapai objektif dan KPI Caps Keusahawanan, penekanan terhadap tiga komponen teras utama keusahawanan iaitu Pembudayaan Keusahawanan, Pemantapan Keusahawanan dan Pengukuhan Keusahawanan telah diberikan:

a. Pembudayaan Keusahawanan

Melalui teras ini, sebanyak 19 program/bengkel/seminar telah dianjurkan meliputi 16 program dalaman dan tiga program oleh agensi luar yang bertujuan memberikan pendedahan dan kesedaran awal keusahawanan kepada pelajar dengan menerapkan ilmu dan nilai keusahawanan dalam diri mereka. Seramai 10,307 orang pelajar telah terlibat dengan program ini.

b. Pengukuhan Keusahawanan

Melalui teras ini pula, sejumlah 15 program/bengkel/seminar/lawatan/pertandingan diadakan untuk memperkukuh minat, kecenderungan dan pengetahuan keusahawanan pelajar yang terlibat. Meliputi 10 program dalaman dan lima program agensi luar. Dalam teras ini, kebanyakan pelajar terdiri daripada mereka yang baharu dan sedang menjalankan perniagaan di bawah bimbingan felo pembangunan keusahawanan USM. Seramai 443 pelajar terlibat dalam program ini.

c. Pemantapan Keusahawanan

Sejumlah 47 program/bengkel/seminar/lawatan/pertandingan/kemudahan ruang niaga telah disediakan bertujuan memberikan latihan dan pengalaman sebenar perniagaan. Dalam teras ini juga, pelajar diberi pendedahan yang lebih berfokus oleh badan/agensi luar yang membantu dari segi pembangunan keusahawanan seperti MARA, TEKUN dan lain-lain. Seramai 539 orang pelajar terlibat dalam program ini. Sejumlah 41 ruang niaga telah berjaya diwujudkan meliputi 33 di Kampus Induk, 6 di Kampus Kejuteraan dan 2 di Kampus Kesihatan.

Bil	Perkara	Anjuran	Jumlah Program
1	Program	Anjuran BHEPP	4buah program
		Anjuran Agensi Luar/IPTA/IPTS dll	2 buah program
2	Jumlah Pelajar Terlibat	539	
3	41 Buah Ruang Niaga Pelajar	33 buah ruang niaga di Kampus Induk 6 buah ruang niaga di Kampus Kejuruteraan 2 buah ruang niaga di Kampus Kesihatan	

d. Anugerah Keusahawanan Pelajar

Anugerah yang telah berjaya diraih oleh pelajar USM pada 2014 adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Anugerah	Sekretariat/ Kelab	Anjuran	Peringkat
1	'All Star Award'	Enactus USM	Enactus Malaysia	Kebangsaan
2	'Best Student Leaders' Kategori Lelaki	Enactus USM		Kebangsaan
3	'Best Mentor Award'	Enactus USM		Kebangsaan
4	Tempat Ketiga Pertandingan Francise Siswa	Individu	Kementerian Pendidikan Malaysia	Kebangsaan
5	Kepimpinan Kelab Terbaik	MyAgrosis	USM	Universiti

SUKARELAWAN PELAJAR

Beberapa program yang berteraskan kesukarelaan telah dilaksanakan dengan jayanya melalui sekretariat-sekretariat yang terdapat dalam Kor Sukarelawan. Sekretariat ini memainkan peranan yang aktif dalam setiap program yang dirancang dan juga dalam misi-misi yang melibatkan bencana. Terdapat sejumlah 17 sekretariat yang aktif. Sepanjang tahun 2014 sebanyak 220 program dengan penyertaan seramai 3,005 orang pelajar. Pecahan program adalah seperti berikut:-

Bil	Kategori	Jumlah Program
1	Kemanusiaan	100
2	Khidmat Masyarakat	70
3	Pendidikan	50

Selain itu, terdapat juga aktiviti/program yang dijalankan dan antaranya adalah:

a. Karnival Sukarelawan

Karnival ini adalah salah satu program kemuncak yang dilaksanakan oleh Kor Sukarelawan pada tahun 2014 dan berjaya mengumpulkan kesemua ahli yang berdaftar. Seramai 1,000 peserta telah terlibat dalam kempen gotong-royong membersihkan kawasan kampus bagi menghapuskan kawasan denggi dan menyediakan persekitaran yang bersih kepada warga USM. Pada 24 April 2015 Karnival Sukarelawan telah diadakan dan diakhiri dengan acara kemuncak Malam Sanggar Sanjung Siswa. Seramai 30 orang pelajar telah menerima anugerah di atas kecermelangan masing-masing dalam aktiviti berpersatuan.

b. Edaran Bubur Lambuk

Seramai 100 orang pelajar terlibat dalam program sahur semasa bulan Ramadan sekitar Georgetown, Pulau Pinang. Sukarelawan ini menyediakan makanan yang dimasak di Pusat Islam dan diedarkan di bazar-bazar Ramadan sekitar USM dan pada sebelah pagi pula mereka akan bergerak ke sekitar bandar untuk memberikan makanan kepada golongan gelandangan.

c. TAHA@U

Tahun 2014 ialah tahun ke-4 operasi Haji telah dilaksanakan oleh Kor Sukarelawan dengan kerjasama yang baik dengan Pejabat Tabung Haji Pulau Pinang. Seramai lebih daripada 100 orang pelajar terlibat dalam operasi pergi dan balik dari tanah suci yang melibatkan beberapa fasa antara bulan Ogos hingga September 2014.

d. Operasi Banjir

Seramai 1,450 pelajar telah terlibat dalam pengoperasian banjir di Pantai Timur terutama di Kelantan, Terengganu dan Pahang bermula pada 23 Disember 2014 hingga akhir Januari 2015. Beberapa fasa operasi telah dilaksanakan seperti:-

- Fasa 1 (Ops Pulang) – membawa pelajar-pelajar dari Kelantan, Terengganu dan Pahang yang terkandas dalam banjir.
- Fasa 2 – Kutipan Derma dan Barang Keperluan (dilaksanakan pada peringkat kampus dan juga Desasiswa).
- Fasa 3 (Pencucian) – operasi ini juga dilaksanakan selepas program pasca banjir.
- Fasa 4 – pembersihan tandas dan juga cari gali air.

- Pembukaan *War Room* dan juga bilik gerakan secara berpusat.
- Fasa 5 – sesi kaunseling yang dibantu oleh pihak MAKUMA . 2 buah sekolah menjadi fokus operasi ini iaitu Sek Keb Tohoi dan Sek Keb Kuala Lah Gua Musang.
- Fasa 6 – pembaikan rumah yang terkesan dengan banjir dengan menfokuskan usaha-usaha pembinaan semula dan juga sistem pendawaian.
- Menyediakan makanan kepada sukarelawan IPTA, pesakit, NGO dan mangsa banjir yang berada di Pusat Penempatan Banjir USM Kampus Kesihatan.

d. Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS)

Pada tahun 2014, seramai tiga orang pelajar telah terpilih untuk menyertai misi sukarelawan bersama dengan YSS ke Misi Sukarelawan di Kapit, Sarawak , Long Prabang, Loas dan Vietnam.

e. Pertandingan Piala Sukarelawan Menteri Pendidikan Malaysia 2014

Kelab Penyayang USM telah menjuarai kategori Projek Kemasyarakatan (Projek Transformasi Orang Kurang Upaya Penglihatan).

PROGRAM KEBUDAYAAN

Tahun 2014 merupakan tahun yang cemerlang bagi program kebudayaan di USM kerana Kumpulan Kesenian Adikarma, pertubuhan sekretariat kebudayaan pelajar USM telah menempa pelbagai kejayaan di dalam dan di luar negara. Pada 20 hingga 28 Ogos 2014, seramai 30 orang pelajar daripada kumpulan ini telah menyertai aktiviti kebudayaan di *Karnival Varsiti Indonesia, Malaysia, Thailand Growth Triangle (IMT-GT)* kali ke-16 di Universitas Sumatera Utara. Acara tahunan ini telah disertai oleh empat buah universiti daripada setiap negara yang terlibat dan USM telah diiktiraf sebagai sebuah universiti terbaik apabila berjaya membawa pulang dua trofi iaitu 'Best Team Spirit' dan 'Best Themed Performance'.

Antara pencapaian lain yang telah dirangkul oleh Kumpulan Kesenian Adikarma adalah seperti berikut:

Bil	Pencapaian	Pertandingan/Kategori	Peringkat
1	Anugerah Ikon Terbaik	Empayar Akar Kita Zapin	Kebangsaan
2	Tempat Ketiga	Pertandingan Tarian Rampaian 1 Malaysia sempena Pesta Sukan & Kebudayaan Belia Malaysia	Kebangsaan
3	Johan	Empayar Akar Kita Zapin	Zon Utara
4	Tempat Ketiga	Empayar Akar Kita Zapin	Zon Utara
5	Johan	Festival Tari Malaysia	Negeri Pulau Pinang
6	Tempat Ketiga	Festival Tari Malaysia	Negeri Pulau Pinang


Kumpulan Adikarma dengan kerjasama Pejabat Antarabangsa USM telah membawa sekumpulan 15 orang pelajar antarabangsa untuk menyertai *1 World 1 Culture; International Students Cultural Festival 2014* yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bersama Universiti Nilai pada 8 November 2014. Pasukan USM telah berjaya membawa pulang Trofi Kejuaraan dan Anugerah Koreografi Terbaik.

Bengkel Kebudayaan yang dijalankan pada setiap minggu bermula pada minggu pertama akademik Semester 1 Sidang 2014/2015 juga telah melestarikan kebudayaan Malaysia kepada pelajar USM dengan berjaya menarik minat purata 70 orang peserta setiap minggu. Bengkel yang bertempat di

sekitar Kompleks Cahaya Siswa dikhususkan kepada empat kursus utama iaitu tarian tradisional, muzik, lakonan dan teater serta pengurusan acara telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan daripada kalangan para pelajar.

PERKHIDMATAN KAUNSELING

Terdapat seramai lima orang Kaunselor ditugaskan di ketiga-tiga kampus untuk memberikan perkhidmatan kaunseling kepada pelajar. Berikut ialah bilangan pelajar yang mendapatkan perkhidmatan mengikut jantina sepanjang tahun 2014.



Berdasarkan rekod perkhidmatan kaunseling bagi ketiga-tiga kampus, bilangan klien tertinggi ialah seramai 120 orang di Kampus Induk, diikuti oleh Kampus Kejuruteraan seramai 64 orang dan Kampus Kesihatan seramai 59 pelanggan.

Berdasarkan rekod jantina pelajar yang mendapatkan perkhidmatan kaunseling yang tertinggi mengikut kampus, majoritinya ialah pelajar perempuan kecuali bagi Kampus Kejuruteraan iaitu bilangan pelajar lelaki yang mendapatkan perkhidmatan kaunseling adalah lebih tinggi.

Antara isu yang dibincangkan oleh klien seperti berikut:-

Bil.	Isu	Bil. Klien Kampus Induk	Bil. Klien Kampus Kejuteraan	Bil. Klien Kampus Kesihatan	Jumlah Keseluruhan	Peratusan
1.	Peribadi	56	25	4	85	35%
2.	Kewangan	32	11	26	69	28.4%
3.	Akademik	22	25	16	63	26%
4.	Kesihatan	6	3	9	18	7.4%
5.	Lain-lain	3	-	-	3	1.2%
6.	Maklumat Am	1	-	1	2	0.8%
7.	Kerjaya	0	-	3	3	1.2%
Jumlah		120	64	59	243	100



Majlis Konvensyen Duta USM-MYSIHAT

PROGRAM KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Program kebolehpasaran graduan yang telah dijalankan pada tahun 2014 mengikut kluster adalah seperti berikut:-

Kluster	Bilangan Kehadiran	Peratus Kehadiran
Seminar / Ceramah	1751	26 %
Bengkel	771	12 %
Persijilan	130	2 %
Temu duga	270	4%
<i>Structured Internship</i>	25	0%
Ekspo Kerjaya	3,700	56 %
JUMLAH	6,647	100 %

Seramai hampir 3,000 orang pelajar ijazah pertama telah melibatkan diri dalam program kebolehpasaran graduan anjuran Pusat Penempatan Graduan sepanjang tahun 2014 iaitu majoritinya terlibat dalam program bercorak seminar atau ceramah iaitu 26%. Kebanyakan program seminar atau ceramah ini dilaksanakan bersama kerjasama dengan industri luar sempena EKSPEN dan permintaan agensi luar sepanjang tahun. Manakala seramai 3,700 orang pelajar dari pelbagai tahun pengajian telah menyertai Ekspo Kerjaya. Sebanyak lebih 60 syarikat multinasional swasta dan swasta tempatan menyertai Ekspo Kerjaya pada tahun 2014 seperti contohnya *Toray, Dell, KPMG, Nippon Paint* dan *Top Glove*.

Penyertaan pelajar ke program kebolehpasaran graduan mengikut kelompok pengajian bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:

Kelompok	Kehadiran Pelajar	Peratusan Kehadiran
Sains Tulen	451	20 %
Sains Gunaan	543	24 %
Sastera Tulen	369	17 %
Sastera Gunaan	716	32 %
Kejuruteraan	121	5 %
Kesihatan	36	2 %
Tidak Dinyatakan	4,411	-
Jumlah	6,647	100 %

Penglibatan kelompok pengajian dilihat agak seimbang iaitu Kelompok Sastera mencatatkan sebanyak 49% penyertaan peserta dalam pelbagai program kebolehpasaran graduan dan Kelompok Sains sebanyak 44%. Terdapat juga penglibatan daripada pelajar Kampus Kejuruteraan dan Kesihatan dalam program kerjasama antara kampus. Peserta program kebolehpasaran ini merangkumi dari tahun satu hingga tahun akhir.

Penganjuran pelbagai program kebolehpasaran graduan dan penglibatan pelajar adalah sebagai salah satu usaha untuk membantu pelajar meningkatkan kebolehpasaran pelajar. Hal ini terbukti berdasarkan dapatan kajian pengesanan graduan 2014, iaitu sebanyak 80.9% graduan USM telah mendapat pekerjaan semasa Konvokesyen.

PENGINAPAN PELAJAR

Bagi Sidang Akademik 2014/2015, USM telah berjaya menyediakan penginapan dalam kampus kepada 12,574 (83.1%) pelajar ijazah pertama daripada jumlah keseluruhan 15,119 pelajar meliputi ketiga-tiga kampus. Dalam hal ini, pihak USM telah berjaya melepasi sasaran dasar penginapan pelajar ijazah pertama dalam kampus yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu 70%.



Desasiswa Restu, Saujana dan Tekun (Kompleks RST)

TAJAN DAN BIASISWA PELAJAR

Sebanyak tujuh kategori penaja utama telah dikenal pasti. Bagi Kampus Induk seramai 9,111 orang pelajar (92%) mempunyai penaja, manakala bagi Kampus Kejuruteraan seramai 1,582 orang pelajar (70%) berpenaja dan bagi Kampus Kesihatan seramai 2,088 orang pelajar (94%) berpenaja. Kesimpulannya, 87% pelajar USM mempunyai penaja dan hanya 13% yang membiayai sendiri pengajian.

Bil	Jenis/ Kategori Penaja	Jumlah Penerima Mengikut Kampus		
		Kampus Induk	Kampus Kejuruteraan	Kampus Kesihatan
1	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	6,387	999	1,120
2	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	1,892	420	957
3	Biasiswa Kementerian Pendidikan Tinggi (KPM)	350	0	0
4	Biasiswa Swasta/Korporat	150	108	5
5	Biasiswa dan Pinjaman Kerajaan Negeri/ Yayasan Negeri/ Badan Berkanun	288	35	6
6	Biasiswa Apex-Mara	34	20	0
7	Biasiswa dari Tabung Bakat Yayasan USM	10	0	0
Jumlah Pelajar Berpenaja		9,111 (92%)	1,582 (70%)	2,088 (94%)
Jumlah Pelajar Aktif		9,944	2,252	2,226
Jumlah Pelajar Tanpa Penaja		833 (8%)	670 (30%)	138 (6%)

Rumusan

Secara keseluruhannya sepanjang tahun 2014, Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar telah melaksanakan aktiviti dan program yang berimpak tinggi dengan jayanya. Hal ini juga selaras dengan misi dan visi BHEPP untuk melahirkan pelajar yang holistik dan berdaya saing dalam pelbagai aspek.




Majlis Ramah Mesra YB. Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri Bersama Majlis Perwakilan Pelajar USM



KOMPLEKS PEMBANGUNAN INSTITUSI CHEPP

Kompleks Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar di Kompleks Cahaya

**LAPORAN TIMBALAN NAIB CANSELOR
(BAHAGIAN JARINGAN INDUSTRI
& MASYARAKAT)**



LAPORAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT)

PENGENALAN

Dalam mengharungi arus kemajuan negara dan globalisasi yang serba mencabar ini, Universiti Sains Malaysia (USM) terus berinteraksi dan menjalinkan hubungan dengan pihak luar terutama industri dan masyarakat. Melalui Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM), usaha untuk memperkukuh aktiviti jaringan antara USM dengan industri dan masyarakat dijalankan dengan memadankan ilmu/kepakaran, kemudahan dan sumber yang terdapat di universiti dengan keperluan, aspirasi serta harapan pihak industri dan masyarakat, serta meningkatkan kerjasama dengan pihak di luar USM agar lebih bermanfaat dan lestari pada pelbagai peringkat. Usaha dan inisiatif yang dilaksanakan memberikan penumpuan terhadap aktiviti/projek/program bagi memperluas libatsama Komuniti-Universiti-Industri pada peringkat negeri, kebangsaan, serantau dan antarabangsa. USM terus membina kolaborasi yang bermakna dengan masyarakat dan industri dalam menangani isu dan keperluan semasa, serta menyediakan penyelesaian bagi mencapai transformasi yang memanfaatkan rakyat dan negara. Hubungan kerjasama dengan pihak luar ini amat signifikan agar USM menjadi relevan, berimpak dan lestari.

Majlis Penyampaian Sijil Kecemerlangan dan Sijil Penghargaan Libatsama Komuniti/Industri

Majlis Penyampaian Sijil Kecemerlangan dan Sijil Penghargaan Libatsama Komuniti di Kampus Induk telah diadakan pada 1 April dan Kampus Kesihatan pada 27 November 2014. Di Kampus Induk, seramai 150 orang telah menerima sijil penghargaan manakala 26 orang menerima sijil kecemerlangan. Pada tahun 2014, BJIM juga telah memperkenalkan dua anugerah baharu iaitu Anugerah PTJ Cemerlang dan Anugerah Projek Berimpak Tinggi. Tujuh PTJ telah mendapat anugerah PTJ cemerlang manakala sembilan projek dipilih menerima Anugerah Projek Berimpak Tinggi bagi tahun 2013. Di Kampus Kesihatan pula, seramai 57 orang telah menerima sijil penghargaan dan sijil kecemerlangan manakala dua projek telah dipilih menerima Anugerah Berimpak Tinggi.

Majlis Perasmian Pusat Transformasi Universiti Komuniti (UCTC)

USM telah menubuhkan Pusat Transformasi Universiti Komuniti (UCTC) sejajar dengan hala tuju Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta aspirasi negara untuk menggembeng sumber intelektual dan infrastruktur universiti bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat. UCTC@USM telah dilancarkan oleh Y. Bhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha II, Kementerian Pendidikan Malaysia pada 16 Jun 2014. Pameran projek-projek komuniti turut diadakan dan dihadiri oleh wakil komuniti. Penyertaan sukarelawan iaitu staf dan pelajar USM turut diiktiraf dalam majlis ini. USM juga telah mengetengahkan produk-produk inovasi untuk meningkatkan taraf sosioekonomi golongan terkebahawah dalam program ini.

Penandatanganan Memorandum Persefahaman/Perjanjian Dengan Pihak Industri/Komuniti

Sepanjang tahun 2014, sejumlah 10 memorandum persefahaman/perjanjian telah dimeterai dengan organisasi berikut; The Buddhist Tzu-Chi Merits Society Malaysia; Teach For Malaysia Foundation; Thammasat University, Thailand; Persatuan Soka Gakkai Malaysia; Daffodil International University, Bangladesh; I-Shou University, Taiwan; J.F. Oberlin University, Jepun; KDU College (Penang) Sdn. Bhd.; Navitas Professional Institute Pty. Ltd., Australia; dan Universiti Sains Islam Malaysia.

Geran Luar

BJIM telah berjaya membawa masuk empat geran daripada pihak industri berjumlah RM112,001.50. Geran sumbangan daripada CIMB Foundation ini telah ditawarkan kepada:

- Dr. Eshaifol Azam Omar dari Institut Perubatan dan Pergigian Termaju bagi projek bertajuk *Awareness Campaign and Roadshow on the Introduction of Integrative Medicine to the Local Community* bernilai RM16,830.00.
- Dr. Hasnah Hashim dari Institut Perubatan dan Pergigian Termaju bagi projek bertajuk *Dental Health Intervention for Individuals with Special Needs (Organising oral Care Awareness Campaign for Disabled People)* bernilai RM71,034.00.
- Puan Law Kim Sooi dari Institut Perubatan dan Pergigian Termaju bagi projek bertajuk *We Can Save Lives (Cardiopulmonary Resuscitation–CPR) Training for USM Students* bernilai RM11,640.00.
- Dr. Muhammad Yusri Musa dari Institut Perubatan dan Pergigian Termaju bagi projek bertajuk *Obstructive Sleep Apnea Syndrome (OSAS) Awareness Programme* bernilai RM12,497.50.

Geran - Program Pemindahan Ilmu ke Industri/Komuniti (Knowledge Transfer Program–KTP)

Pada tahun 2014, staf USM telah berjaya mendapat geran bagi pelaksanaan 18 projek di bawah Skim Geran Program Pemindahan Ilmu dengan jumlah peruntukan sebanyak RM2,666,076.45.

Selain itu, USM juga telah berjaya memperoleh dua projek di bawah Skim Geran Program pemindahan Ilmu (KTP)-KPM – *Public Service Delivery Transformation (PSDT)*-Melaka dengan jumlah peruntukan sebanyak RM600,000.00.

Hadiah Dan Endowmen/Sumbangan Pihak Luar

Pada tahun 2014, BJIM telah berjaya mendapat hadiah dan endowmen daripada pihak industri berjumlah RM1,020,000.00. Perincian hadiah dan sumbangan yang telah diterima adalah seperti berikut:

- *Toray Group (Malaysia) of Companies* telah memberikan sumbangan kemajuan pertama untuk pembinaan Bangunan Pusat Pemindahan Ilmu Toray-USM sebanyak RM1,000,000.00.
- Fuji Electric Malaysia telah memberikan sumbangan biasiswa bernilai RM20,000.00 kepada dua orang pelajar dari Pusat Pengajian Sains Fizik iaitu Encik Lim Yong Kuan dan Cik Wong Chui Queen di bawah Skim *Fuji Electric University Scholarship*. Pelajar menerima RM10,000 setiap seorang bagi setiap tahun akademik sehingga tamat pengajian mereka.

Selain itu, terdapat 12 PTJ juga telah menerima hadiah dan endowmen daripada pelbagai pihak industri dan komuniti berjumlah hampir RM906,925.07 bagi melaksanakan program/aktiviti libatsama industri dan komuniti.


Melalui Yayasan USM yang ditubuhkan pada 31 Mac 2014, USM telah berjaya memperoleh sumbangan dana sebanyak RM1,885,000 daripada pelbagai syarikat/organisasi/industri. Yayasan USM telah dilancarkan pada 6 November 2014 oleh YBhg. Tan Sri Datuk Mustafa Mansur selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan USM.

Ahli Panel Penasihat Industri/Komuniti 2013–2015 (Industry/Community Advisory Panel – ICAP)

Seramai 17 ahli ICAP yang terdiri daripada tokoh korporat dan individu profesional daripada pelbagai bidang industri dan komuniti telah menghadiri sesi dialog Naib Canselor bersama Ahli Panel Penasihat Industri/Komuniti USM pada 8 Januari 2014 di Bilik Persidangan Ibn Khaldun, Institut Pengajian Siswazah. Sesi dialog tersebut membincangkan pencapaian dan perancangan USM, dan antara perkara lain yang disentuh adalah hala tuju hubungan Universiti dan industri ke arah kerjasama yang lebih progresif. Semasa sesi dialog tersebut juga, ahli ICAP telah menerima buku "Universiti Sains Malaysia Industry/Community Advisory Panel 2013–2015" yang memuatkan profil ahli-ahli ICAP dan tanggungjawab ahli ICAP sebagai panduan.


Program Internship Pelajar

Seramai 2,599 orang pelajar telah menjalani Program Internship Pelajar di syarikat/agensi/industri di seluruh Malaysia pada tahun 2014. Manakala seramai 61 orang pelajar pula telah menjalani Program Internship Pelajar di luar negara iaitu di China, Jepun, Singapura, Filipina dan Arab Saudi. Di samping itu, sebanyak 1,538 buah syarikat dan organisasi di dalam dan di luar negara telah mengambil pelajar USM untuk program internship ini. Perincian pelajar yang mengikuti program internship dalam negara adalah seperti berikut:



Perincian organisasi yang menawarkan penempatan bagi pelajar USM menjalankan *internship* adalah seperti berikut:

Organisasi	Bilangan
Agensi Kerajaan	344
Badan Berkanun	74
Organisasi Bukan Kerajaan	33
Perusahaan Kecil & Sederhana	12
Syarikat Berkaitan Kerajaan	43
Syarikat Multinasional	203
Syarikat Swasta Tempatan	825
Lain-lain	4
Jumlah	1,538



"Internship Book"

Aktiviti Anjuran Bersama Pihak Industri/Organisasi dan Komuniti

Beberapa aktiviti/program telah dianjurkan bersama pihak industri/organisasi sepanjang tahun 2014 seperti berikut:

Bengkel Kursus Pengenalan Minyak dan Gas

Bengkel Kursus Pengenalan Minyak dan Gas telah diadakan pada 22, 23, 29 dan 30 Mac 2014 di Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral, Kampus Kejuruteraan, USM. Kursus ini dikelolakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan dikendalikan oleh fasilitator-fasilitator daripada industri. Seramai 183 pelajar USM telah menghadiri kursus ini. Bengkel ini dianjurkan oleh Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) Universiti Teknologi Malaysia dengan bantuan BJIM dan HEPP Kampus Kejuruteraan.

Ceramah SAP

Ceramah SAP kepada pelajar Pusat Pengajian Sains Komputer dan Pusat Pengajian Sains Matematik telah diadakan pada 7 Mei 2014 di Bilik ELL Pusat Pengajian Sains Komputer. Ceramah ini telah dikendalikan oleh Puan Chiam Swee Ling dari Brightree Solutions Sdn. Bhd. Ceramah ini dianjurkan bersama oleh BJIM dan Pusat Pengajian Sains Komputer.

Majlis Dialog IEM-USM

Majlis Dialog IEM-USM telah diadakan pada 25 November 2014 untuk membincangkan beberapa inisiatif/potensi kerjasama antara USM dengan pihak industri/organisasi dan komuniti.

Penerbitan

Pada tahun 2014, BJIM telah menerbitkan tiga buah buku yang bertajuk 'Sirih Pulang ke Gagang: Libatsama Bestari USM-Komuniti', *The Internships: Ecosystem for Sustainable Excellence* dan 'Universiti Sains Malaysia Industry/Community Advisory Panel 2013-2015'



Program Baktasiswa Pelajar USM bersama masyarakat orang asli

Kluster Jaringan Industri & Masyarakat

Antara aktiviti dan pencapaian Kluster Jaringan Industri & Masyarakat pada 2014 adalah seperti berikut:

Kluster	Aktiviti dan Pencapaian
Kluster <i>SME-Assist</i>	<p><i>Business Matching Programe (BMP)</i></p> <ul style="list-style-type: none"> a. Siri kedua telah dianjurkan pada 19 November 2014 di Kampus Kejuruteraan dengan kerjasama Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik dan pusat pengajian lain di Kampus Kejuruteraan. Tujuh buah syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam sektor pembuatan sekitar Pulau Pinang telah hadir. Peserta turut melawat makmal-makmal di Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik. b. Siri ketiga telah dianjurkan dengan kerjasama Pusat Pengajian Sains Fizik (PPSF), Kampus Induk pada 26 November 2014. Fokus program ini adalah untuk menghubungkan kepakaran yang terdapat di PPSF bagi memenuhi dan membantu keperluan pihak IKS. Sebanyak empat buah syarikat IKS telah menghadiri program ini serta berkongsi masalah dan cabaran yang dihadapi. <p>Lawatan ke Industri Kecil Sederhana (IKS)</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Lawatan ke syarikat ACA Vision Technology Sdn. Bhd. di Bukit Mertajam, Pulau Pinang pada 15 Oktober 2014 untuk menerokai potensi kerjasama seperti latihan industri dan kontrak projek berkaitan dengan 'computer vision' terutama dalam Aplikasi Automasi Industri. b. Lawatan ke High Ace Industries Sdn. Bhd. pada 11 November 2014 untuk membincangkan potensi kerjasama yang boleh dilaksanakan antara High Ace dengan USM seperti kerjasama dalam kajian dan kontrak bagi produk mereka. Selain itu, mereka turut berminat untuk menerima pelajar USM bagi menjalani latihan industri di High Ace.
Kluster <i>Corporate Conscience Circle (3C)</i>	<p>Antara aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2014 adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Program Pemuliharaan Hutan Jeniang dijalankan pada 18 Mei 2014 di Hutan Simpan Kekal Bukit Enggang, Kedah bersempena dengan sambutan Hari Hutan Antarabangsa. Program ini ialah hasil kerjasama antara USM, Sumirubber Industries Malaysia Sdn. Bhd. dengan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah sebagai sebahagian daripada dasar tanggungjawab sosial korporat (CSR). b. Program Kelestarian Taman Rekreasi Ampang Jajar dengan kolaborasi Majlis Daerah Seberang Perai Selatan (MPSP) dan Syarikat Multi Product Supply Enterprise telah diadakan pada 6 Disember 2014. Seramai 120 peserta yang terdiri daripada staf dan pelajar USM telah menyertai program ini. Selain itu, komuniti Kampung Seri Ampangan dan staf MPSP turut sama membersihkan dan melestarikan semula taman rekreasi tersebut. Melalui program ini, sekali gus dapat mengeratkan hubungan universiti-industri melalui aktiviti libatsama bersama syarikat korporat, komuniti malah jabatan kerajaan.

Kluster	Aktiviti dan Pencapaian
Kluster Libatsama Universiti-Komuniti [University-Community Engagement (UCE)]	<p><i>University Industry Community Engagement Conference</i> telah dianjurkan pada 17-18 November 2014 bertemakan <i>Building a Better Future through Collaborative Partnership</i>. Persidangan ini dianjurkan bersama dengan Kluster Corporate Conscience Circle (3C). Dr. Wong Lai Yong, usahawan sosial telah dijemput sebagai pengucap utama bagi topik <i>From CSR to CSV – in reference to University-Industry-Community Engagement</i>. Sebanyak 35 kertas kerja telah dibentangkan dan 1 persembahan poster dipamerkan. Seramai 69 peserta terdiri daripada staf dan pelajar USM, ahli pertubuhan bukan kerajaan serta rakan kolaborasi dalam projek libatsama komuniti telah hadir.</p>
Kluster Orang Kelainan Upaya (OKU)	<p>Antara aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:</p> <p>Menjalankan audit kebolehsampaian bangunan mesra OKU di Bangunan Canselori. Lanjutan itu, Universiti telah meluluskan peruntukan sebanyak RM98,000.00 bagi menaik taraf papan tanda, ruang meletak kenderaan, mewujudkan <i>ramp</i>, laluan masuk utama dan juga tandas di Aras 1 dan Aras 4 bagi Bangunan Canselori.</p> <p>Perkhidmatan Sepanjang Hayat OKU dengan kepelbagaian kepakaran daripada pelbagai disiplin yang ada, USM telah mengenal pasti fokus utama kumpulan OKU iaitu:</p> <p>Penilaian diagnosis multidisciplinary – Doktor perubatan, psikologi, guru pendidikan khas, kerja sosial, kaunselor, audiologi, psikiatri, terapi cara kerja</p> <p>Pendidikan dan Penjagaan maksimum OKU</p> <p>Sekolah dalam Hospital</p> <p>P.R.I.N.C.E @ USM – Keterlibatan pelajar OKU dalam pendidikan arus perdana</p> <p>Sukan untuk OKU (tumpuan kepada sukan dan rekreasi untuk OKU)</p> <p>Pusat Pemulihan dalam Komuniti@USM</p> <p>Projek Kerusi Roda yang Dimodifikasi Khas – kerjasama dengan RICD, Thailand</p> <p>Latihan Vokasional dan Kebolehpasaran OKU</p> <p>Reka bentuk sejagat</p> <p>Perkhidmatan ini merupakan komitmen USM terhadap golongan OKU dalam memberikan yang terbaik kepada mereka dengan melaksanakan inisiatif USM Mesra OKU. Teras utama inisiatif ini ialah kepentingan inklusiviti agar golongan OKU ini tidak tercicir daripada pendidikan dan perkhidmatan aliran perdana.</p> <p>Fokus kumpulan pakar ini dikembangkan kepada golongan yang mempunyai kekurangan dari segi fizikal, masalah pembelajaran, kehilangan upaya kerana faktor kesihatan seperti pesakit kanser dan yang berkaitan. Elemen penyelidikan, inovasi, pembinaan upaya dan pemindahan ilmu juga diterapkan oleh kumpulan ini.</p>

Libatsama KOMUNITI

Pengurusan Geran Projek Libatsama Universiti-Komuniti/Universiti-Industri/Perdana

a. Geran Libatsama Universiti-Komuniti (Jangka Pendek/Jangka Panjang) BJIM

Mulai tahun 2014, tumpuan projek libatsama Universiti lebih menjurus dan memberi fokus kepada tiga bidang tumpuan iaitu:

Bil.	Bidang Tumpuan	Bilangan Projek	Jumlah Geran
1	Golongan Terpinggir	2	RM 25,000.00
2	USM Prihatin	3	RM 20,050.00
3	Pendidikan (Golongan Terkebawah)	4	RM 28,600.00
	Pendidikan (Golongan Am)	5	RM 58,036.00
Jumlah Keseluruhan		14	RM131,686.00

Seramai 74 staf dan 28 pelajar USM telah terlibat dalam pelaksanaan 14 projek libatsama komuniti di atas. Selain itu, USM juga telah bekerjasama dengan 49 rakan usaha sama daripada pelbagai syarikat, organisasi, agensi dan badan kerajaan bagi pelaksanaan projek-projek tersebut merangkumi enam bidang iaitu pendidikan, warisan dan budaya, ekonomi, kesihatan, sosial dan persekitaran. Pelaksanaan projek-projek pada tahun 2014 lebih banyak memberikan tumpuan dalam bidang persekitaran dan pendidikan.

Pada tahun 2014, BJIM juga telah menaik taraf lapan projek yang memberikan impak tinggi kepada masyarakat. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Tajuk Projek	Ketua Projek	Tema
1.	Program 2B: 'Saya Seorang "Buddy" dan Bukan "Pembuli"	Dr. Jamalsafri Saibon	Kesihatan & Keselamatan
2.	Pencegahan dan Pengetahuan <i>Tuberculosis</i> dalam kalangan Orang Asli di Baling, Kedah	Dr. Muhammad Yusri Musa	Kesihatan & Keselamatan
3.	Kelestarian Latihan Pekerjaan OKU Intelek: 'Vocational Training' 2	Dr. Mohd Zulkifli Abdul Rahim	Pendidikan
4.	Menghubungkan antara Generasi: Kemahiran Web 2.0 untuk Warga Emas	Profesor Madya Dr. Zarina Samsudin	Pendidikan
5.	Penjanaan Pendapatan Melalui Penternakan Tiram di Merbok, Kedah	Profesor Madya Dr. Aileen Tan Shau-Hwai	Ekonomi
6.	Projek Jujukan Timbal Balas Minda	Dr. Muzaimi Mustapha	Pendidikan
7.	Libatsama dan Pendidikan Anak Yatim dan Pelajar Sekolah Rendah dalam Kesedaran serta Pemantauan Air dan Sisa Air di Pulau Pinang	Profesor Dr. Chan Ngai Weng	Kesihatan & Keselamatan
8.	<i>Tobacco Free</i> USM	Profesor Dr. Rahmat Awang	Kesihatan

b. Projek/Aktiviti/Program Libatsama Universiti-Komuniti Ad Hoc

BJIM telah memberikan sumbangan sebanyak RM180,558.25 untuk pelaksanaan 46 projek/aktiviti/program *ad hoc* libatsama komuniti/industri oleh ketua projek yang terdiri daripada staf dan pelajar USM. Seramai 6,070 pelajar dan 906 staf USM telah terlibat dalam pelaksanaan 46 projek/aktiviti/program *ad hoc* libatsama komuniti/industri di atas. Penglibatan ini menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan berbanding tahun 2013 iaitu seramai 602 pelajar dan 467 staf yang terlibat. Hal ini jelas menunjukkan bahawa warga USM kini lebih prihatin dengan keperluan masyarakat dan kepentingan berbakti kepada masyarakat di sekeliling mereka secara sukarela. Selain itu, USM juga telah bekerjasama dengan 283 rakan usaha sama daripada pelbagai syarikat, organisasi, agensi dan badan kerajaan bagi pelaksanaan projek-projek di atas.

Pelaksanaan projek-projek *ad hoc* ini merangkumi enam bidang iaitu pendidikan, warisan dan budaya, ekonomi, kesihatan, sosial dan persekitaran. Bidang sosial dan pendidikan merupakan bidang tumpuan utama warga USM dalam pelaksanaan projek-projek *ad hoc* pada tahun 2014.

Pusat Transformasi Komuniti Universiti

Pusat Transformasi Komuniti Universiti atau lebih dikenali sebagai University Community Transformation Centre (UCTC) merupakan hasil inisiatif *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* oleh KPM yang berfungsi sebagai sebuah pusat sehenti yang memberikan pelbagai perkhidmatan kepada komuniti. UCTC merupakan penjenamaan semula pusat khidmat masyarakat yang mengutamakan konsep libatsama komuniti untuk menyediakan perkhidmatan yang diperlukan oleh komuniti dengan kos yang minimum. Fokus UCTC USM ialah projek dan aktiviti libatsama komuniti; pemindahan ilmu; penyelidikan berasaskan komuniti; perkhidmatan-perkhidmatan sosial; dan inovasi berasaskan komuniti.

UCTC USM telah dilancarkan pada 16 Jun 2014 sempena pelancaran UCTC peringkat kebangsaan. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh USM termasuklah kesukarelawanan dan produk inovasi berasaskan komuniti. Selain itu, antara aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2014 adalah :

- Terlibat dalam pameran Sidang Media dan Pameran Penyelidikan Kejayaan Universiti Penyelidikan pada 4 Disember 2014 di Universiti Kebangsaan Malaysia. Antara yang telah dipamerkan adalah projek-projek komuniti serta mengetengahkan hasil produk-produk inovasi untuk meningkatkan taraf sosioekonomi golongan terkebahawah. Selain itu, perkongsian daripada wakil komuniti yang terlibat dalam projek-projek yang dilaksanakan turut diadakan.
- Melawat projek libatsama komuniti yang memfokuskan penyediaan bekalan air bersih kepada penduduk orang asli di Kg. Langkor, Perak.
- Empat staf USM telah berjaya memperoleh geran daripada UCTC kebangsaan bernilai RM175,000 untuk pelaksanaan projek libatsama komuniti.

Libatsama UNIVERSITI-INDUSTRI

Sepanjang tahun 2014, BJIM telah menguruskan aktiviti dan kerjasama dengan pelbagai syarikat/ industri, agensi kerajaan, universiti dan pusat penyelidikan serta organisasi yang lain seperti pertubuhan perniagaan atau perdagangan dalam bidang yang berkaitan dengan perundingan, penyelidikan, penempatan latihan industri pelajar, sandaran staf, pendidikan berterusan dan sebagainya. Perincian kerjasama tersebut ditunjukkan dalam carta-carta di bawah:

- a. Secara keseluruhan, USM telah bekerjasama dengan 2,817 syarikat/industri, agensi, dan organisasi iaitu kerjasama paling banyak dilaksanakan bersama pihak syarikat swasta tempatan diikuti syarikat multinasional dan perinciannya seperti berikut:

Kategori	Jumlah
Syarikat Berkaitan Kerajaan	40
Agensi Kerajaan	251
Syarikat Swasta Tempatan	1,674
Syarikat Multinasional	407
Organisasi Bukan Kerajaan	40
Syarikat Swasta Antarabangsa	122
Perusahaan Kecil & Sederhana	255
Badan Berkanun	28
Jumlah	2,817

- b. Dari jumlah tersebut, sebanyak 196 (6.96%) kerjasama melibatkan agensi antarabangsa dan 2,621 (93.04%) melibatkan agensi tempatan.
- c. Selain itu, bidang kerjasama yang paling banyak dilaksanakan oleh USM bersama pihak industri ialah program *internship* pelajar. Secara keseluruhannya, sebanyak 2,218 kerjasama telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014. Secara nisbahnya, 13 staf akademik terlibat dalam pelaksanaan satu projek libatsama industri manakala 15 staf akademik terlibat dalam satu projek penyelidikan berasaskan industri. Perincian kerjasama seperti berikut:

Jenis Kerjasama	Jumlah
Ahli Panel Penasihat Industri/Komuniti	81
Pemindahan Ilmu	29
Projek Libatsama Industri	148
Penyelidikan Berasaskan Industri	132
Sandaran Staf	37
Internship Pelajar	1,769
Lain-lain (NDA, Sewaan Tempat, Lesen, Sewaan Pejabat, etc.)	22
Jumlah Keseluruhan	2,218

Siri Tech Talk

BJIM telah terlibat dalam penganjuran siri *Tech Talk* iaitu kerjasama antara USM, *The Electronic Engineering Technical Division (eETD)*, Institut Kejuruteraan Malaysia (IEM), dan *Dream Catcher Consultancy Sdn. Bhd.* Sebanyak tiga siri telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014 yang melibatkan pakar-pakar daripada industri dalam pelbagai bidang seperti harta intelek, sistem, peranti dan litar elektrik. Seramai 142 peserta dari industri dan USM telah menyertai siri ceramah ini. Program ini telah memberikan impak dalam meningkatkan hubungan jaringan USM sebagai IPT dengan pihak industri.

Siri Syarahan CEO

Melalui aktiviti ini, penceramah jemputan yang terdiri daripada ketua pegawai eksekutif atau pengarah urusan daripada industri/organisasi tempatan dijemput untuk berkongsi pengalaman mereka dalam industri. Selain itu, mereka juga berkongsi tentang kerjaya, penglibatan dalam hubungan universiti-industri, serta aktiviti/bidang kerjasama yang berpotensi untuk memajukan negara. Tiga siri ceramah telah dilaksanakan seperti berikut:

- Syarahan CEO yang kelima anjuran Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan pada 5 Mei 2014 telah disampaikan oleh Y. Bhg. Dato' Dr. Mohd Sofi Osman, Pengarah Urusan & Naib Presiden Rantau Asia Pasifik Urusan dari Altera Corporation dengan tajuk *Building Penang as a Global Centre of Excellence Beyond Manufacturing*. Seramai 80 peserta telah hadir.
- Syarahan CEO yang keenam bertajuk GST: *Are You Really Ready* telah disampaikan oleh Y.Bhg. Dato' Gan Ah Tee, Pengarah Pengurusan BDO (Malaysia) pada 18 Ogos 2014. Seramai 158 peserta terdiri daripada staf dan pihak industri telah hadir ke syarahan anjuran Pusat Pengajian Pengurusan ini.
- Syarahan CEO yang ketujuh telah disampaikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Rafidah Aziz, Pengerusi, Syarikat Air Asia X pada 16 Oktober 2014. Syarahan bertajuk *Managing Strategically in Dynamic and challenging Environment* ini dianjurkan oleh Pusat Pengajian Pengurusan dan dihadiri oleh 380 peserta.

Sandaran Staf Akademik ke Industri

Sepanjang tahun 2014, seramai sembilan orang staf akademik telah menjalani program sandaran staf akademik ke industri di sembilan buah syarikat/organisasi seluruh Malaysia. Melalui program ini, staf dapat menambahkan kemahiran dan pengetahuan mereka melalui aktiviti pemindahan ilmu antara staf dengan pakar di syarikat/organisasi tersebut. Selain itu, program ini juga merupakan saluran untuk memaklumkan industri tentang penyelidikan, inovasi, perundingan, kurikulum di USM di samping potensi untuk usaha sama dalam libatsama industri-komuniti.

Kerjasama TUT–USM

Kerjasama antara USM dengan *Toyohashi University of Technology (TUT)* telah termeterai melalui penandatanganan Memorandum Perjanjian pada 3 Disember 2013 iaitu sebuah Pusat Kolaborasi Teknologi TUT-USM (*TUT-USM Collaboration Centre*), Pulau Pinang telah ditubuhkan pada 4 Disember 2013. Beberapa aktiviti dan pencapaian signifikan sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut :

- 21 orang pelajar TUT telah menjalani latihan industri dari 6 Januari hingga 27 Februari 2014 di pelbagai industri di Pulau Pinang. USM membantu pihak TUT mengenal pasti industri yang sesuai kepada pelajar-pelajar tersebut. Majlis Perpindahan pelajar TUT yang telah menjalani latihan industri telah diadakan pada 22 Februari di Pusat Kolaborasi Teknologi TUT-USM.
- Program Sekolah *Summer* USM-TUT telah diadakan pada 7–21 Oktober 2014 di Tasik Banding, Perak. Program ini bertujuan mengaplikasikan bidang sains neuro dan kejuruteraan bagi penyelesaian beberapa masalah dalam kehidupan seharian komuniti orang asli di kawasan tersebut.

- Empat orang pelajar USM telah menghadiri program latihan antarabangsa di TUT, Jepun daripada 26 Oktober hingga 1 November 2014.
- Persidangan Antarabangsa IGNITE (*International Conference of Global Network for Innovative Technology*) kedua telah diadakan pada 15–16 Disember 2014 di Pusat Kolaborasi Teknologi TUT-USM.
- *Programe TUT-USM International Training* telah diadakan pada 2–3 September 2014 di Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan dan Pusat Kerjasama Teknologi TUT-USM. Seramai 14 orang pelajar TUT telah melawat Kampus Induk (Pusat Pengajian Sains Fizik serta Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah) dan Kampus Kejuruteraan (Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik) pada 2 September 2014 bertujuan melihat kemudahan yang ada di USM serta memahami perbezaan dalam sistem pendidikan dan penyelidikan antara USM dengan TUT. Program ini memberikan peluang kepada pelajar daripada Pusat Pengajian Sains Fizik dan TUT untuk bekerjasama dalam projek-projek yang berkaitan dengan alam sekitar.
- Program Pembangunan Staf Pentadbiran TUT telah dilaksanakan pada 10, 17 dan 18 Disember 2014 di USM. Seramai enam staf daripada TUT, *Nagaoka University of Technology, Akashi Technical College, Toyama Technical College, Ube Technical College* dan *Oshima Technical College* terlibat dalam program ini yang telah memberikan pendedahan tentang pentadbiran dan pengurusan di USM.

LIBATSAMA INDUSTRI–UNIVERSITI–KOMUNITI PTJ

Projek dan Program Libatsama Universiti-Komuniti-Industri Anjuran Pusat Pengajian/Pusat /Institut

Pada tahun 2014, Pusat Pengajian/Pusat/Institut dalam USM telah melaksanakan sebanyak 143 projek libatsama komuniti/industri. Hal ini termasuklah projek dan program yang disertai oleh PTJ tersebut. Selain itu, sebanyak 538 program libatsama komuniti dan libatsama industri juga telah dianjurkan dan disertai pada peringkat PTJ bertujuan bertukar pemikiran dan idea serta berkongsi pengalaman dengan ahli profesional, organisasi swasta/awam, agensi komuniti tentang penemuan, prosedur dan strategi/teknik baharu. Perincian bilangan program yang dilaksanakan seperti berikut:

Program	Bilangan
Latihan	33
Kursus Jangka Pendek	50
Ceramah	288
Seminar	49
Persidangan	15
Bengkel	103
Jumlah	538

Aktiviti Libatsama Universiti-Komuniti-Industri Anjuran Pusat Pengajian/Pusat/Institut

Di samping itu, sebanyak 625 aktiviti telah dilaksanakan dan disertai oleh PTJ sepanjang tahun 2014 untuk mewujudkan dan menjalinkan hubungan antara staf dan pelajar USM dengan pihak komuniti, organisasi awam/swasta dan industri. Perincian aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Aktiviti	Bilangan
Lawatan/Perbincangan/Dialog	388
Hari Terbuka/Karnival/Festival	129
Pameran/Persembahan/Kebudayaan	57
Lain-lain	51
Jumlah	625

ASIA-PASIFIC UNIVERSITY-COMMUNITY ENGAGEMENT NETWORK (APUCEN)

APUCEN telah menerima seramai sembilan keahlian baharu daripada pelbagai institusi pengajian tinggi dan organisasi dari rantau Asia Pasifik dan Amerika Syarikat. Keahlian APUCEN pada 2014 meningkat kepada 73 orang ahli daripada 18 buah negara meliputi 67 institusi pengajian tinggi disamping tiga ahli bersekutu dan tiga ahli gabungan (*affiliate*). Antara aktiviti dan pencapaian signifikan APUCEN pada tahun 2014 adalah:

a. Mesyuarat Ketiga APUCEN@Malaysia dan Mesyuarat Kedua Publisiti APUCEN

Pada 21 April 2014, mesyuarat ketiga APUCEN@Malaysia telah diadakan di *AIMST University*. Mesyuarat telah dihadiri oleh 23 orang ahli dari 17 buah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan organisasi tempatan. Ahli-ahli telah berkongsi pandangan dan pengalaman mereka tentang aktiviti libatsama komuniti. Beberapa strategi untuk menonjolkan kewujudan APUCEN pada peringkat antarabangsa telah diketengahkan oleh ahli-ahli jawatankuasa termasuk cadangan untuk meneroka keahlian baharu APUCEN dalam rantau Asia-Pasifik. Bagi tujuan meningkatkan visibility projek-projek APUCEN terutama kepada sektor korporat, forum *Corporate Social Responsibility (CSR)* turut dirancang semasa mesyuarat ini.

b. Persidangan Kemuncak Kedua APUCEN

Persidangan Kemuncak Kedua APUCEN telah berlangsung pada 21–23 September 2014 di Hotel Royal, Pulau Pinang bertemakan "*Leadership in Transforming Community for a Better Tomorrow*". Persidangan Kemuncak kali ini telah disertai oleh 85 peserta daripada 40 buah institusi dan organisasi yang melibatkan hampir 20 buah negara. Dua penceramah ucap tama persidangan ini ialah Profesor Chris Duke dari *MIT University*, Australia dan Cik Courtney O'Brien dari *Global Knowledge Initiatives*, Amerika Syarikat.

Mesyuarat Agung APUCEN turut diadakan semasa persidangan kemuncak APUCEN. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Presiden APUCEN, YBhg. Prof. Dato' Dr. Omar Osman, Naib Canselor USM. Hala tuju serta perkembangan jaringan APUCEN telah dibincangkan di samping resolusi APUCEN 2014, laporan APUCEN 2011–2014 dan garis panduan APUCEN. Sebanyak 19 resolusi telah dibincangkan semasa persidangan ini.

Pemilihan Ahli Majlis Tertinggi APUCEN bagi tempoh baharu yang dibuat pada setiap tiga tahun juga telah diadakan menggunakan sistem pengundian secara dalam talian. Seramai 14 wakil dari rantau Asia Pasifik telah dipilih dan dilantik sebagai Ahli Majlis Tertinggi APUCEN bagi sesi 2014–2017. Presiden APUCEN ialah Naib Canselor USM manakala Timbalan Presiden dari *Kyoto University of Foreign Studies*, Jepun.

c. Mesyuarat Kelima Ahli Majlis Tertinggi Serantau APUCEN

Selaras dengan pelantikan Ahli Majlis Tertinggi APUCEN yang baharu, mesyuarat kelima Ahli Majlis Tertinggi Serantau APUCEN telah diadakan pada 23 September 2014. Mesyuarat telah membincangkan hala tuju APUCEN.



Ahli Majlis Tertinggi APUCEN

RANGKAIAN GLOBAL

BJIM telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan mempermudah empat sekretariat rangkaian global di bawah USM Global Network iaitu:

BIL.	Sekretariat	Keahlian
1.	Asia-Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN) 	67 institusi pengajian tinggi, tiga ahli bersekutu dan tiga ahli gabungan (affiliate)
2.	South East Asian Sustainability Network (SEASN) 	38 ahli yang terdiri daripada institusi pengajian tinggi dan lain-lain institusi kelestarian dari negara ASEAN (Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina dan Vietnam)
3.	ASEAN Local Knowledge Network (ALKN) 	47 ahli dari institusi-institusi di tiga negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Brunei
4.	Regional Sejahtera Education For Sustainable Development Network (RSEN) 	39 ahli dari institusi-institusi dari Malaysia dan Jepun

RUMUSAN

Sehingga Disember 2014, BJIM telah melaksanakan langkah yang lebih proaktif serta menjalankan pelbagai aktiviti, projek dan program untuk mengukuhkan asas pentadbiran BJIM. Tambahan pula, BJIM telah menubuhkan Jawatankuasa Hubungan Komuniti dan Jawatankuasa Hubungan Industri untuk menjadi penasihat dan penggerak kepada semua aktiviti/projek/program yang melibatkan libatsama universiti-komuniti/universiti-industri.

BJIM yakin bahawa dengan kerjasama semua PTJ di ketiga-tiga kampus, agenda libatsama komuniti dan libatsama industri akan dikukuhkan dan kerja-kerja penjenamaan Universiti Sains Malaysia sebagai sebuah "universiti prihatin" akan direalisasikan. USM akan terus berkolaborasi dengan semua pihak demi masa depan yang lestari.



Program Baktisiswa Pelajar USM



LAPORAN PENDAHULUAN

LAPORAN PENDAFTAR

PENGENALAN

Pendaftar memainkan peranan penting dalam usaha menggerakkan pentadbiran universiti dan aktiviti pengurusan khususnya. Ia adalah salah satu matlamat untuk sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada setiap pelanggan dalam usaha untuk menyokong visi, misi dan objektif Universiti. Selain memberikan penekanan terhadap pengurusan dan perkembangan bakat, beberapa penambahbaikan melalui implementasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) telah dilaksanakan untuk membantu staf melaksanakan tanggungjawab dengan lebih berkesan serta meningkatkan prestasi kerja.

PENGURUSAN BAKAT

Makmal Transformasi Sumber Manusia Dan Penjenamaan APEX Fasa II

Makmal Transformasi Sumber Manusia dan Penjenamaan APEX Fasa II telah dilaksanakan pada 14 hingga 16 Ogos 2014 merupakan satu loncatan terhadap transformasi pembangunan bakat di Universiti. Makmal ini telah memberikan penekanan terhadap pembangunan bakat ahli akademik dan juga pentadbir.

Melalui aspirasi pembangunan sumber manusia yang didasari oleh BUKU 2014 daripada Naib Canselor, iaitu menjadikan Universiti sebagai 'World Renowned For Sustainability' dan seterusnya di bawah Penjenamaan APEX Fasa II sebagai 'World Class Research University', Universiti telah mengumpulkan kumpulan-kumpulan pemikir daripada kalangan ahli akademik dan pentadbiran bagi menjana model baharu pembangunan dan pengurusan bakat.

Pembangunan Bakat Akademik – Transformasi Peranan dan Bidang Tugas Ahli Akademik

Perbincangan secara intensif yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa dalam dua kumpulan berbeza telah memfokuskan bidang utama yang menjadi punca keberhasilan ahli akademik dalam sesebuah universiti penyelidikan iaitu penyelidikan, pembelajaran dan pengajaran.

Kedua-dua kumpulan ini telah menggunakan asas-asas fundamental dunia akademik dan kemudian menghubungkan asas-asas tersebut kepada keperluan masa hadapan. Proses pemetaan asas akademia terhadap keperluan masa hadapan ini kemudiannya diselarikan pula dengan keperluan dan kehendak negara seperti yang dinyatakan dalam dokumen Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara dan keperluan global masa hadapan bidang akademik.

Hasil daripada usaha pemetaan dan pemurnian konsep serta transformasi peranan ahli akademik ialah penyelarasan pada proses dan dokumentasi yang tertentu seperti berikut:

a. Proses Pengambilan Bakat Baharu Ahli Akademik

Proses pengambilan bakat baharu sama ada melalui kaedah 'head hunting' atau pembangunan bakat secara dalaman melalui Skim Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA) dan Rancangan Pengajian Tinggi Kakitangan Akademik (RPTKA) dilaksanakan secara kolaborasi Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar.

Proses pengambilan yang telah ditransformasikan hasil daripada makmal ini ialah calon-calon yang dipilih melalui mana-mana kaedah yang disebutkan, iaitu calon-calon yang mampu untuk memenuhi keperluan perancangan PTJ terhadap program-program akademik yang ditawarkan, mampu untuk memenuhi cabaran semasa bidang penyelidikan dan pengajaran dan pembelajaran serta mempunyai keupayaan dan kompetensi tertentu dalam penulisan akademik serta keupayaan memperoleh geran penyelidikan dari dalam dan luar negara.


Skim RLKA diwujudkan dengan objektif untuk :

- Melatih bakal pensyarah daripada kalangan calon yang cemerlang;
- Meningkatkan bilangan pensyarah dengan kelayakan Ijazah Kedoktoran di USM;
- Memenuhi keperluan pensyarah dalam jangka masa panjang mengikut disiplin pengajian;
- Menyokong pelaksanaan rancangan latihan tenaga pengajar sedia ada sebagaimana yang dihasratkan oleh pihak kerajaan;
- Meningkatkan mutu pengajaran dan penyelidikan di universiti;
- Mewujudkan tenaga pengajar daripada kalangan pensyarah yang mempunyai kualiti pendidikan yang tinggi.

Seramai 359 felo RLKA sedang mengikuti pengajian pada peringkat PhD dengan perincian seperti berikut:

Bil.	Kelompok	Jumlah
1.	Sains Gunaan	56 (16%)
2.	Sains Tulin	58(16%)
3.	Sastera	120(33%)
4.	Kejuruteraan	58(16%)
5.	Sains Kesihatan & Perubatan	67(19%)
Jumlah Keseluruhan		359

Perincian taburan bilangan dan negara felo RLKA mengikuti pengajian adalah seperti berikut:



b. Proses Penilaian Prestasi Tahunan

Penilaian Prestasi Tahunan merupakan satu proses yang amat penting kepada semua staf termasuk ahli akademik. Penilaian ini akan menentukan beberapa perkara termasuk kelayakan kenaikan pangkat seseorang ke jawatan yang lebih tinggi.

Isu yang dibincangkan ialah sejauh manakah penilaian semasa untuk ahli akademik boleh digunakan untuk tujuan pembangunan dan elemen motivasi. Turut dibincangkan ialah penyelarasan maklumat keperluan Universiti daripada ahli akademik yang selari mulai daripada surat tawaran jawatan sebagai pensyarah, kepada penilaian tahunan dan juga elemen yang digunakan sebagai asas pembangunan dan penilaian untuk tujuan kenaikan pangkat.

c. Kenaikan Pangkat dan Kemajuan Kerjaya

Bidang yang pelbagai dalam kalangan ahli akademik Universiti menuntut pada kaedah penilaian kenaikan pangkat yang lebih objektif, suai bidang, telus dan tidak berkompromi dari segi penetapan standard dan kualiti ahli akademik USM. Seramai 136 staf akademik yang dinaikan pangkat pada 2014 dan perinciannya seperti berikut:

Bil	Jawatan / Gelaran	Jumlah
1.	Pensyarah Gred Khas A - Profesor	4
2.	Pensyarah Gred Khas B - Profesor	7
3.	Pensyarah Gred Khas C - Profesor	37
4.	Pensyarah Gred 54 – Prof. Madya	77
5.	Pensyarah Gred 52 – Pensyarah Kanan	11

d. Pelantikan Profesor Kunjungan dan Profesor Kehormat

Sebagai Universiti yang berdaya saing pada peringkat global, dan dalam kebergantungan kewangan yang tinggi dan terhad pada belanjawan nasional, strategi meningkatkan jumlah Profesor Kunjungan dan Profesor Kehormat dilihat sebagai satu tindakan yang baik dan mempunyai impak terhadap penarafan menjadi Universiti Penyelidikan Bertaraf Dunia.

Melalui penambahan jumlah Profesor Kunjungan dan Profesor Kehormat di PTJ, ilmu dari luar negara dapat dibawa masuk melalui perkongsian dengan entiti dalaman dan secara langsung akan melonjakkan kedudukan PTJ pada ranking penilaian. Dalam usaha untuk menggapai matlamat tersebut, pada tahun 2014 Universiti telah melantik seramai sepuluh orang Profesor Kunjungan dan seorang (1) orang Profesor Kehormat.

e. Pelantikan Pensyarah Kontrak Dalam Bidang Kritikal

Pihak Universiti juga telah menggalakkan, dan memudahkan proses melantik ahli akademik dari luar negara secara kontrak dalam bidang yang kritikal. Melalui usaha ini, kelangsungan penyelidikan dan pengajaran dan pembelajaran dapat dipelihara di samping pelebaran 'niche area' yang terdapat di PTJ akademik dan penyelidikan.

f. Pembangunan Bakat Pentadbiran – Profil Jawatan Kepimpinan Pentadbiran Dan Pembangunan Atribut

Perbincangan secara intensif yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar telah memfokuskan atribut utama yang menjadi punca keberhasilan kepimpinan pentadbiran Universiti.

Keberhasilan kepimpinan pentadbiran merujuk kemampuan pentadbiran Universiti untuk mendukung agenda Universiti dalam usaha memacu penyelidikan, pembelajaran dan pengajaran serta keupayaan untuk menentukan strategi yang terbaik bagi menghadapi kemungkinan dan perubahan keperluan dunia akademik masa hadapan.

Melalui pembangunan bakat kepimpinan pentadbiran, pengenalpastian jawatan-jawatan penting dan kritikal telah dibuat terhadap semua jawatan penting dan kritikal. Profil yang dibangunkan menepati atribut tertentu berasaskan tiga komponen iaitu suai organisasi, suai tugas dan suai kompetensi (*organization fit, job fit, skill fit*).

Hasil dokumen ini ialah perancangan latihan yang dibangunkan berasaskan keperluan persediaan bakat kepimpinan melalui program *APEX Leadership Programme*.

AKTIVITI NAZIRAN

Aktiviti naziran dilaksanakan oleh jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh Universiti. Ahli-ahli jawatankuasa ini dilantik secara bebas dan berkecuali daripada mempunyai kepentingan terhadap PTJ yang dilawati.

Matlamat naziran yang dibuat ini adalah untuk menghasilkan rasionalisasi perjawatan di PTJ dan bertujuan memastikan sumber tenaga kerja atau bakat yang ada dimanfaatkan dengan betul dan seimbang.

Aktiviti naziran ini telah dilaksanakan di keseluruhan kampus yang melibatkan Center for Advanced Analytical Toxicology Services (CAATS) dan Doping Control Centre (DCC), Hospital Universiti Sains Malaysia, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju dan Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar.

PROSES PENAMBAHBAIKAN 81 SKIM PERKHIDMATAN PENJAWAT AWAM

Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun 2014 telah memperkenalkan sebanyak 81 Skim Perkhidmatan yang ditambah baik dan lebih menarik dari aspek laluan kerjaya serta peluang kenaikan pangkat yang lebih banyak.

Sebanyak 23 Skim Perkhidmatan yang melibatkan staf USM telah berjaya ditambah baik dan direkodkan dalam fail peribadi staf. Pihak Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar telah melaksanakan beberapa aktiviti iaitu seperti kiosk untuk mendapatkan maklumat berkenaan jawatan yang ditambah baik, sesi taklimat secara berkumpulan mengikut jawatan dan beberapa siri pencerahan mengikut PTJ yang turut dilaksanakan.

Pada tahun 2014, USM telah menjadi antara Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang terawal melaksanakan perubahan skim ini, dan USM dirujuk oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang lain bagi perkongsian best practice.

PROFESSIONAL ATTACHMENT AND DEVELOPMENT (PADI)

Program *Professional Attachment and Development* (PADI) bertujuan meningkatkan kapasiti kepakaran dalam bidang pentadbiran dan pengurusan Universiti serta memberikan pendedahan untuk kesinambungan dalam kepimpinan dan Pelan Penggantian Pentadbiran. Oleh hal yang demikian, penghantaran warga Universiti Sains Malaysia untuk menyertai pelbagai kursus, persidangan dan program-program lain yang sesuai berkaitan bidang perkhidmatan masing-masing melalui program ini sangat menepati.

Melalui program ini, para pentadbir Universiti akan dihantar untuk menghadiri program sangkutan/kursus dan pendedahan luar USM di dalam atau luar negara. Universiti berhasrat melalui program

ini, dapat menghasilkan pentadbir Universiti yang memiliki pemikiran yang terbuka terhadap stail pengurusan yang pelbagai, penerokaan peluang inovasi pengurusan, persediaan untuk kepimpinan pentadbiran masa depan, peningkatan dalam ilmu pentadbiran dan pengurusan serta pengukuhan jaringan kerjasama.

Sepanjang tahun 2014, sebagai usaha yang berterusan untuk mengembangkan potensi pentadbir secara menyeluruh dan bagi meneruskan kecemerlangan pentadbiran agar dapat bersaing pada peringkat global, seramai 34 orang pentadbir telah menghadiri pelbagai program sangkutan/ kursus di dalam dan luar negara seperti jadual berikut :

Program	Jumlah Peserta
PIPPA – Best Practices In Building High Performance Employees Tempat : Doha, Qatar Tarikh : 11/01/2014 - 17/01/2014	2 orang peserta
JASUMA Bechmarking Visit Program Tempat : Korea Tarikh : 17/02/2014 - 20/02/2014	seorang peserta
PIPPA - Productivity Measurement For Public Sector Managers Tempat : Murdoch University, Perth Australia Tarikh : 17/03/2014 - 22/03/2014	3 orang peserta
JALUMA & UPM - Program Administrator Global Outreach 2014 (AGOP) Tempat : University Of St. Andrew, United Kingdom Tarikh : 21/03/2014 - 29/03/2014	seorang peserta
Executive Management Programme (EMP) Asian Institute Of Management (AIM)-IIUM Tempat : The Everly Putrajaya & Manila Tarikh : 05/05/2014 - 23/05/2014	seorang peserta
PIPPA - Innovation In The Public Sector Tempat : Perth Australia Tarikh : 21/10/2013 - 26/10/2013	5 orang peserta
PIPPA - Improving Organisation Through Performance DNA Tempat : Dubai, United Ara Emirates (UAE) Tarikh : 15/05/2014 - 21/05/2014	2 orang peserta
Program Alead Integrated Governance and Strategic Management Di UK Tempat : United Kingdom Tarikh : 08/04/2014 - 20/04/2014	seorang peserta

Program	Jumlah Peserta
University Leadership Development Workshop Anjuran Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) Dengan Kerjasama Seareo Rihed, Thailand & AGB, Amerika Syarikat Tempat : AKEPT Bandar Enstek, Negeri Sembilan Tarikh : 02/06/2014 - 03/06/2014	seorang peserta
Kusus Transformasi Pengurusan Lean Untuk Keberkesanan Optimum Tempat : Sabah Tarikh : 11/08/2014 - 11/08/2014	seorang peserta
PIPPA - Strategis Leadership Tempat : Perth Western, Australia Tarikh : 18/08/2014 - 23/08/2014	2 orang peserta
PIPPA & INTAN - Seminar Inovasi Sektor Awam Tempat : INTAN Buki Kiara Tarikh : 22/09/2014 - 23/09/2014	6 orang peserta
PIPPA IOP - Improving Organisation Through Performance DNA Tempat : Eastin Hotel PJ Tarikh : 24/09/2014 - 25/09/2014	3 orang peserta
Konferensi Antarabangsa Pentadbir Universiti Kali Ke-17 Tempat : Persada Johor Tarikh : 28/10/2014 - 31/10/2014	3 orang peserta
PIPPA - Adding Value and Transforming Organisations Through Strategic HR Tempat : Melbourne, Australia Tarikh : 24/11/2014 - 30/11/2014	2 orang peserta

PROGRAM KEUTUHAN PENTADBIRAN

Program Keutuhan Pentadbiran diperkenalkan bagi mengenal pasti aktiviti yang dapat menerapkan nilai budaya kerja cemerlang agar pegawai dapat memberikan penyampaian perkhidmatan dengan cekap serta berkesan. Selain itu, peserta program dapat memahami pengurusan secara beretika dan berintegriti untuk menjadikan pengurusan organisasi cemerlang melalui kreativiti dan inovasi. Sasaran staf bagi program ini adalah daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional (44 dan ke bawah) serta staf daripada Kumpulan Pelaksana. Program ini merupakan siri latihan yang berstruktur dan dilaksanakan sebagai proses pengkayaan bakat staf kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Staf Pelaksana.

Berikut adalah antara program yang telah dilaksanakan dan seramai hampir 1,000 orang staf telah menyertai program ini:

Bil	Nama Aktiviti	Hasil
1	Program Inovasi Pentadbiran ke GLC/Agensi Kerajaan. Program berlangsung pada 28-30 Ogos 2014 di SPRM Putrajaya & Ibu Pejabat Maybank Kuala Lumpur.	Peningkatan dan pengkayaan ilmu dalam kalangan pegawai pentadbir kumpulan Pengurusan dan Profesional; Peningkatan dan pengkayaan ilmu dalam kalangan staf pelaksana; Meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran; Peningkatan dan pengkayaan ilmu pentadbiran serta keyakinan diri dalam pelbagai kompetensi; Menimba ilmu pengetahuan serta pengalaman 'first-hand' ketika melawat jabatan kerajaan dan GLC.
2	Program Pembinaan Pasukan Staf Jabatan Pendaftar Kampus Induk. Program berlangsung pada 27 Jun 2014.	Meningkatkan semangat kerja berpasukan yang memacu agenda transformasi; Mewujudkan persefahaman dan budaya kerja yang harmoni.
3	Program Pembinaan Pasukan Jabatan Pendaftar Kampus Kesihatan Kelantan. Program berlangsung pada 7-8 November 2014 di Sri Pantai Resort, Melawi Bachok.	Meningkatkan semangat kerja berpasukan melalui penghayatan nilai dan prinsip kerja berpasukan; Menerapkan nilai-nilai budaya kerja yang mampu menyokong dan memacu agenda APEX Fasa II; Mengetahui kehebatan jati diri dan membantu ke arah perubahan secara proaktif.
4	Kursus Komunikasi & Perhubungan Pelanggan Berkesan Jabatan Pendaftar Kampus Kesihatan Kelantan Program berlangsung pada 17 Oktober 2014 di Kampus Kesihatan.	Memahami dan berkongsi tips dalam melayan kerenah & keperluan pelanggan; Mempelajari dan berkongsi tips komunikasi berkesan; Kepentingan & Cabaran Perhubungan Pelanggan Masa Kini.

Bil	Nama Aktiviti	Hasil
5	Program Team Building Jabatan Pendaftar Kampus Kejuruteraan pada 13-14 Disember 2014 di Taiping Golf Resort.	<p>Menerapkan aspek kerohanian dalam tugas;</p> <p>Menjadikan aspek kualiti dalam kerjaya dan personaliti sebagai sesuatu yang relevan dan dipraktikkan;</p> <p>Memberikan pendedahan tentang personaliti diri yang boleh ditingkatkan;</p> <p>Meningkatkan tahap dan kemampuan komunikasi berkesan terhadap semua pihak;</p> <p>Membentuk staf yang cemerlang, cekap, bertanggungjawab serta responsif yang membawa kepada pengurusan perubahan;</p> <p>Meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi serta memupuk "minda kelas pertama".</p>
6	Sesi Dialog Pendaftar Bersama Staf Pentadbiran Siri 1,2 dan 3. Program berkala ini dilaksanakan untuk mengetahui isu dan masalah staf selain memantapkan hala tuju pentadbiran yang cemerlang.	<p>Meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran;</p> <p>Mewujudkan ruang diskusi dan interaksi secara langsung;</p> <p>Memberikan input dan hala tuju baharu pentadbiran universiti supaya staf memahami dengan jelas keutamaan universiti.</p>
7	Lawatan Kerja ke UPM dan UNITEN Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar pada 28-30 September 2014	<p>Program ini bertujuan untuk berkongsi amalan kerja terbaik, sistem yang diguna pakai, dasar dan pelaksanaan dasar akademik di UPM dan UNITEN untuk aktiviti seperti berikut:</p> <p>Pengurusan Senat</p> <p>Pengurusan Kursus</p> <p>Pendaftaran Kursus</p> <p>Penjadualan Kuliah dan Peperiksaan Akhir</p> <p>Penyediaan Peperiksaan Akhir dan Keputusan Peperiksaan Akhir</p> <p>Pengurusan Rekod Pelajar</p> <p>Pengurusan Pengijazahan</p>
8	Konferensi Antarabangsa Pentadbir Universiti kali ke-17 di Hotel Seri Pasifik, Persada Johor Bharu anjuran UiTM pada 28-31 Oktober 2014.	<p>Peningkatan dan pengkayaan ilmu dalam kalangan pegawai pentadbir kumpulan Pengurusan dan Profesional;</p> <p>Meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran;</p> <p>Peningkatan dan pengkayaan ilmu pentadbiran serta keyakinan diri dalam pelbagai kompetensi.</p>

Bil	Nama Aktiviti	Hasil
9	Program Memacu Transformasi Melalui Kreativiti Program anjuran PIPPA di Bandung, Indonesia pada 15-19 Disember 2014.	Peningkatan dan pengkayaan ilmu dalam kalangan pegawai pentadbir kumpulan Pengurusan dan Profesional; Peningkatan dan pengkayaan ilmu dalam kalangan staf pelaksana; Meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran; Peningkatan dan pengkayaan ilmu pentadbiran serta keyakinan diri dalam pelbagai kompetensi.
10	Persidangan Kebangsaan Anggota Badan Berkanun telah diadakan pada 18-19 Disember 2014 di Universiti Malaya.	Peningkatan dan pengkayaan ilmu dalam kalangan pegawai pentadbir kumpulan Pengurusan dan Profesional; Meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran; Peningkatan dan pengkayaan ilmu pentadbiran serta keyakinan diri dalam pelbagai kompetensi.
11	Konvensyen Pentadbir Muda IPTA Peringkat Kebangsaan pada 21-23 November 2014 di The Royale Bintang Hotel, Kuala Lumpur	Meneroka idea, inovasi dan pemikiran yang lebih kreatif menerusi kelestarian tadbir urus; Perkongsian amalan tadbir urus terbaik isu-isu semasa pentadbiran; Pengukuhan nilai-nilai murni dan integriti dalam perkhidmatan; Memahami keseimbangan antara tanggungjawab mengurus dan memimpin.
12	Program A-SLEAD Global Managers; Leading and Managing Changes in Higher Education Institutions anjuran UMS dan AKEPT Kota Kinabalu Sabah pada 9-10 Disember 2014.	Peningkatan dan pengkayaan ilmu dalam kalangan pegawai pentadbir kumpulan Pengurusan dan Profesional; Meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran; Peningkatan dan pengkayaan ilmu pentadbiran serta keyakinan diri dalam pelbagai kompetensi;
13	Strategic Leadership For Managing Universities of The 21st Century : Towards Mainstreaming & Integrating Gender Concious Leadership In Higher Education pada 23-24 Disember 2014 di Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) Nilai, Negeri Sembilan.	Peningkatan dan pengkayaan ilmu dalam kalangan pegawai pentadbir kumpulan Pengurusan dan Profesional; Meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran; Peningkatan dan pengkayaan ilmu pentadbiran serta keyakinan diri dalam pelbagai kompetensi;

Bil	Nama Aktiviti	Hasil
14	Seminar Tadbir Urus Cemerlang IPTA Peringkat Kebangsaan. Berlangsung pada 24-26 Jun 2014 di Pulau Langkawi Kedah anjuran Universiti Utara Malaysia.	Peningkatan dan pengkayaan ilmu dalam kalangan pegawai pentadbir kumpulan Pengurusan dan Profesional; Meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran; Peningkatan dan pengkayaan ilmu pentadbiran serta keyakinan diri dalam pelbagai kompetensi.
15	International Seminar on Demographic Trend: Recognising The Challenges and Opportunities Organized by EPF di Vistana Hotel Kuala Lumpur.	Peningkatan dan pengkayaan ilmu dalam kalangan pegawai pentadbir kumpulan Pengurusan dan Profesional; Meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran; Peningkatan dan pengkayaan ilmu pentadbiran serta keyakinan diri dalam pelbagai kompetensi.
16	Persidangan Sumber Manusia IPTA Peringkat Kebangsaan Berlangsung di Hotel Promenade Kota Kinabalu Sabah pada 25-27 Ogos 2014 dengan tema : Transformasi Halatuju dan Cabaran.	Peningkatan dan pengkayaan ilmu dalam kalangan pegawai pentadbir kumpulan Pengurusan dan Profesional; Meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran; Peningkatan dan pengkayaan ilmu pentadbiran serta keyakinan diri dalam pelbagai kompetensi;.
17	Sukan Antara Jabatan (SUKJAP) yang diadakan di Kampus Kesihatan Kelantan.	Meningkatkan semangat kerja berpasukan yang memacu agenda transformasi.
18	Program Tadbir Urus Bersepadu (TUBE) anjuran PIPPA.	Peningkatan dan pengkayaan ilmu dalam kalangan pegawai pentadbir kumpulan Pengurusan dan Profesional; Meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran; Peningkatan dan pengkayaan ilmu pentadbiran serta keyakinan diri dalam pelbagai kompetensi.
19	Makmal Transformasi Sumber Manusia berlangsung pada 14-16 Ogos 2014 di Belum Rainforest Resort, Tasik Banding, Perak.	Peningkatan dan pengkayaan ilmu dalam kalangan pegawai pentadbir kumpulan Pengurusan dan Profesional; Meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran; Peningkatan dan pengkayaan ilmu pentadbiran serta keyakinan diri dalam pelbagai kompetensi.

Bil	Nama Aktiviti	Hasil
20	Taklimat "Hadiah, Sumbangan dan Rasuah" Kampus Kejuruteraan oleh Unit Integriti Pejabat Perundangan.	Meningkatkan pengetahuan dan nilai integriti dalam kalangan staf pentadbiran; Melahirkan staf yang amanah dalam melaksanakan tugas; Meningkatkan kesedaran tentang bahaya amalan rasuah.
21	Taklimat "Hadiah, Sumbangan dan Rasuah" Kampus Kesihatan oleh Unit Integriti Pejabat Perundangan.	Meningkatkan pengetahuan dan nilai integriti dalam kalangan staf pentadbiran; Melahirkan staf yang amanah dalam melaksanakan tugas; Meningkatkan kesedaran tentang bahaya amalan rasuah.
22	Taklimat "Hadiah, Sumbangan dan Rasuah" Kampus Induk oleh Unit Integriti Pejabat Perundangan.	Meningkatkan pengetahuan dan nilai integriti dalam kalangan staf pentadbiran; Melahirkan staf yang amanah dalam melaksanakan tugas; Meningkatkan kesedaran tentang bahaya amalan rasuah.
23	Pameran Hari Integriti bersama Sekretariat Pencegahan Rasuah sempena Pesta Konvokesyen USM.	Meningkatkan pengetahuan dan nilai integriti dalam kalangan staf pentadbiran; Melahirkan staf yang amanah dalam melaksanakan tugas; Meningkatkan kesedaran tentang bahaya amalan rasuah.

PENGURUSAN AKADEMIK

Pada 2014, pengurusan akademik universiti telah dimantapkan. Antara pencapaian Bahagian Pengurusan Akademik ialah:

a. e-Undi Pemilihan Profesor Senat

Sistem e-Undi Pemilihan Profesor sebagai Ahli Senat Universiti Sains Malaysia dibangunkan bertujuan menggantikan sistem pemilihan secara manual. Sistem ini berfungsi meningkatkan keberkesanan keputusan pengundian. Pemilihan bagi tahun 2014 hingga 2017 telah diadakan pada 14 Ogos 2014, secara talian elektronik e-Undi Senat.

USM memperkenalkan kaedah pemilihan profesor sebagai ahli Senat pada tahun 2011 sebagai satu inisiatif baharu di bawah Program Pemacuan untuk Kecemerlangan (APEX) satu usaha penambahbaikan tadbir urus. USM ialah institusi pertama di Malaysia yang mengadakan pemilihan profesor sebagai Ahli Senat menerusi kaedah pengundian bagi pelantikan 2011 hingga 2014 dan kali ini, proses pemilihan dibuat secara talian elektronik buat kali pertamanya.

Bagi pelantikan 2014 hingga 2017 ini, sebanyak 43 kerusi terdiri daripada 28 kerusi Pusat Pengajian/ Institut/Pusat dan 15 kerusi peringkat kampus dipertandingkan melibatkan 133 orang calon dalam

kalangan profesor sepenuh masa yang layak seperti ditetapkan oleh tatacara. Manakala jumlah pemilih ialah seramai 535 orang terdiri daripada Profesor dan Profesor Madya sepenuh masa yang dilantik secara tetap dan kontrak.

Pemilihan Profesor sebagai Ahli Senat mengikut tatacara ini adalah selaras dengan Seksyen 24 (1) (Perlembagaan USM).

b. e-Pilih Wakil Senat

Selaras dengan pelantikan 43 orang ahli Senat baharu dalam kalangan Profesor Universiti yang dipilih dan juga lima orang ahli ko-opt, Senat telah membuat pelantikan baharu wakil Senat dalam Lembaga/Jawatankuasa/Majlis Universiti bagi tahun 2014 hingga 2017.

Pemilihan ini dijalankan secara serentak buat kali pertamanya melalui sistem elektronik dalam talian (e-Pilih Wakil Senat) semasa Mesyuarat Khas Senat pada 4 September 2014.

c. Pendigitalan Rekod Pelajar

Projek Pendigitalan Rekod Pelajar yang berkonsepkan e-fail telah dilaksanakan. Semua dokumen pelajar didigitalkan dan diletakkan dalam profil pelajar/graduan untuk memudahkan pencarian maklumat pelajar/graduan. Projek ini telah melalui tiga fasa pelaksanaannya seperti berikut:

FASA 1	Pendigitalan maklumat pelajar dibuat oleh SDRP dengan menggunakan staf kontrak (1972 – 1982)
FASA 2	Pendigitalan dibuat secara out-sourcing dengan mendigitalkan rekod pelajar/graduan dari tahun 1983 – 2003
FASA 3	Pendigitalan dibuat oleh SDRP dengan mendigitalkan rekod pelajar mulai tahun 2009 hingga tahun semasa. Pendigitalan ini akan dijalankan secara berkala dan sehingga pelajar bergraduan

Projek pendigitalan telah melalui fasa akhir. Sejumlah 55,000 fail pelajar telah berjaya didigitalkan yang melibatkan rekod pelajar bagi tahun 1983 hingga 2003 melalui kaedah *out-source*. Perasmian Projek Pendigitalan ini telah dibuat pada 22 Disember 2014, di Bilik Persidangan Canselori dan telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pembangunan Pelajar) mewakili Naib Canselor.

d. Tranformasi Sistem Pohon@USM

Sistem Pohon@USM telah diguna pakai semenjak tahun 2009, iaitu selepas USM diiktirafkan sebagai Universiti APEX. Melalui sistem ini, permohonan untuk mengikuti program pengajian di USM dapat dilakukan secara terus kepada USM tanpa melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (UPU) bagi Ijazah Pertama.

Bahagian Pengurusan Akademik telah mengambil inisiatif untuk mengemaskinikan dan memantapkan maklumat yang diperlukan oleh pihak terlibat seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pembangunan Institusi, dan lain-lain.

Berikut ialah hasil penambahbaikan sistem tersebut:-

- Sistem pohon@USM diseragamkan dan diselaraskan bagi semua saluran kemasukan sedia ada (prasiswazah dan pascasiswazah).
- sistem pohon@USM yang lebih mesra pelanggan.
- Mengurangkan kerumitan dan kecelaruan pengisian data dan maklumat supaya lebih mesra pelanggan.
- Menyesuaikan sistem pohon@USM menjadi dwifungsi untuk kemasukan dan penjaanaan laporan secara menyeluruh.
- Garis panduan yang lebih jelas.
- Pelarasan proses tindakan seksyen/PTJ/pengguna yang berbeza dalam urusan kemasukan pelajar dan pelaporan.
- Keperluan maklumat dapat ditingkatkan dan mengurangkan isu data lompong (SMU-P) dan seterusnya membantu pemantapan proses pelaporan pada peringkat Universiti dan juga Kementerian (MyMohes).
- Pelaksanaan aktiviti promosi dan pameran lebih teratur dan mencapai matlamat sistem penyampaian maklumat yang lebih berkesan pada peringkat dalam dan luar negara.

PROGRAM AKADEMIK BAHARU

- Sarjana Sains (Sains Forensik)
- Sarjana Sains (Teknologi Bangunan)
- Sarjana Pendidikan

PENUBUHAN PUSAT BAHARU

- Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
- Institut Penyelidikan Dan Teknologi Nano-Optoelektrik (INOR)

SEMAKAN SEMULA KURIKULUM

- Sarjana Farmasi (Farmasi Klinikal)
- Doktor Perubatan
- Sarjana Muda Sains Kesihatan (Kepujian)(Dietetik)
- Sarjana Muda Sains Kesihatan (Kepujian) (Pemakanan)
- Sarjana Muda Sains Kesihatan (Kepujian) (Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan)
- Sarjana Muda Sains Kesihatan (Kepujian) (Sains Senaman dan Sukan)
- Sarjana Muda Sains Kesihatan (Kepujian) (Sinaran Perubatan)
- Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Sains Forensik)
- Sarjana Muda Seni Muzik (Kepujian) (Seni Persembahan dan Pedagogi)
- Sarjana Muda Seni Halus (Kepujian) (Reka Bentuk dan Teknologi Media Baru)
- Sarjana Muda Seni Halus (Kepujian) (Grafik Komunikasi)
- Sarjana Muda Seni Halus (Kepujian) (Reka Bentuk Produk)

- Sarjana Muda Sastera (Kepujian) (Seni Halus)
- Sarjana Muda Seni Halus (Kepujian) (Lakonan dan Pengarahan)
- Sarjana Muda Sastera (Kepujian)
 - (Geografi)
 - (Kesusasteraan)
 - (Sejarah)
- Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian)
 - (Antropologi-Sosiologi)
 - (Ekonomi)
 - (Sains Politik)
 - Diploma Kejururawatan

JAWATANKUASA PENGAJIAN DAN JAWATANKUASA KHAS

- Jawatankuasa Pengajian Untuk Mengkaji Kurikulum Baharu Sarjana Pentadbiran Perniagaan oleh Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan
- Jawatankuasa Pengajian Bagi Mengkaji Cadangan Penawaran Program Sarjana Sains (Perubatan Molekul) secara Mod Campuran oleh Institut Penyelidikan Perubatan Molekul [INFORMM]
- Jawatankuasa Khas (setara dengan Jawatankuasa Pengajian) Bagi Mengkaji Cadangan Menaik taraf Pusat Usahasama Kecemerlangan Rekabentuk Mikroelektrik (CEDEC) kepada Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE) Universiti Sains Malaysia
- Jawatankuasa Khas Bagi Mengkaji Penubuhan Institut Penyelidikan dan Teknologi Nano-Optoelektronik (INOR) sebagai Pusat Kecemerlangan (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Sains Malaysia
- Jawatankuasa Khas Bagi Mengkaji Cadangan Menaik taraf Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam ((ISDEV) (Pusat Maya) kepada Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE)
- Jawatankuasa Khas Untuk Mengkaji Semula Syarat dan Peraturan Cuti dengan Kebenaran (CDK) dan Penangguhan Pengajian
- Jawatankuasa Khas Cadangan Penukaran Nama Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita kepada Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender

Konvokesyen

Konvokesyen ke-49 telah berlangsung pada 26 April 2014 dan Konvokesyen ke-50 telah diadakan pada 5 hingga 9 November 2014. Seramai 5,472 graduan telah menerima ijazah masing-masing terdiri daripada 1,478 graduan ijazah tinggi dan 3,916 graduan ijazah pertama.

Keseluruhan graduan yang menerima ijazah pada 2014 ialah seramai 6,563 orang meliputi 2,303 graduan ijazah tinggi, 4,181 graduan ijazah pertama dan 79 orang Diploma Kejururawatan.

Universiti juga telah menganugerahkan Ijazah Kehormat kepada tiga orang tokoh pada Konvokesyen ke-50 iaitu:

Anugerah	Nama Tokoh
Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang	Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Anugerah	Nama Tokoh
Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan	YBhg Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr Abdul Rahman Arshad
Profesor Emeritus	YBhg Profesor Dato' Dr Jamjan Rajikan

PENDAFTARAN PELAJAR SIDANG AKADEMIK 2014/2015

Seramai 5,238 orang pelajar baharu ijazah pertama telah mendaftar pada Sidang Akademik 2014/2015 meliputi 4,068 pelajar yang mengikuti pengajian sepenuh masa dan 1,170 pelajar program pengajian Pendidikan Jarak jauh. Keseluruhan permohonan yang diterima bagi program pengajian ijazah pertama ialah 25,714 permohonan.

Rumusan

Transformasi pengurusan akademik melalui aktiviti dan program yang dilaksanakan telah berjaya melonjakkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Penambahbaikan berterusan dalam aktiviti pengurusan berdasarkan maklum balas pengguna dan penggunaan teknologi serta pemantapan pangkalan data pelajar berkaitan akademik telah meningkatkan *outcome* dan impak perkhidmatan.



Program Keutuhan Pentadbiran Bicara Pentadbir



LAPORAN KETUA PUSTAKAWAN

LAPORAN KETUA PUSTAKAWAN

Pengenalan

Berpegang pada visi Perpustakaan iaitu "Menjadi Pemangkin ke arah Perkembangan Ilmu, Kesarjanaan dan Pendidikan Sepanjang Hayat untuk Pembangunan Lestari", perpustakaan berperanan sebagai pusat sumber maklumat dan ilmu utama untuk universiti. Peranan perpustakaan kini adalah untuk menyokong Universiti dari segi kecemerlangan dalam pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan pembangunan insan serta memberikan sumbangan kepada masyarakat di dalam dan di luar kampus.

Perkhidmatan Pengguna

Ahli berdaftar Perpustakaan USM sehingga Disember 2014 ialah seramai 52,711 orang. Keahlian Perpustakaan USM terdiri daripada pelajar, staf akademik/pentadbiran, dan orang awam yang terdiri daripada pekerja sektor korporat, pekerja sektor awam serta pekerja industri dan perdagangan. Perkhidmatan pinjaman telah merekodkan pinjaman sejumlah 305,782 buah buku. Sementara itu, Perpustakaan juga telah merekodkan 452,405 kunjungan pengguna secara fizikal dan 311,194 secara maya dengan perincian seperti berikut:

Kampus	Keahlian	Pinjaman	Kunjungan (fizikal)
Perpustakaan Hamzah Sendut 1 & 2	39,820	265,684	224,108
Perpustakaan Hamdan Tahir	12,745	29,911	173,980
Perpustakaan Kejuruteraan	146	10,187	54,317
Jumlah	52,711	305,782	452,405

Pencapaian bagi Tahun 2014

- Perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan kepada pengguna diteruskan dengan pemantapan berterusan perisian terbuka sistem bersepadu dalam talian iaitu KOHA untuk seluruh rangkaian Perpustakaan USM.
- Kedudukan Repository@USM pada Ranking Web of World Repositories (July 2014) (http://repositories.webometrics.info/en/top_Inst) adalah pada kedudukan nombor 100 daripada 1897 repositori institusi di dunia. Sementara kedudukan webometrics universiti di Malaysia meletakkan USM pada kedudukan tiga terbaik (sumber: <http://www.webometrics.info/en/Asia/Malaysia%20>).
- EBSCO Discovery Service (EDS) ialah perkhidmatan baharu yang menyediakan pencarian silang (cross searching) bagi katalog perpustakaan dan juga sumber-sumber elektronik yang dilanggan oleh Perpustakaan USM. Perkhidmatan ini berkonsepkan sebagai "one stop search" terhadap semua bahan perpustakaan. Platform ini merupakan revolusi terhadap teknik pencarian bahan-bahan rujukan bagi para penyelidik USM. Perpustakaan USM mengoptimumkan penggunaan EDS yang dilanggan.
- Pasukan Bertindak Program Strategik Perkhidmatan Sokongan Penyelidikan atau dalam Bahasa Inggeris *Strategic Program in Research Support Service (SPiReSS)* telah ditubuhkan. Pasukan

ini terbahagi kepada empat kumpulan dan terdiri daripada 15 Pustakawan. Objektif penubuhan Pasukan Bertindak SPiReSS ini adalah untuk membantu pelajar meningkatkan kemahiran menggunakan aplikasi perisian terbuka bagi memudahkan proses penyelidikan seperti Grammar Checker, Mendeley, Open Access, dan Google: Your Research Support Tool.

5. Pada tahun ini Perpustakaan telah mengadakan 23 siri penerangan untuk MS ISO 9001:2008. Penerangan ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada semua staf Perpustakaan berkaitan aktiviti-aktiviti kualiti secara khusus. Perpustakaan berjaya mengekalkan Pensijilan MS ISO 9001:2008 sekali lagi setelah Audit Pematuhan (Surveillance Audit) oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. yang dilaksanakan pada 27 dan 28 Oktober 2014 tanpa sebarang ketakakuran.
6. Seramai 12 orang Pustakawan, seorang Penolong Pustakawan, empat orang Pembantu Perpustakaan dan seorang Pembantu Am Pejabat telah membenteng tiga kertas kerja dalam tiga Persidangan Antarabangsa.
7. Sebanyak 23 seminar/bengkel telah dianjurkan oleh Perpustakaan dan juga anjuran bersama Unit Latihan Jabatan Pendaftar pada tahun.
8. Sebanyak 16 pameran telah diadakan sepanjang tahun 2014 iaitu tiga pameran di Perpustakaan Hamzah Sendut dan 13 pameran di Perpustakaan Hamdan Tahir.
9. Bagi meneruskan usaha pengantarabangsaan, Perpustakaan selaku Sekretariat ASEAN University Network Inter-Library Online (AUNILO) telah bekerjasama dengan Sekretariat ASEAN University Network (AUN) bagi menyelaraskan 'The 8th AUNILO Committee Meeting' di National University of Singapore. Perpustakaan Universiti Sains Malaysia juga sekali lagi telah diberikan kepercayaan menjadi Sekretariat AUNILO untuk tempoh 2014 hingga 2018.
10. Perpustakaan sentiasa berusaha meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan dengan mengadakan pelbagai aktiviti bersama-sama dengan masyarakat. Sepanjang tahun 2014, 23 aktiviti bersama pelanggan dan masyarakat telah dilaksanakan.
11. Sepanjang tahun 2014, Perpustakaan berjaya menjana kewangan berjumlah RM280,434.20. Penjana kewangan ini ialah hasil kutipan denda, pendaftaran keahlian, sewaan, muat turun artikel, mikrobentuk, penganjuran persidangan dan perkhidmatan faks.



Ramah mesra bersama tetamu di Majlis Perasmian AUN Inter - Library Online (AUNILO) Capability Building Training

KOLEKSI

Perpustakaan mempunyai 1,827,461 koleksi dengan perincian seperti berikut:

Jenis Bahan	Jumlah Judul
	2014
Buku dan Jurnal Bercetak (Jumlah naskhah)	1,136,009 (1,315,238)
Buku elektronik	112,711
Jurnal elektronik	360,369
Bahan Media (termasuk mikrobentuk)	218,372
Jumlah	1,827,461

Pangkalan Data Dan Langgan Majalah yang aktif pada 2014 adalah seperti berikut:

Perkara	Jumlah
Pangkalan Data	62
Langgan Majalah	273



Majlis Perasmian Minggu Bersama Pelanggan Perpustakaan

RUMUSAN

Sepanjang tahun 2014, Perpustakaan telah memperkenalkan beberapa perkhidmatan baharu seperti pencarian yang bersifat "one stop search" dan program perkhidmatan sokongan penyelidikan yang berorientasikan pelanggan. Perpustakaan juga telah mengambil inisiatif dengan menggunakan sistem bersepadu perpustakaan yang baharu yang dikenali sebagai KOHA dengan kos yang lebih efektif dan mesra pengguna.

Perpustakaan masih meneruskan agenda kualiti yang dimulakan sejak tahun 2002. Pada tahun ini, Perpustakaan telah berjaya mengekalkan Pensijilan MS ISO 9001:2008 setelah diaudit oleh SIRIM QAS tanpa sebarang ketakakuran. Melalui pelaksanaan agenda kualiti ini, Perpustakaan telah berjaya melahirkan ramai pakar yang kompeten dalam MS ISO 9001:2008 dalam kalangan Pustakawan dan mereka sering dijemput untuk menjadi fasilitator dan juga juruaudit untuk Audit Kualiti Dalam di jabatan-jabatan lain di dalam Universiti ini.

Perpustakaan akan terus memberikan perkhidmatan yang terbaik dan memberikan tambah nilai kepada pelanggan melalui inisiatif dan inovasi terkini dalam usaha menyokong Universiti dari segi kecemerlangan dalam pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan pembangunan insan serta memberikan sumbangan kepada masyarakat di dalam dan luar kampus.



Suasana di dalam Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia



Pemandangan hadapan Perpustakaan Hamzah Sendut 2, Universiti Sains Malaysia



**LAPORAN
PENASIHAT UNDANG-UNDANG**

LAPORAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG

PENGENALAN

Penasihat Undang-Undang Universiti bertanggungjawab dan berperanan untuk membantu segala urusan pentadbiran dan hal perundangan dan governan universiti sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan Universiti Sains Malaysia.

PENCAPAIAN

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang pada 2014 ialah:

- a. Pada 13 Oktober sehingga 15 Oktober 2014, Pejabat Perundangan Universiti telah bekerjasama dengan Majlis Tatatertib Pelajar dan Disiplin Universiti Malaysia (MATDUM) menganjurkan Seminar Khas Tatatertib Pelajar dan Integriti yang bertujuan memberikan pendedahan dan pemahaman terhadap skop dan pelaksanaan tatatertib pelajar, undang-undang berkaitan dengannya dan integriti dalam pengurusan tatatertib pelajar.

Seminar yang julung-julung kali diadakan di Pulau Pinang ini telah mendapat sambutan dengan kehadiran lebih kurang 90 orang peserta dari seluruh negara. Para peserta yang hadir pada seminar khas tersebut di atas terdiri daripada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tatatertib (kes-kes Akademik), Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tatatertib (Kes-kes Am), Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Siasatan Kes Meniru/Menipu dalam Peperiksaan, Ahli Jawatankuasa Plagiat, Pegawai Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar, pegawai-pegawai daripada bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa, Penggawa-penggawa/ Pengetua Kolej Kediaman, Felo dan Penolong Penggawa/ Pengetua Desasiswa/ Kolej Kediaman, Pengarah/Pegawai dari Jabatan Keselamatan, Pegawai daripada Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan, Pegawai daripada Bahagian Pengurusan Akademik dan Pegawai di Pejabat Perundangan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) masing-masing.

Penceramah-penceramah yang menyampaikan semua topik dalam seminar ini terdiri daripada Penasihat-Penasihat Undang-Undang IPTA dan pegawai-pegawai kanan daripada Jabatan Pendaftar IPTA.

Antara topik yang dibentangkan dan dibincangkan dalam seminar tersebut adalah seperti berikut:

- Perundangan dan tatatertib pelajar;
- Kuasa dan perwakilan kuasa dalam tatatertib pelajar dan isu-isu berkaitan;
- Integriti dalam pengurusan tatatertib pelajar;
- Asas siasatan, pembuktian dan pertuduhan;
- Perbicaraan, keputusan, hukuman dan rayuan; dan
- Forum berkenaan isu-isu semasa berkaitan tatatertib pelajar – aspek perundangan, akademik dan bukan akademik.

- b. Antara aktiviti berkaitan dengan pelajar yang dijalankan sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:

Bulan	Aktiviti
Februari	Taklimat berkenaan dengan AUKU dan tata tertib pelajar-pelajar dalam Bengkel Pembangunan Pengurusan Persatuan Pelajar di Kampus Kesihatan
Mei	Perbincangan Isu-Isu Semasa Berkaitan Tata tertib Pelajar bagi exco Majlis Perwakilan Pelajar
Ogos	Kursus Siri 1 berkenaan AUKU 1971, Perlembagaan Universiti dan tata tertib pelajar serta penguatkuasaan bagi kakitangan Jabatan Keselamatan
September	Kursus Siri 2 berkenaan AUKU 1971, Perlembagaan Universiti dan tata tertib pelajar serta penguatkuasaan bagi kakitangan Jabatan Keselamatan
Oktober	Kursus Siri 3 berkenaan AUKU 1971, Perlembagaan Universiti dan tata tertib pelajar serta penguatkuasaan bagi kakitangan Jabatan Keselamatan
November	Taklimat berkenaan peruntukan undang-undang dalam AUKU 1971, Perlembagaan USM dan Kaedah Tata tertib Pelajar berkenaan Persatuan/Kelab/ Badan Pelajar bagi Program Pemantapan Pengurusan Kelab/Persatuan/Badan Pelajar di Kampus Kejuruteraan
Disember	Taklimat berkenaan peruntukan undang-undang dalam AUKU 1971, Perlembagaan Universiti dan Kaedah Tata tertib Pelajar berkenaan Persatuan/Kelab/ Badan Pelajar bagi Program Pemantapan Pengurusan Kelab/Persatuan/Badan Pelajar di Kampus Kesihatan.

- c. Pada akhir tahun 2014, Kaedah-Kaedah Universiti Sains Malaysia (Tata tertib Pelajar-Pelajar) 2014 yang baru telah berjaya digubal dengan beberapa penambahbaikan penting termasuklah pelaksanaan hukuman-hukuman tata tertib yang baru. Penggubalan ini adalah amat perlu kerana Kaedah-Kaedah Universiti Sains Malaysia (Tata tertib Pelajar) yang terpakai sekarang adalah pada tahun 1999 dan bagi tujuan penyelarasan dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) (Pindaan 2012). Kaedah-Kaedah ini telah dibentang dalam Mesyuarat Lembaga Gabenor Universiti (LGU) ke-94 pada 7 November 2013 dan telah mendapat kelulusan LGU. Kaedah-Kaedah ini kini dalam proses semakan pada peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (Sektor Pengajian Tinggi) dan Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara dan seterusnya ke peringkat pewartaan.
- d. Pejabat Perundangan telah mengambil inisiatif dengan membuat kompilasi kes-kes tata tertib Pelajar (akademik dan bukan akademik) serta perundangan berkaitan tata tertib pelajar Universiti Sains Malaysia. Kompilasi kes-kes ini bukan sahaja mengandungi kes-kes tata tertib terpilih Universiti, malah ia juga mengandungi kes-kes tata tertib yang telah diputuskan di mahkamah, prinsip-prinsip perundangan yang terpakai dalam pengurusan tata tertib pelajar dan juga perkara-perkara penting yang perlu dilakukan dalam pengurusan tata tertib pelajar. Kompilasi ini kini pada peringkat akhir penulisan dan pengemaskinian. Sebaik siap nanti, ia merupakan kompilasi seumpamanya yang pernah dihasilkan pada peringkat IPTA di Malaysia.

Kompilasi ini dapat memberikan manfaat kepada semua ahli Jawatankuasa Tata tertib Pelajar (akademik dan bukan akademik) dan juga pegawai-pegawai berkaitan tata tertib pelajar Universiti Sains Malaysia serta mana-mana IPTA lain bagi dijadikan sebagai panduan, rujukan/perbandingan dan amalan terbaik.

e. Penggubalan Statut Universiti

Sepanjang tahun 2014, sejumlah 37 buah Statut telah digubal.

Sejumlah 27 buah daripada 37 buah Statut yang digubal dan telah diluluskan oleh pihak Lembaga Gabenor Universiti (LGU), dan telah dikemukakan ke Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) meliputi 16 Statut Governan, 14 Statut Akademik dan tujuh statut lain-lain dan perinciannya seperti berikut:.

i. Statut Governan

Bil.	Nama Statut
1.	Statut Canselor*
2.	Statut Pro-Canselor*
3.	Statut Naib Canselor*
4.	Statut Timbalan Naib Canselor*
5.	Statut Jawatankuasa Pengurusan Universiti*
6.	Statut Lembaga Gabenor Universiti*
7.	Statut Pendaftar*
8.	Statut Penasihat Undang-Undang*
9.	Statut Bendahari*
10.	Statut Ketua Pustakawan*
11.	Statut Pegawai Aduan
12.	Statut Ketua Audit Dalam
13.	Statut Dekan
14.	Statut Hospital Universiti
15.	Statut Jawatankuasa Audit Universiti
16.	Statut Pusat Perkhidmatan dan Pusat Bukan Akademik

Nota: (*) Statut-statut yang telah diluluskan oleh LGU dan dikemukakan ke KPM

ii. Statut Akademik

Bil.	Nama Statut
1.	Statut Senat*
2.	Statut Ijazah dan Diploma*
3.	Statut Institut, Pusat Akademik dan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan*
4.	Statut Pusat Pengajian*
5.	Statut Pakaian Rasmi dan Akademik*
6.	Statut Takrif dan Makna
7.	Statut Pengurniaan Kehormat
8.	Statut Lambang dan Warna
9.	Statut Institut Pengajian Siswazah
10.	Statut Majlis Peperiksaan Universiti
11.	Statut Cokmar Universiti
12.	Statut Majlis Kemasukan Universiti
13.	Statut Jawatankuasa Pengajian
14.	Statut Majlis Pengajian Siswazah Universiti

Nota: (*) Statut-statut yang telah diluluskan oleh LGU dan dikemukakan ke KPM

iii. Statut Lain-Lain

Bil.	Nama Statut
1.	Statut Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik
2.	Statut Cuti Sabatikal
3.	Statut Jawatankuasa Tetap Kewangan
4.	Statut Harta Intelek
5.	Statut Jawatankuasa Kebajikan Pelajar
6.	Statut Desasiswa
7.	Statut Jawatankuasa Aduan Pelajar

Nota: (*) Statut-statut yang telah diluluskan oleh LGU dan dikemukakan ke KPM

- f. Penasihat Undang-Undang pada tahun 2014 telah dianugerahkan sebagai Pegawai Integriti Bertauliah oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.



YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara menyampaikan Sijil Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah kepada Encik Khairul Anuar Che Azmi, Penasihat Undang-Undang

TADBIR URUS

Dalam ekosistem pentadbiran dan pengurusan Universiti, Penasihat Undang-Undang Universiti bertanggungjawab terhadap segala pengurusan urus tadbir berikut:

a. Pengurusan Tatatertib Pekerja

Kawalan tatatertib merupakan salah satu elemen dalam pengurusan sumber manusia yang penting dalam sistem pentadbiran universiti. Matlamat pengurusan tatatertib adalah bagi membentuk sikap yang positif dan mencegah mana-mana staf Universiti daripada melakukan salah laku dan penyelewengan kerana matlamat utama universiti adalah untuk mempunyai staf yang berkualiti, berintegriti dan bermotivasi. Penasihat Undang-Undang Universiti bertanggungjawab mengurussetiakan Jawatankuasa Tatatertib Pekerja Universiti termasuklah urusan menimbang serta menentukan pertuduhan dan hukuman tatatertib terhadap pekerja-pekerja yang melanggar syarat-syarat perkhidmatan dan peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

b. Pengurusan Menjalankan Pekerjaan Luar

Penasihat Undang-Undang juga berperanan untuk memastikan semua warga staf universiti yang ingin menjalankan kerja selain tugas hakiki yang ditetapkan oleh Universiti, agar memahami dan mematuhi keperluan Peraturan 4, Jadual Kedua (Seksyen 5), Bahagian Tatakelakuan, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 (Akta 605) yang mengkehendaki mana-mana pekerja Universiti mendapatkan kebenaran bertulis daripada Naib Canselor, selaku Ketua Jabatan Organisasi, sebelum atau semasa Kerja Luar dijalankan.

c. Pengurusan Pengisytiharan Harta

Penasihat Undang-Undang juga bertanggungjawab memastikan perisytiharan harta oleh setiap warga Universiti dibuat dari semasa ke semasa, termasuklah perisytiharan harta kali pertama, harta tambahan, pelupusan harta dan termasuk pengakuan tiada perubahan terhadap pemilikan harta. Di bawah Peraturan 9, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 (Akta 605), semua staf universiti dikehendaki mengisytiharkan harta secara bertulis kepada Ketua Jabatan masing-masing segala harta yang dimiliki olehnya atau isteri atau suami atau anaknya atau yang dipegang oleh mana-mana orang bagi pihaknya atau bagi pihak isteri atau suaminya atau anaknya.

d. Pengurusan Tatatertib Pelajar-Pelajar

Penasihat Undang-Undang juga bertanggungjawab terhadap pengurusan tatatertib Pelajar-Pelajar sejak Ogos 2011 (bagi kes Am) dan semenjak Mac 2013 bagi kes Akademik.

e. Pengurusan Perjanjian Persefahaman (MoU|MoA|NDA)

Pejabat Perundangan bertanggungjawab mendraf, menggubal dan merangka *MoU* dan *MoA* antara Universiti dengan pihak luar; menyemak, meneliti dan mengulas *MoU* dan *MoA* yang disediakan oleh pihak luar termasuk mengadakan perbincangan bagi mencapai persetujuan terhadap terma-terma dan syarat-syarat untuk dokumen-dokumen ini. Dalam usaha melaksanakan tugas ini, Pejabat Perundangan mengambil berat kepentingan Universiti dengan melindungi dan mempertahankan perkara yang bukan sahaja melibatkan perundangan, tetapi juga etika dan governan. Sebanyak 226 dokumentasi *MoU/MoA telah* ditandatangani sehingga 31 Disember 2014. 47% daripada jumlah ini merupakan kolaborasi tempatan manakala 53% lagi merupakan kolaborasi pada peringkat antarabangsa.

Pengurusan perkara-perkara yang berkaitan dengan aktiviti pengkomersilan yang juga turut diuruskan oleh Pejabat Perundangan sepanjang tahun 2014 adalah sebanyak 16 aktiviti.

f. Pengurusan Pecah Kontrak di bawah Skim Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA), Skim Rancangan Latihan Pengajian Tinggi Kakitangan Akademik (RPTKA) dan Paramedik

Penasihat Undang-Undang turut bertanggungjawab mengendalikan kes-kes pecah kontrak di bawah Skim Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA), Rancangan Pendidikan Tinggi Kakitangan Akademik (RPTKA) dan Paramedik. Secara amnya, Universiti telah memberikan pembiayaan di bawah Skim RLKA dan RPTKA bagi seseorang Felo/Kakitangan/Pelajar Universiti untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat Sarjana dan/atau Ijazah Kedoktoran sama ada di dalam negara atau di luar negara. Manakala di bawah Skim Paramedik, seseorang pelajar diberi pembiayaan oleh Universiti untuk melanjutkan pelajaran dalam kursus perubatan, antaranya Jururawat Pelatih dan Pembantu Makmal. Bagi ketiga-tiga skim tersebut, Felo, Kakitangan Universiti dan Pelajar perlu menandatangani perjanjian iaitu antara intipati penting dalam perjanjian tersebut ialah mereka perlu berkhidmat dengan Universiti dalam tempoh yang ditetapkan. Secara umumnya, Pejabat Perundangan berjaya meningkatkan jumlah kutipan bayaran balik ganti rugi pecah kontrak melebihi RM1.6 juta setahun terutama bagi tempoh dua tahun belakangan ini iaitu bagi tahun 2013 dan 2014. Pencapaian ini berdasarkan tindakan tegas dan pemantauan berterusan yang dibuat oleh Pejabat Perundangan dari semasa ke semasa bagi setiap kes pecah kontrak.

g. Pengurusan Unit Integriti Universiti

Penasihat Undang-Undang juga bertindak sebagai Pegawai Integriti Bertauliah dalam struktur pentadbiran Universiti. Pentausahaan ini telah dianugerahkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pada tahun 2014 yang lalu dan telah menjadikan Universiti Sains Malaysia antara beberapa Universiti yang terawal menubuhkan Unit Integriti.

Antara peranan Unit Integriti seperti berikut:

- Memantapkan nilai integriti dalam kalangan kakitangan dan pelajar melalui inisiatif mengadakan program-program yang berstrukturkan integriti untuk meningkatkan kesedaran dan memupuk budaya berintegriti di dalam kampus.
- Bekerjasama dengan beberapa Pusat Tanggungjawab untuk memastikan prinsip integriti serta akauntabiliti dalam penyampaian perkhidmatan Universiti yang cekap, jujur, bersih dan cemerlang.
- Membantu pelbagai Pusat Tanggungjawab dalam mengkaji, membangunkan serta melaksanakan dasar, prosedur dan garis panduan ke arah integriti serta pengurusan etika, perkhidmatan dan penyelidikan yang amanah.
- Menjalankan program penasihat kepada pihak pengurusan Universiti berkaitan dengan potensi mengurangkan risiko penipuan, salah guna kuasa serta kedudukan selain menimbulkan kesedaran ke arah sifar rasuah dan sifar salah guna kuasa.

Pandangan Perundangan

Penasihat Undang-undang juga bertanggungjawab menyediakan Pandangan Perundangan atau 'penjelasan bertulis Perundangan' yang memberikan syor, pandangan serta khidmat nasihat kepada Naib Canselor dan Pihak Berkuasa Universiti yang lain. Pandangan Perundangan juga diberikan kepada mana-mana pihak dipelbagai peringkat pengurusan mahupun individu (dalam Universiti) yang memerlukan bentuk penasihat, tafsiran atau tindakan wajar yang perlu secara rasional menurut perundangan. Pada 2014, sebanyak 82 pandangan perundangan telah diberikan berbanding dengan 45 pada 2013.


Rumusan

Pada 2014, Pejabat Penasihat Undang-Undang telah memainkan peranan bagi memantapkan tadbir urus universiti dan meningkatkan tahap integriti staf melalui pelbagai program integriti. Disamping itu, Pejabat Perundangan daripada masa ke semasa menjalankan program kesedaran yang melibatkan pelajar dan staf tentang keperluan memahami peraturan dan kaedah-kaedah tata tertib bagi memastikan staf dan pelajar mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan.



Buku Perlembagaan Universiti Sains Malaysia

LAPORAN PENGARAH PEMBANGUNAN



LAPORAN PENGARAH PEMBANGUNAN

Pengenalan

Jabatan Pembangunan diketuai oleh seorang Pengarah dengan empat orang Timbalan Pengarah. Dua orang daripadanya mengetuai cawangan jabatan di Kampus Kejuruteraan Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan dan di Kampus Kesihatan, Kubang Kerian, Kelantan..

Jabatan ini berfungsi sebagai sebuah jabatan yang mengurus pengoperasian dan penjagaan bangunan, infrastruktur, sistem pemasangan dan peralatan. Selain itu, Jabatan Pembangunan juga diberikan tanggungjawab oleh universiti untuk merancang, membangun prasarana dan ruang serta menyelenggaranya agar universiti dapat meneruskan dan meningkatkan keupayaan penyelidikan, pengajaran dan perkhidmatan.

Inisiatif dan Inovasi

Beberapa inisiatif pembangunan dan penambahbaikan sistem ICT telah dijalankan pada tahun 2014 untuk menyokong operasi pengurusan fasiliti. Antaranya adalah pembangunan sistem baharu iaitu Sistem e-Sebutharga, Sistem Penghebahan Elektronik V2, Sistem e-Penyata, Sistem Q Maklum Balas Pelanggan V2, Sistem Pengurusan Projek Sispro dan Sistem Pengurusan Aset. Bagi sistem sedia ada seperti Sistem Fleet Beta V1, sistem ini diberikan penambahbaikan manakala Sistem CMMS BEAM V2 diintegrasikan dengan Sistem Servisdesk@Desasiswa agar maklumat penyelenggaraan dapat dikongsi bersama-sama.

Tahun 2014 juga melihat inisiatif OMD (*Operation Minute Details*) diteruskan. Operasi ini yang melibatkan sekumpulan Juruteknik dan Pekerja Rendah Am memasuki sesebuah Pusat Tanggungjawab yang disasarkan untuk mencari sebarang kerosakan dan membaikinya secara terus tanpa pelanggan membuat aduan kerosakan. Operasi ini merupakan satu inisiatif penyenggaraan pencegahan (*Preventive Maintenance*) untuk memuaskan hati pelanggan.

Bagi menyambung usaha penjimatan tenaga elektrik yang dimulakan pada tahun 2013, tahun 2014 melihat peruntukan berjumlah RM295,000 dibelanjakan bagi pemasangan *data logger* dan pembangunan sistem kawalan BAS di tiga pencawang elektrik dan tiga Dewan Kuliah. Usaha ini dibuat bagi membolehkan penggunaan elektrik bagi Dewan Kuliah dipantau dan dikawal secara optimum bagi penjimatan penggunaan tenaga. USMET (*Universiti Sains Malaysia Energy Team*) yang merupakan sekumpulan ahli yang terdiri daripada Jurutera dan Juruteknik Jabatan Pembangunan sentiasa melihat aspek penjimatan penggunaan tenaga elektrik di dalam kampus dari semasa ke semasa. Selain pemasangan *data logger*, USMET telah pun memulakan pemasangan lampu pencahayaan LED menggantikan lampu kalimantang di beberapa lokasi bagi tujuan penjimatan.

Jabatan Pembangunan juga terlibat dalam kerja bantuan kemasyarakatan mangsa banjir di Kelantan menjelang akhir tahun 2014. Jabatan telah bertindak menyediakan perkhidmatan logistik seperti menyediakan kenderaan kepada sukarelawan. Cawangan Jabatan Pembangunan Kampus Kesihatan pula secara khususnya ditugaskan menyediakan bekalan air kepada 30 buah sekolah di daerah Kota Bharu, Tanah Merah dan Kuala Krai agar dapat beroperasi pada 11 Januari 2015.

Projek Pembangunan

Sebuah bangunan terdiri daripada ruang pejabat dan makmal yang dinamakan Inkubator Inovasi Universiti (IIU) telah mula dibina pada akhir tahun 2014. Projek ini merupakan projek terbesar 2014 yang diselia oleh Jabatan Pembangunan di bawah Peruntukan Khas Modal Ihsan EPU dan projek ini bernilai RM37 juta. Bangunan ini akan dijadikan tempat kerjasama penghasilan saintis Universiti dan syarikat komersial dan dijangka siap dibina pada pertengahan 2016.

Jabatan Pembangunan juga menyelia pembinaan sebuah Kompleks Sukan baharu yang dinamakan USM Azman Hashim Sports Arena. Kompleks yang bernilai RM8.7 juta ini ialah hasil sumbangan Ambank Bhd. yang menempatkan beberapa gelanggang sukan seperti futsal, badminton dan bola tampar. Kompleks ini juga akan menyediakan ruang sewaan kepada pihak syarikat luar. Pembinaannya telah bermula pada Julai 2014 dan dijangka siap pada Julai 2015.

Satu lagi projek pembangunan yang diselia oleh Jabatan pembangunan ialah Bangunan Tambahan Institut Pengajian Siswazah yang bernilai RM5 juta, iaitu hasil sumbangan daripada Syarikat TORAY. Pembinaan bangunan ini dimulakan pada tahun 2013 dan dijangka siap Julai 2015.



USM Azman Hashim Sports Arena sumbangan Ambank Berhad dan cadangan pindaan dan tambahan bangunan empat tingkat (USM-TORAY Knowledge Transfer Centre) ke atas bangunan Institut Pengajian Siswazah sumbangan Syarikat Toray dalam pembinaan

Penyelenggaraan Fasiliti

Pengurusan Penyelenggaraan Berkala (Berjadual) telah mencapai sasaran KPI tahunan iaitu 80% kesiapan. Bidang Kebersihan dan Cucian Bangunan, Kebersihan Halaman dan Kawasan, Penyelenggaraan Landskap dan Taman, Khidmat Pengangkutan Sampah/Sisa Pepejal, Servis Sistem Pendingin Hawa, Servis Sistem Pencegahan Kebakaran, Servis Sistem Lif, Servis Perangkap Lemak, Penyelenggaraan Sistem Pam, Servis Genset, Servis Sistem Automasi Bangunan (BAS) dan Penyelenggaraan Sistem Pili Hidran Bomba adalah di bawah skop Penyelenggaraan Berkala yang ada antaranya terus dikontrakkan secara tahunan kepada syarikat luar.

Pengurusan Penyelenggaraan Korektif juga mencapai sasaran KPI tahunan iaitu 80% kesiapan. Dalam usaha memastikan prestasi tinggi penjagaan fasiliti bagi kelancaran operasi fizikal kampus, gangguan

bekalan air dan tenaga elektrik dipastikan berada pada tahap minimum. Pengurusan Perbelanjaan Tahunan mencapai sasaran 90% perbelanjaan berimbang. Jumlah peruntukan untuk Jabatan Pembangunan secara keseluruhannya adalah berjumlah RM60.75 juta dan 97% dibelanjakan pada tahun 2014.

Rumusan


Pada 2014, staf Jabatan Pembangunan terus berusaha untuk meningkatkan keupayaan dalam memantapkan sistem penyampaian. Penyelenggaraan secara berkala keatas infrastruktur dan kemudahan Universiti telah berjaya meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pengguna.

Memandangkan usia prasarana di dalam Kampus yang semakin usang dimamah usia, kos penyenggaraannya dilihat semakin meningkat dari tahun ke tahun. Kenaikan kos ini juga disumbangkan oleh trend kenaikan harga perkhidmatan dan kos barangan binaan. Namun, Jabatan Pembangunan akan cuba menjalankan kerja yang dipertanggungjawabkan secara berhemah dan bijak dalam usaha mengaplikasikan teknologi baharu untuk penyenggaraan kos yang efektif.



Pemandangan Di Tasik Aman, Universiti Sains Malaysia

LAPORAN KEWANGAN



LAPORAN KEWANGAN

PENDAPATAN MENGURUS

Pendapatan mengurus Universiti Sains Malaysia pada tahun 2014 adalah sebanyak RM 1,126,552,840 iaitu peningkatan sebanyak 14.5% daripada pendapatan mengurus tahun 2013, yang berjumlah RM983,854,792. Pemberian daripada kerajaan berjumlah RM 1,014,603,950 atau 90.0% daripada jumlah pendapatan keseluruhan. Manakala yuran pelajar pula berjumlah RM74,439,942 atau 6.6%. Pendapatan lain berjumlah RM37,508,948 atau 3.4%. Jadual 1 meringkaskan pendapatan mengurus untuk tempoh 2 tahun.

JADUAL 1: PENDAPATAN MENGURUS

	Tahun 2014		Tahun 2013	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Pemberian Kerajaan	1,014.6	90.0	861.1	87.5
Yuran Pelajar	74.4	6.6	85.0	8.6
Pendapatan Lain	37.5	3.4	37.8	3.9
Jumlah	1,126.5	100	983.9	100

PERBELANJAAN MENGURUS

Perbelanjaan mengurus Universiti Sains Malaysia pada tahun 2014 adalah berjumlah RM1,133,868,337 iaitu 16.1% lebih tinggi daripada perbelanjaan mengurus tahun 2013 berjumlah RM976,829,637. Sebahagian besar daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan iaitu sebanyak RM696,526,404 atau 61.4% adalah untuk pembayaran emolumen. Perbelanjaan emolumen telah meningkat sebanyak 6.6% berbanding dengan perbelanjaan emolumen tahun 2013. Manakala baki 38.6% atau RM437,341,933 adalah untuk perbelanjaan bukan emolumen. Perbelanjaan bukan emolumen telah meningkat sebanyak 35.2% iaitu daripada RM323,477,687 pada tahun 2013 kepada RM437,341,933 pada tahun 2014. Jadual 2 meringkaskan perbelanjaan mengurus untuk tempoh 2 tahun.

JADUAL 2: PECAHAN PERBELANJAAN MENGURUS

	Tahun 2014		Tahun 2013	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Emolumen	696.5	61.4	653.4	66.9
Perkhidmatan dan Bekalan	301.9	26.7	268.3	27.4
Pembelian Harta Modal	23.8	2.1	22.1	2.3
Pemberian dan Kenaan Tetap	86.1	7.6	21.5	2.2
Perbelanjaan Lain	25.5	2.2	11.5	1.2
Jumlah	1,133.8	100	976.8	100

Secara keseluruhan, kurangan pendapatan atas perbelanjaan mengurus Universiti adalah berjumlah RM7,315,497 iaitu 204.1% lebih rendah berbanding lebihan pada tahun 2013 sebanyak RM7,025,155. Sehubungan dengan ini, jumlah baki lebihan terkumpul perbelanjaan mengurus tahun 2014 berjumlah RM82,177,923 telah berkurang sebanyak RM7,315,497 atau 8.2% berbanding lebihan RM89,493,420 pada tahun 2013.

JADUAL 3: LEBIHAN PERBELANJAAN MENGURUS

	Tahun 2014 RM Juta	Tahun 2013 RM Juta
Pendapatan	1,126.5	983.8
Tolak : Perbelanjaan	1,133.8	976.8
Lebihan / (kurangan) untuk tahun	(7.3)	7.0
Lebihan terkumpul awal tahun	89.4	82.4
Lebihan terkumpul akhir tahun	82.1	89.4

PENDAPATAN PEMBANGUNAN

Pendapatan pembangunan Universiti Sains Malaysia pada tahun 2014 adalah berjumlah RM46,680,000 berbanding tiada geran pembangunan pada tahun 2013.

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Perbelanjaan pembangunan Universiti Sains Malaysia pada tahun 2014 adalah berjumlah RM24,733,665 iaitu 52.6% lebih rendah daripada perbelanjaan pembangunan tahun 2013 berjumlah RM52,202,473. Perbelanjaan pembangunan dapat diringkaskan kepada perbelanjaan untuk tanah, bangunan dan kemudahan, alat kelengkapan serta bekalan dan perkhidmatan lain. Perbelanjaan untuk tanah, bangunan dan infrastruktur bagi tujuan pembangunan pada tahun 2014 berjumlah RM 9,845,134 iaitu (74.6%) lebih rendah daripada perbelanjaan pada tahun 2013 berjumlah RM34,929,028. Jadual 4 menunjukkan secara terperinci perbandingan pecahan perbelanjaan pembangunan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014 dan 2013.

JADUAL 4: PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

	Tahun 2014		Tahun 2013	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Tanah, Bangunan dan Kemudahan	9.8	39.7	34.9	66.9
Alat Kelengkapan	12.5	50.6	13.0	24.9
Bekalan dan Perkhidmatan Lain	2.4	9.7	4.3	8.2
Jumlah	24.7	100	52.2	100

Terdapat lebih pendapatan atas perbelanjaan pembangunan pada tahun 2014 berjumlah RM21,946,335 berbanding dengan kurangan pendapatan atas perbelanjaan pada tahun 2013 berjumlah RM52,202,473 menurun sebanyak RM74,148,808 atau 142 %. Lebih pendapatan terkumpul pada tahun 2014 berjumlah RM92,936,128 telah meningkat sebanyak RM21,946,335 (30.9%) berbanding lebih terkumpul pembangunan daripada RM70,989,793 pada tahun 2013 seperti tertera di Jadual 5.

JADUAL 5: LEBIHAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

	Tahun 2014 RM Juta	Tahun 2013 RM Juta
Pendapatan	46.7	0.0
Tolak : Perbelanjaan	24.7	52.2
Lebihan/(Kurangan) untuk tahun	22.0	(52.2)
Pelarasan IDB	-	0.6
Lebihan terkumpul awal tahun	70.9	122.5
Lebihan terkumpul akhir tahun	92.9	70.9

PENDAPATAN PENYELIDIKAN E-SCIENCE

Pendapatan penyelidikan E-Science Universiti Sains Malaysia pada tahun 2014 adalah berjumlah RM2,536,375 iaitu (18.7%) lebih rendah berbanding pada tahun 2013 berjumlah RM3,119,126 daripada kerajaan. Pemberian wang ini merupakan peruntukan untuk membiayai projek-projek penyelidikan jangka pendek.


PERBELANJAAN PENYELIDIKAN E-SCIENCE

Perbelanjaan penyelidikan E-Science Universiti Sains Malaysia pada tahun 2014 adalah berjumlah RM2,622,092 iaitu (11.4%) lebih rendah berbanding pada tahun 2013 berjumlah RM2,957,839. Daripada jumlah ini, 9.3% ialah perbelanjaan untuk alat kelengkapan dan baki sebanyak 90.7% ialah perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan yang lain. Perbelanjaan ke atas alat kelengkapan telah menurun sebanyak 26.5% dalam tahun 2014 berjumlah RM242,914 berbanding tahun 2013 yang berjumlah RM330,613. Begitu juga perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan lain menunjukkan penurunan sebanyak 9.4% berjumlah RM2,379,178 dalam tahun 2014 berbanding tahun 2013 yang berjumlah RM2,627,225. Ini dapat dilihat dengan jelas di dalam Jadual 6.


JADUAL 6: PERBELANJAAN PENYELIDIKAN E-SCIENCE

	Tahun 2014		Tahun 2013	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Alat Kelengkapan dan Buku	0.2	9.3	0.3	11.2
Bekalan dan Perkhidmatan Lain	2.4	90.7	2.6	88.8
Jumlah	2.6	100	2.9	100


PENDAPATAN KUMPULAN WANG 2010 - 2014




PECAHAN PENDAPATAN 2010-2014




PERBELANJAAN KUMPULAN WANG 2010 - 2014




PECAHAN BELANJA 2010 - 2014




PERUNTUKAN, PENDAPATAN & PERBELANJAAN 2010 - 2014





PERUNTUKAN BELANJA MENGURUS 2010 - 2014




HARTA BERSIH 2010 - 2014





■ MENGURUS ■ PEMBANGUNAN ■ AM ■ ENTERPRISE ■ UNIVERSITI PENYELIDIKAN ■ APEX





PENYATA KEWANGAN

- 1 Laporan Ketua Audit Negara
- 2 Penyata Lembaga Gabenor Universiti
- 3 Pengakuan Oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Universiti Sains Malaysia
- 4 Lembaran Imbangan
- 5 Penyata Pendapatan
- 6 Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang
- 7 Penyata Aliran Tunai
- 8 Nota Kepada Penyataan Kewangan



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Lembaga Gabenor Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Gabenor bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Gabenor juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi

bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.



(LT KOL (K) DATUK HJ. ANWARI BIN SURI)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
2 JULAI 2015



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Gabenor Universiti
(AKAUN KUMPULAN)**

Kami, **TAN SRI DATUK DR. ZULKEFLI A. HASSAN** dan **PROFESOR DATO' DR. OMAR OSMAN** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Gabenor **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Gabenor, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA** pada 31 Disember 2014 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga,



.....
TAN SRI DATUK DR. ZULKEFLI A. HASSAN
Pengerusi Lembaga Gabenor

Tarikh : **25 JUN 2015**

Tempat : Pulau Pinang

Bagi Pihak Lembaga,



.....
PROFESOR DATO' DR. OMAR OSMAN
Ahli Lembaga Gabenor

Tarikh : **25 JUN 2015**

Tempat : Pulau Pinang

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Saya, DR. ROHAYATI MOHD ISA (No K/P : 650131-08-6356) pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.


Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di **SEBERANG JAYA PULAU PINANG**
pada **25 JUN 2015**



DR. ROHAYATI MOHD ISA

Di hadapan saya,


PESURUHJAYA SUMPAAH
Valaigam a/l Karupiah
Pesuruhjaya Sumpah
No. 44-A, Jalan Todak 4,
Bandar Seberang Jaya,
13700 Perai, Pulau Pinang



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER 2014

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2014 RM	Dinyatakan Semula 2013 RM	2014 RM	Dinyatakan Semula 2013 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	4	1,042,273,958	1,123,739,172	1,040,629,557	1,121,969,773
KERJA DALAM KEMAJUAN	5	99,246,371	97,705,793	99,246,371	97,705,793
PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI	6	-	-	5,000,002	5,000,002
PELABURAN DALAM HARTANAH PAJAKAN	7	3,781,116	3,868,744	-	-
PELABURAN SYARIKAT USAHASAMA	8	381,415	468,396	-	-
PELABURAN JANGKA PANJANG	9	1,155,000	1,155,000	1,155,000	1,155,000
		1,146,837,860	1,226,937,105	1,146,030,930	1,225,830,568
ASET SEMASA					
Inventori	10	330,868	390,533	330,868	384,245
Pelaburan Jangka Pendek	11	21,454,857	15,100,632	15,094,018	14,669,075
Penghutang Pinjaman	12	8,349,958	8,641,307	8,349,958	8,641,307
Penghutang Perniagaan dan Pelbagai	13	91,875,297	71,356,041	86,245,524	66,750,406
Hutang dari Syarikat Subsidiari	14	-	-	6,502,711	5,203,008
Hutang dari Syarikat Sub - Subsidiari	15	-	-	2,846,896	1,915,423
Cagaran dan Prabayar	16	3,706,574	4,489,673	3,706,574	4,489,673
Simpanan Tetap	17	810,257,263	699,747,521	790,973,678	674,473,678
Wang Di Tangan dan Bank	18	73,792,951	94,757,478	59,839,338	83,138,081
		1,009,767,768	894,483,185	973,889,565	859,664,896
LIABILITI SEMASA					
Pemutang Perniagaan dan Pelbagai	19	142,377,634	117,554,346	121,398,636	95,495,583
Cagaran	20	14,046,869	13,288,141	14,046,869	13,288,141
Biasiswa / Dermasiswa	21	1,555,557	7,364,464	1,555,557	7,364,464
Terhutang kepada Pengarah Syarikat Subsidiari	22	-	2	-	-
Geran Jangka Pendek	23	51,142	110,849	-	-
Cukai		305,986	194,147	-	-
		158,337,188	138,511,949	137,001,062	116,148,188
ASET SEMASA BERSIH		851,430,580	755,971,236	836,888,503	743,516,708
		1,998,268,440	1,982,908,341	1,982,919,433	1,969,347,276

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI		
	2014 RM	Dinyatakan Semula 2013 RM	2014 RM	Dinyatakan Semula 2013 RM	
DIBIYAI OLEH:					
KUMPULAN WANG MENGURUS	24	161,204,105	164,318,463	161,204,105	164,318,463
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN UNIVERSITI	25	111,758,964	120,807,091	111,758,964	120,807,091
KUMPULAN WANG AM	26	331,516,743	295,860,750	331,516,743	295,860,750
KUMPULAN WANG ENTERPRISE	27	211,206,193	194,292,233	211,346,538	194,432,578
KUMPULAN WANG UNIVERSITI PENYELIDIKAN	28	113,044,733	87,801,631	113,044,733	87,801,631
KUMPULAN WANG APEX	29	50,027,123	66,737,504	50,027,123	66,737,504
KEUNTUNGAN TERSIMPAN SYARIKAT SUBSIDIARI		15,188,486	13,400,514	-	-
		993,946,347	943,218,186	978,898,206	929,958,017
REZAB MODAL	30	511,079	529,996	399,308	418,225
GERAN PEMBANGUNAN KERAJAAN	31	957,841,936	998,798,354	957,841,936	998,798,354
CUKAI TERTUNDA	32	189,095	189,125	-	-
MANFAAT PEKERJA		45,779,983	40,172,680	45,779,983	40,172,680
		1,998,268,440	1,982,908,341	1,982,919,433	1,969,347,276

Nota-Nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2014 RM	Dinyatakan Semula 2013 RM	2014 RM	Dinyatakan Semula 2013 RM
PENDAPATAN					
Pemberian Kerajaan - Belanja Mengurus		1,014,603,950	861,082,271	1,014,603,950	861,082,271
Pemberian Kerajaan - Apex		-	30,000,000	-	30,000,000
Pemberian Kerajaan - Universiti Penyelidikan		85,000,000	100,000,000	85,000,000	100,000,000
Pemberian Kerajaan - E-Science		2,534,875	3,119,126	2,534,875	3,119,126
Yuran Pengajian		120,551,738	124,793,555	120,551,738	124,793,555
Pelunasan Geran Pembangunan Kerajaan		116,599,870	122,225,125	116,599,870	122,225,125
Sewa		9,599,160	9,525,946	8,343,437	8,226,845
Dividen		1,252,424	1,293,950	1,249,566	1,668,950
Faedah		22,410,199	24,040,710	21,659,831	23,321,722
Perkhidmatan Hospital		13,137,934	12,034,727	11,571,325	10,647,332
Sumbangan	33	50,019,582	39,211,468	50,019,582	39,211,468
Pendapatan Lain	34	66,227,189	58,879,501	33,710,715	33,312,720
		1,501,936,921	1,386,206,379	1,465,844,889	1,357,609,114
PERBELANJAAN					
Emolumen		733,764,465	691,482,527	726,586,501	683,807,501
Perkhidmatan dan Bekalan		474,932,190	438,329,936	451,495,699	420,319,278
Pembelian Harta Modal		15,892,070	15,619,694	15,892,070	15,619,694
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		30,001,479	36,189,726	30,001,479	36,189,726
Elaun Untuk Hutang Ragu		17,943,554	4,590,709	17,868,400	4,590,709
Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan		48,920	211,921	48,920	67,960
Susutnilai		166,311,140	185,047,821	165,781,280	184,285,085
Perbelanjaan Lain		11,391,569	9,246,943	9,225,543	8,089,934
		1,450,285,387	1,380,719,277	1,416,899,892	1,352,969,887
Lebih / (Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan Sebelum Cukai		51,651,534	5,487,102	48,944,997	4,639,227
Cukai	35	(923,373)	(1,007,695)	(4,808)	(160,789)
Lebih / (Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan Selepas Cukai		50,728,161	4,479,407	48,940,189	4,478,438

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

KUMPULAN	NOTA	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	Kumpulan Wang Am	Kumpulan Wang Enterprise	Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan	Kumpulan Wang Apex	Keuntungan Tersimpan Syarikat Subsidiari	Jumlah
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2013		164,607,171	129,855,218	294,046,623	189,910,289	45,619,894	101,300,039	13,399,545	938,738,779
Kelebihan / (Kekurangan) Bersih Bagi Tahun		(20,998,117)	(9,048,127)	(1,073,873)	2,594,033	45,181,737	(34,524,535)	351,569	(17,517,313)
Pelarasan Tahun lalu	36	20,709,409	-	-	1,637,911	-	-	(350,600)	21,996,720
Pindahan		-	-	2,888,000	150,000	(3,000,000)	(38,000)	-	-
Seperti dinyatakan semula		(288,708)	(9,048,127)	1,814,127	4,381,944	42,181,737	(34,562,535)	969	4,479,407
Pada 31 Disember 2013		164,318,463	120,807,091	295,860,750	194,292,233	87,801,631	66,737,504	13,400,514	943,218,186
Kelebihan / (Kekurangan) Bersih Bagi Tahun		(3,114,358)	(9,048,127)	35,629,398	16,912,705	25,243,102	(16,682,531)	1,787,972	50,728,161
Pindahan		-	-	26,595	1,255	-	(27,850)	-	-
		(3,114,358)	(9,048,127)	35,655,993	16,913,960	25,243,102	(16,710,381)	1,787,972	50,728,161
Pada 31 Disember 2014		161,204,105	111,758,964	331,516,743	211,206,193	113,044,733	50,027,123	15,188,486	993,946,347

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

UNIVERSITI	NOTA	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	Kumpulan Wang Am	Kumpulan Wang Enterprise	Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan	Kumpulan Wang Apex	Keuntungan Tersimpan Syarikat Subsidiari	Jumlah
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2013		164,607,171	129,855,218	294,046,623	190,050,634	45,619,894	101,300,039	-	925,479,579
Kelebihan / (Kekurangan) Bersih Bagi Tahun		(20,998,117)	(9,048,127)	(1,073,873)	2,594,033	45,181,737	(34,524,535)	-	(17,868,882)
Pelarasan Tahun lalu	36	20,709,409	-	-	1,637,911	-	-	-	22,347,320
Pindahan		-	-	2,888,000	150,000	(3,000,000)	(38,000)	-	-
Seperti dinyatakan semula		(288,708)	(9,048,127)	1,814,127	4,381,944	42,181,737	(34,562,535)	-	4,478,438
Pada 31 Disember 2013		164,318,463	120,807,091	295,860,750	194,432,578	87,801,631	66,737,504	-	929,958,017
Kelebihan / (Kekurangan) Bersih Bagi Tahun		(3,114,358)	(9,048,127)	35,629,398	16,912,705	25,243,102	(16,682,531)	-	48,940,189
Pindahan		-	-	26,595	1,255	-	(27,850)	-	-
		(3,114,358)	(9,048,127)	35,655,993	16,913,960	25,243,102	(16,710,381)	-	48,940,189
Pada 31 Disember 2014		161,204,105	111,758,964	331,516,743	211,346,538	113,044,733	50,027,123	-	978,898,206

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2014 RM	2013 RM	2014 RM	2013 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Lebihan / (Kurangan) pendapatan atas perbelanjaan sebelum cukai	51,651,534	5,487,102	48,944,997	4,639,227
Pelarasan untuk:				
Susutnilai	166,311,140	185,047,862	165,781,280	184,285,085
Pendapatan dividen	(1,252,424)	(1,293,950)	(1,249,566)	(1,668,950)
Faedah diterima	(22,410,199)	(23,275,399)	(21,659,831)	(23,270,702)
Pelunasan Geran Pembangunan Kerajaan	(116,599,870)	(122,225,125)	(116,599,870)	(122,225,125)
Pelunasan geran aset	(59,707)	(214,031)	-	-
Pelunasan geran perbelanjaan	-	(202,964)	-	-
Rosot nilai saham	514,159	-	427,114	-
Rosot nilai akibat kejatuhan nilai pelaburan tidak lagi diperlukan	-	(828,686)	-	(828,686)
